



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Shah Alam, Selasa 29 Mac 2011

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y. B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)
(Bercuti menunaikan Umrah)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
BENTARA

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
PENOLONG BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,* Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ke Empat Dewan Negeri Selangor yang kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

I DOA

TUAN SPEAKER: Salam Sejahtera dan Selamat Pagi kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Para Pemerhati sekalian. Bertemu sekali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ke Empat Dewan Negeri Selangor Yang Ke Dua Belas. Saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat ADUN Kawasan Sungai Panjang tidak dapat menghadiri mesyuarat kali ini kerana sedang menunaikan Umrah. Permohonan cuti telah pun dikemukakan kepada saya dan saya telah meluluskan permohonan beliau. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini. Dipersilakan.

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2011
 - Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2011
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2011
 - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2011 dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama, Bagi Kerajaan Negeri Selangor
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2011
 - Penyata Kewangan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2011
 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2011
 - Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2011
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah – JPK-PADAT

- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2011
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency – SELCAT*)
- ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2011
 - Rang Undang-Undang Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker. Soalan satu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB TUAN LEE KIM SIN (KAJANG)

TAJUK: **PEMBALAKAN HARAM**

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
 - a) Berapakah bilangan kes pembalakan tanpa kebenaran di hutan simpanan dalam tahun 2010?
 - b) Apakah usaha kerajaan dan kekurangannya dalam pencegahan pembalakan tanpa kebenaran?
 - c) Apakah status atau kemajuan dalam pelaksanaan pembalakan secara sistem pengurusan selektif(*selectial management system*) di Selangor?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker bilangan kes pembalakan tanpa kebenaran telah direkodkan dalam kawasan hutan simpanan kekal dalam tahun 2010 ialah sebanyak tiga puluh lapan kes. Dan berlaku di kawasan hutan simpan berjenis paya laut iaitu hutan bakau. Pada tahun 2010 lima tangkapan hukuman penjara selama sepuluh bulan dikenakan dan tiga tangkapan yang dijatuhkan hukuman penjara sebelas bulan dikenakan. Usaha Kerajaan dalam pencegahan pembalakan tanpa kebenaran ialah menggunakan satu sistem penguatkuasaan dan juga pemeliharaan yang sepadu. Antaranya peruntukan sebanyak seratus lima puluh ribu sampai dua ratus ribu setiap tahun melalui projek pembalakan haram sifar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bagi tempoh RMK 10 iaitu dari tahun 2011 sampai 2015 khususnya bagi pemantauan melalui udara menggunakan helikopter. Kerajaan Negeri juga dalam proses untuk membuat pengisian kekosongan lapan jawatan baru bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

Malaysia (JPA). Selain daripada itu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor menjalankan program-program untuk memupuk sifat kecintaan dan juga pemeliharaan terhadap hutan-hutan simpan di Negeri Selangor. Berkenaan dengan status pelaksanaan pembalakan secara sistem pengurusan selektif dengan izin (*selectial management system*) di Negeri Selangor adalah pada masa ini SMS tidak dilaksanakan kerana dasar memotorium pembekuan pembalakan oleh Kerajaan Negeri Selangor masih kekal.

YB TUAN LEE KIM SIN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya. Silakan.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker, Kajang ingin bertanya kenapa SMS iaitu (*selectial management system*) tidak dilakukan kerana kita dapati pembalakan secara haram masih berlaku. Kalau tidak kita membenarkan melonggarkan sebahagian daripada hutan yang di pokok-pokok yang sudah tua yang perlu, dia akan mati juga kalau tidak ditebangkan maka kalau kita gunakan sebagai balak ia akan mendatangkan hasil dan juga industri pembalakan dan juga yang *didownstrim* industri dengan izin juga dapat hidup bersama-sama. Sekian, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kajang buat sementara ini sistem SMS atau sistem pengurusan memilih dengan izin (*selectial management system*) dibekukan sementara ini supaya Kerajaan Negeri Selangor boleh mengkaji dan buat banciaan apakah yang masih ada dalam kawasan hutan asli yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal bagi menjamin pengeluaran hasil hutan khususnya kayu balak secara berkekalan ataupun mampan. Jadi buat sementara ini kita sedang mengukuhkan dan juga membuat banciaan supaya bila kita melaksanakan SMS secara selektifnya saya ingin tekankan kita bukan sahaja masuk dalam dengan izin *bulldoze averting* tetapi kita boleh memilih pokok-pokok yang memang lama iaitu antara dua puluh lima tahun sampai lima puluh lima tahun untuk dibalakkan.

TUAN SPEAKER : Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO yang berkenaan dengan SMS tadi, Tadi dinyatakan bahawa ianya dibekukan untuk sementara. Jadi soalan saya dibekukan sementara itu untuk jangka masa berapa lama, selalunya dalam proses-proses sebegini kita akan mengadakan satu *time frame* dengan izin untuk memastikan yang bekalan itu tidak terputus. Kita mendapat aduan bahawa bekalan kayu bakau khususnya di Negeri Selangor berkurangan hinggan ada pihak-pihak tertentu yang didalangi oleh pihak-pihak tertentu melakukan penebangan kayu bakau ini dan dilonggokkan di satu tempat hingga akhirnya pihak Jabatan Perhutanan rampas dan kemudian ditenderkan. Apabila ditenderkan sebatang kayu bakau ini lebih kurang empat ringgit tetapi hasil penjualan itu tidak masuk ke dalam Kerajaan Negeri. Ini merugikan hasil hutan negeri, jadi saya minta mesti diadakan satu tempoh tertentu dan mesti diteruskan dan ia tidak boleh beku setahun lebih kita difahamkan. Jadi saya minta penjelasan Tuan Speaker.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Sri Muda, pembekuan ini memang ada hadnya jangka masa yang kita anggarkan setakat ini belum ditentukan. Saya juga ingin menekankan bahawa hutan-hutan simpan di kawasan Negeri Selangor khasnya di kawasan hutan bakau memang tertekan selama-lama ini. Jadi kita memerlukan sesuatu dengan izin *viding spesies* supaya pokok-pokok bakau ini boleh dipulihkan pada masa yang sama kita juga perlu tentukan di manakah tempat ataupun tapak hutan simpan yang kita boleh balak khasnya di kawasan hutan bakau. Pada masa yang sama saya juga ingin menekan bahawa kalau kita hanya dengan izin *if we only on* in Negeri Selangor, jadi masa ini memang

kawasan hutan simpan di Negeri Selangor tidak banyak lagi. Saya rasa kurang daripada tiga puluh satu peratus dan ini adalah paling minimum yang kita boleh kekalkan. Jadi buat sementara ini kita sedang mengukuhkan satu sistem, sistem ini ataupun *blue print* ini boleh menyatu padukan satu SMS yang memang terhad saya ingin tekan sekali lagi memang terhad dan keduanya kita juga ingin mengukuhkan satu sifat pemuliharaan dan juga pemeliharaan hutan simpan di Negeri Selangor ini. Itu adalah lebih mendesak.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker Soalan nombor 2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

YB TUAN NG SUEE LIM

(SEKINCHAN)

TAJUK : KELULUSAN TANAH SECARA BERKELOMPOK

2. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
 - a) Sila nyatakan apakah pencapaian terkini penyelesaian tanah secara berkelompok yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak 3 tahun yang lepas ?
 - b) Sila kemukakan butiran terperinci masalah tanah yang telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri melalui kaedah kelulusan secara berkelompok mengikut pecahan kaum dan daerah ?
 - c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mencegah individu-individu yang cuba menanggung di dalam air yang keruh walaupun mereka tidak mengusahakan tanah ?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat dari Sekinchan mengenai soalan kelulusan tanah secara berkelompok. Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran kerajaan Negeri Selangor kita telah menjalankan satu proses supaya hak milik sementara yang diduduki oleh mereka-mereka dan keluarga melebihi 15 tahun dapat diberikan hak milik yang sah kerana hak milik sementara ialah dengan namanya sendiri menunjukkan tidak mempunyai hak milik. Jadi kita dah lakukan secara berkelompok kerana kita dapati sebelum dulu terdapat pemberian hak milik secara selektif maknanya satu kampung yang terdiri daripada 200 penghuni. Kita dapati tidak sampai 10% yang dapat pemilikan. Itu pun dibuat secara selektif. Dan untuk itu kita telah buat satu dasar yang mana kita ingin menyelesaikan keseluruhannya tidak mengambil kira siapa yang duduk di sana. Tetapi tidak mengambil kira kepentingan dari segi fahaman mereka tetapi sebagai rakyat Selangor mereka berhak untuk mendapat tapak kediaman. Saya nak nyatakan di sini ialah tapak kediaman bukan tapak perniagaan dan juga perusahaan. Dan untuk itu kerajaan negeri telah meminta pegawai-pegawai daerah terutama pegawai-pegawai tanah untuk menjalankan tugas mengambil data dan mengumpulkan dan juga membuat kertas kerja untuk membolehkan mereka-mereka yang sah dan layak untuk mendapati pemilikan tersebut. Sehingga sekarang hampir 400 permohonan telah diterima dan ia akan berterusan lagi. Untuk kiraan saudara biasanya antara 100 ke 250 permohonan untuk satu kes. Jadi kalau 100, 440,000 dan kalau 200, 800,000 sudah termasuk dalam kiraan kita. Ini dilakukan berperingkat-peringkat kerana ada proses yang kita lakukan. Walau bagaimanapun apabila permohonan itu sampai ke EXCO,

EXCO telah menjalankan beberapa kualiti test (semakan) dan kita juga mendapati boleh jadi pentadbiran yang lepas tidak terlalu berkira tentang sapa yang sepatutnya memilikinya. Dan tidak juga berkira dari segi memberitahu masyarakat yang mereka-mereka ini adalah sah kerana kita takut terdapat pemilihan dan pemberian kepada mereka yang tidak sepatutnya mendapat. Kita juga dapati permohonan-permohonan itu adalah berasaskan satu perkara maknanya mereka akan tinggal di sana. Mereka tinggal di kawasan tersebut walaupun tanah milikan sementara dan mereka tinggal melebihi 10 ke 15 tahun. Kita dapati juga permohonan yang tanah kosong juga dipohon oleh orang yang tidak tinggal di sana. Jadi oleh sebab itu kita kena semak kerana kita tahu boleh jadi pegawai kerajaan terdesak untuk memasukkan nama-nama yang tidak sepatutnya dimasukkan. Dengan cara itu kita kata kita semak semula. Itu sebab pada awalnya kita proses itu agak cepat tetapi bila kita buat kajian dan kita juga telah meminta ahli EXCO, Ahli Dewan itu sendiri turun padang tengok dan ada juga yang memberi nama yang sepatutnya dapat satu memberi untuk dapat tujuh. Jadi itu pun kita rasa tidak adil. Oleh sebab itulah proses itu ada masalahnya sebab kita baru membuat satu proses yang telus dan mantap. Kedua, kita juga mendapati terdapat juga apa yang kita panggil peneroka profesional maknanya dua tiga tempat dia boleh dapat. Jadi peneroka profesional juga walaupun dia layak untuk membuat bisnes tetapi dia tidak layak untuk mendapat kebajikan daripada negeri Selangor melainkan satu tempat sahaja. Jadi kita sekarang membina *data base* bukan tiap-tiap nama yang dapat itu dan kita juga dapat daripada *data base* yang masih belum lengkap ada pemohon yang juga mempunyai tiga atau empat rumah kos rendah di tempat-tempat lain. Jadi oleh sebab itu kita tinggalkan nama mereka. Pada awalnya mereka protes tetapi bila kita tunjukkan pemilikan mereka dia agak kurang memohon tetapi dia masih minta ihsan daripada Ahli Dewan atau pun Menteri Besar supaya dia dapat memilih terus Pakatan Rakyat tapi kita tidak ambil itu sebagai timbangan itu sebabnya saya nak terangkan. Jadi sebab itu kita lakukan dan saya berharap kalau dalam beberapa masa yang akan datang semua rakyat Selangor akan dapat mempunyai tempat tinggal yang sah dan tidak lagi milikan sementara dan kita juga menyekat orang-orang yang mempunyai kepentingan ada kalanya oleh sebab beberapa sebab mereka telah dapat tempat atau tanah pemilikan sementara tetapi tugasnya untuk menyewa dan ada setengah orang terpaksa membayar sewa selama 15 tahun untuk tempat milikan sementara tersebut. Dan keputusan EXCO dan saya sendiri ialah memberi kepentingan itu sendiri pada yang menyewa bukan kepada yang memiliki. Itu pun kita kena ada rekod. Kita ada rekod itu sebab ia memakan masa dan kita akan ada perjumpaan dengan pihak D.O. dan pihak Pegawai Tanah bersama-sama dengan Dato' SS untuk menerangkan pengalaman-pengalaman kita dan bagaimana cara untuk mengatasinya supaya setiap rakyat yang sepatut mendapatnya diberi kesempatan dan tidak sapa pun yang dapat menyalahgunakan kebajikan yang diberikan oleh kerajaan negeri. Jadi kita dah lakukan yang lulus daripada 388 hampir 150 tak lulus. Maknanya ada upacara pemilikan. Saya nak bagi tau kita tak ada diskriminasi langsung. Sungai Panjang mendapat banyak kelulusan boleh jadi dulu tak ada tapi sekarang banyak kelulusan dan kita telah tidak ada minta kad mana-mana parti. Tak ada dalam borang tu pun tulis. Semua akan diberikan kesempatan dan saya berharap kita akan dapat sokongan semua ahli dewan untuk meneruskan usaha ini supaya tidak lagi dikatakan rakyat Selangor tidak mendapat kesempatan untuk pemilikan hartanah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker soalan tambahan. Saya ingin minta sedikit penjelasan secara *detail* dari YAB Tan Sri tentang jawapan tadi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana dalam soal kelulusan tanah secara berkelompok ini memang saya sendiri rasai semua memang tiada pilih bulu dalam konteks ini tiada pilih parti memang sapa-sapa pun kalau layak dia akan diberikan.

Tahniah sikap profesional dan efektifnya Pakatan Rakyat dan soalan saya ialah semakan yang dilakukan oleh MMKN pada EXCO atau ADUN yang dipertanggungjawabkan kadang-kadang saya nampak tersilap bagi. Setengah ADUN yang dibagi atau EXCO yang dibagi mereka tidak begitu arif tentang kawasan tersebut dan ini telah menyebabkan kelewatan demi kelewatan. Dalam konteks ini kalau boleh saya minta Yang Amat Berhormat bagi kalau boleh pada orang yang arif tentang kawasan tersebut dan wakil rakyat di kawasan tersebut. Saya ada satu kes di mana saya sendiri telah memberi ulasan dan semakan tetapi akhirnya pihak MMKN masih menangguhkan dan memberi kepada Setiausaha Politik Yang Amat Berhormat Tan Sri. Ini saya cukup pelik selaku wakil rakyat di kawasan tersebut ulasan dan semakan saya seolah-olah tidak laku. Dan saya rasa sedikit tersinggung dalam konteks inilah. Saya minta perkara ini boleh diambil perkiraan. Kedua, ada kelulusan yang diluluskan oleh MMKN khususnya di kawasan Kampung Baru Cina dan dahulunya memang ada tawaran istimewa khusus untuk premium Kampung Baru Cina tetapi mutakhir ini ada beberapa kes saya nampak kelulusan yang sama lanjutan pajakan hak milik yang sudah tamat tempoh dilanjutkan. Dulu premiumnya 50 sen satu kaki persegi dulu. Jiran pun 50 sen tetapi sekarang kelulusan dia dapat dua ringgit, empat ringgit. Ini menyebabkan protes dan mereka tanya saya kenapa sebelah 50 sen dan saya empat ringgit. Apakah ada pilih kasih atau sebagainya. Saya minta perkara ini harus diperjelaskan secara *detail*. Sekian terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat dari Sekinchan. Dato' Speaker saya berterima kasih pada perjuangan yang dilakukan oleh saudara Yang Berhormat dari Sekinchan iaitu nampaknya dia memperjuangkan hak rakyat tetapi juga jangan membelakangkan hak negeri. Itu pun sangat penting. Jadi kita menjalankan konsep merakyatkan ekonomi kalau kita bagi pada individu lebih pada rakyat yang lain tak dapat. Itu sebab saya mengadakan semakan dua kali sebabnya Yang Berhormat dari Sekinchan tahu yang saya suruh Setiausaha Politik tu sebab ada protes. Jadi tidak saya nak memanggil Yang Berhormat untuk datang mendengar protes sebab kita kena kaji dulu betul tak protes ni atau tidak. Ada kalanya Menteri Besar menerima surat bukan satu dua muka tetapi kadang-kadang sepuluh muka. Jadi kalau saya sibuk membaca sepuluh muka surat maknanya kerja lain pulak saya tidak boleh buat. Oleh sebab itu saya rasa saya minta Setiausaha Politik secara bebas dia tidak boleh membuat keputusan tetapi menyemak kesahihan surat tersebut. Saya minta maaf kalau Ahli-ahli Dewan terkilan tentang perkara itu sebab kalau saya tidak buat secara telus, secara benar nanti saya tidak menjalankan tugas secara amanah. Itu sebab saya tidak takut. Saya juga mengambil pegawai kerajaan untuk menjalankan tugas itu. Pegawai kerajaan yang berpengalaman untuk turun ke padang supaya bersama-sama dengan Pegawai Tanah yang dulunya boleh jadi tak pernah membuat kerja ini saya suruh juga bersama supaya lebih banyak pengalaman. Kita juga telah meminta Penghulu dan Ketua Kampung. Ada juga Penghulu dan Ketua Kampung dulunya keputusan mereka adalah secara *discretionary* maknanya boleh timbang-timbang. Jadi maknanya sedara mak dia jadi kita tak boleh la tolak dia. Tapi dia tak duduk situ. Tapi sedara diambil kira sebagai keputusan tersebut. Jadi pada saya sedara tak masuk dalam kumpulan pemilikan tanah. Kemudian kita juga tanya sedikit sedara ni duduk di mana. Duduk pula di Damansara. Jadi kita pun rasa bukan sebab pemberian tanah ini adalah atas dasar kebajikan bukan atas dasar pemilikan. Kalau pemilikan kita tidak akan menghalang kalau dia ingin membeli dengan harga pasaran. Dia boleh beli. Satu *tower* pun dia boleh beli. Kerajaan negeri Selangor menggalakkan. Kedua, dari segi pembayaran kita tidak boleh mengambil kira secara *discretionary* maknanya yang itu dapat 50 sen, yang ini dapat tiga ringgit. Tetapi mesti ada asas. Asas yang kita lakukan ialah pentadbir tanah tidak boleh menentukan dengan sendirinya premium yang dibayar. Dia mesti berasaskan dengan nilai. Nilai ini ditetapkan oleh kumpulan profesional iaitu juru nilai untuk ini yang kita ambil ialah mereka-mereka di bawah Kementerian Kewangan ada juru nilai tertentu yang menilai tersebut kemudian ada sifirnya. Berapa peratus daripada tersebut. Biasanya tidak lebih

daripada 10%. Biasanya saya tengok tak sampai 5% daripada nilai tanah tersebut. Jadi kalau 10 tahun dulu dia bayar lima puluh ringgit sekarang dia nak bayar lima puluh ringgit itu saya tak dapat pertahankan. Sebab kalau 20 tahun dulu tanah di Petaling Jaya harga tak sampai sepuluh ringgit sekaki. Tapi kalau Ahli Yang Berhormat boleh tunjukkan pada saya ada tanah di Petaling Jaya yang harganya lima puluh ringgit sekaki pun saya dah senang hati untuk diberikan pada orang miskin. Yang sebenarnya tak ada. Semua melebihi seratus ringgit. Itu sebab kita ada formula, kita ada asas. Walau bagaimanapun saya mendapati banyak permohonan yang kita kena kaji ada juga orang-orang yang memang tidak upaya. Maksudnya walaupun nilai tanah mereka bernilai seratus ribu dia kena bayar sepuluh ribu ringgit. Dia kata dia tidak boleh bayar sepuluh ribu ringgit tapi nilai tanahnya seratus ribu ringgit sekurang-kurangnya. Kita nak ambil *option* bagi dia seratus ribu suruh dia pindah dia kata dia terlalu sentimental tetapi dia tak nak bayar yang sepuluh ribu itu. Jadi kita akan membuat Dato' SUK telah memanggil pegawai-pegawai daerah untuk mengadakan perbincangan bagaimana menyelesaikan isu ini. Sebab bila kita bagi sahaja kelulusan dia jual tanah tersebut. Dan kerajaan negeri tidak dapat premium yang sepatutnya. Jadi saya minta maaf tak dapat selesaikan perkara ini sebab terlalu banyak kes yang saya tak gambarkan dulu ada yang tidak dapat dibuat dalam 'kalau A ini dia, kalau B ini dia sekarang bukan ada A, ada AB, AC maksudnya ada banyak kes. Tapi percayalah kerajaan negeri akan mengambil pendirian kebajikan yang diutamakan. Bukan pendapatan. Tetapi tidak boleh menghilangkan pendapatan negeri. Kebajikan diutamakan. Sebab ini tanah untuk pemilikan mereka. Itu sahaja. Jadi kalau ada perkara-perkara yang tidak rasa tak betul saya minta wakil rakyat mengemukakan pada kita. Sebab perkara ini ketelusan bukan sorok-sorok. Kita telus supaya siapa yang dapat kita akan umumkan. Kalau esok ada permintaan untuk mengumumkan sesiapa yang dapat, keluarga mana yang dapat kita akan terbitkan satu buku pemilikan tanah yang hampir seratus ribu pemilik untuk dipaparkan sebab kita bangga negeri Selangor dapat menjalankan tugas untuk memberikan tanah kepada mereka yang benar-benar layak dengan secara terbuka, dengan secara telus dan memberi manfaat kepada negeri dan jugak kepada mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker Soalan No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : **PROJEK JAKESS**

3. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Jabatan Kehakiman Syariah di muka surat 100:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan perancangan projek tidak menyeluruh?
- b) Apakah keputusan-keputusan yang tidak konsisten yang mengakibatkan pembaziran kos juru perunding?
- c) Apakah pecahan-pecahan kos juru perunding yang telah melibatkan sejumlah RM1.77 juta?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. *Bismillahi rahman irahim.* Tuan Speaker pada tahun 2005 kerajaan negeri bercadang untuk membina Kompleks JAKESS bagi menggantikan bangunan yang sedia ada. Keputusan pembinaan bangunan JAKESS telah dibuat oleh JKR Selangor melalui pelantikan konsultan dan juru perunding bagi pembinaan Kompleks JAKESS dengan kos dua puluh lima juta. Namun begitu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tertangguhnya pelaksanaan projek ini iaitu sumber kewangan yang tidak mencukupi, perubahan lokasi tapak pembangunan dan struktur bangunan JAKESS yang memerlukan reka bentuk eksklusif dan menarik yang mencerminkan ciri-ciri sejarah tamadun keislaman. Bagi meneruskan hasrat kerajaan negeri itu untuk membina bangunan JAKESS maka kerajaan negeri melalui MMKN bil.5/2006 bertarikh 22 Februari 2006 telah memutuskan pelaksanaan pembinaan JAKESS melalui konsep *private financial inisiative* ataupun PFI yang telah melantik Amanah Raya Development Sdn Bhd untuk melaksanakan pembangunan ini. Kos bagi pelaksanaan projek ini adalah 160.59juta yang telah merangkumi segala kos perunding perkhidmatan bagi melaksanakan pembinaan bangunan JAKESS. Kaedah pelaksanaan pembinaan kompleks JAKESS ini melibatkan pembiayaan daripada Amanah Raya Development Sdn Bhd dan tempoh konsesi adalah selama 20 tahun.

Soalan yang kedua Tuan Speaker. B. Keputusan telah dibuat ketika itu melibatkan kos juru perunding RM1.77 juta dan secara amalan aktiviti perundingan konsultan yang telah dilaksanakan dibiayai oleh skop kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JKR. Dalam hal ini tidak timbul keputusan-keputusan yang tidak konsisten yang melibatkan pembaziran kos juru perunding.

C, Tuan Speaker, pecahan-pecahan kos juru perunding telah melibatkan jumlah kos 1.77 juta berdasarkan maklumat oleh JKR adalah seperti berikut:

1. Perunding arkitek – Kos 1.85 juta
2. Perunding ukur bahan – 0.28 juta
3. Perunding mekanikal dan elektrik – 0.20 juta
4. Perunding awam dan struktur -0.41 juta
5. Perunding penyiasatan awam – 0.01juta
6. Juru ukur berlesen – 0.02juta

Menjadikan jumlahnya 1.77juta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tuan Speaker soalan no. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TREND PELABURAN DI SELANGOR

4. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- a) Apakah trend dan jumlah pelaburan di negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain?
 - b) Senaraikan jumlah pelaburan dalam negeri dan dari luar negara untuk negeri Selangor dalam tahun 2006-2010

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, Yang Berhormat Taman Medan tanya apakah trend dan jumlah pelaburan di negeri Selangor berbanding dengan negeri-negeri lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2006 sehingga 2010 negeri Selangor mencatatkan prestasi pelaburan yang menggalakkan di mana negeri Selangor masih mengekalkan kedudukan sebagai salah sebuah negeri yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Walaupun begitu negeri Selangor telah mencatatkan kelulusan bilangan projek yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Pada tahun 2006 negeri Selangor menduduki tempat keempat selepas negeri Kedah, Johor dan Pulau Pinang. Dan pada tahun 2007 sehingga 2010 Selangor mengekalkan rekod dengan mencatatkan negeri kedua tertinggi dari segi jumlah pelaburan yang diterima. Maklumat yang terperinci jumlah pelaburan yang diterima oleh negeri Selangor bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain akan diberi kepada Yang Berhormat selepas ini secara bertulis.

Yang soalan kedua Yang Berhormat Taman Medan tanya senaraikan jumlah pelaburan dalam negeri dan luar negara untuk negeri Selangor dalam tahun 2006 hingga 2010. Untuk yang terhormat Taman Medan dan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini secara ringkas ialah dalam tempoh 2006 hingga 2010 bilangan projek yang telah diluluskan di Selangor adalah 1535. Peluang pekerjaan yang dicipta adalah 131,872. Dari segi pelaburan tempatan pula jumlah pelaburan tempatan dalam tempoh lima tahun ini adalah 21.15bilion. pelaburan asing pula adalah 24.62bilion dan jumlah modal pelaburan yang kita terima dalam tempoh lima tahun ini adalah 45.78bilion.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker soalan no.5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : KAMERA INTIPAN PEJABAT MB

5. Insiden intipan berkamera telah berlaku di pejabat YAB Dato' Menteri Besar dan jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan sejak sekian lama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan hasil siasatan terhadap isu tersebut?
- b) Bilakah hasil siasatan tersebut akan didedahkan kepada rakyat Selangor?
- c) Adakah Kerajaan negeri telus dalam menguruskan kes ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih rakan kita daripada Taman Templer. Untuk belajar daripada kamera intipan di Pejabat Menteri Besar tidak sehebat dengan Datuk T. Jadi kita telah menyimpan semua alat-alat tersebut untuk membuat kajian seterusnya dan antara kajian yang kita dapati bateri yang digunakan untuk set tersebut ialah dijual di RC Planet Sdn Bhd. No. 27-1 Jalan PJS 11/2 Subang Indah, 46150. Jadi penjualnya ialah Ephone dan dia juga telah buat alat itu di ETI Technology Malaysia Sdn Bhd lot no. 12, Industrial Zon Phase 2 Kulim Hitech Park, Kulim Darul Ehsan. Jadi kita menyimpan semua ini untuk kita gunakan dan kita juga telah menemu duga pegawai yang gambarnya pun di dalam *tape* itu. Tapi bukan *tape* video lucu. Bukan ye. Tetapi *tape* itu kita gunakan dan dijadikan alat untuk kita gunakan kajian lepas itu kita akan buka kepada orang ramai tentang kajian-kajian yang kita akan lakukan. Dan di samping itu kerajaan negeri untuk menentukan siasatan dan juga penjagaan mengenai keselamatan dan di pejabat-pejabat melalui satu tender telah melantik Tetuan Akhbar Associate yang beralamat L2&7 Plaza Damas Di Jalan Sri Hartamas 1 Kuala Lumpur untuk menjalankan pemeriksaan di semua tempat termasuk semua ahli EXCO. Di mana semua Ahli EXCO dan Pejabat Menteri Besar termasuk Dato' SS, Pengarah Kewangan Negeri, Dato' LA Penasihat Undang-Undang dan semua Ahli-Ahli EXCO supaya dapat pemantauan itu berlaku. Dan buat masa ini semakan dilakukan secara random dan kita tidak ada sekarang yang diberitahu *device electronic* yang berbentuk *recorder video camera* dan sebagainya. Jadi maknanya tidak ada buat masa sekarang. Ini dilakukan oleh kumpulan profesional dan dia akan datang dari semasa ke semasa. Tetapi kumpulan profesional itu akan juga mengkaji tentang *equipment-equipment* yang lepas. Kita tidak berminat untuk mengetahui perilaku tetapi kita berminat untuk mengetahui siapa yang sebenarnya dalang dalam proses tersebut. Itu sebab dia mengambil masa dan kita tidak menganggap perkara ini adalah satu perkara yang siasatan polis boleh dibuat secara besar-besaran ini kerana ia akan membuang masa dan duit rakyat kerana banyak lagi tugas-tugas polis yang perlu dilakukan untuk menolong rakyat. Tapi kita ada rekod, kita ada sistem dan semuanya ini akan kita buka jika perlu kepada rakyat semua. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sri Serdang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker soalan yang ketujuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : **GREATER KL : PERANAN SELANGOR**

7. Kerajaan Persekutuan telah melancarkan projek Greater KL yang antaranya meliputi transit aliran berkapasiti tinggi di Lembah Klang dan Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendapat kerajaan negeri tentang projek tersebut?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat berperanan dalam menjayakan projek Greater KL ini?
- c) Apakah bentuk manfaat yang bakal dinikmati oleh rakyat Selangor dengan projek tersebut?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sri Serdang. Mengenai kereta Kuala Lumpur dan peranan negeri Selangor. Saya mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang telah menyatakan dalam ucapan beliau yang juga akan dibincangkan di Dewan ini tentang peranan negeri Selangor dalam usaha pembangunan kereta Kuala Lumpur. Dan saya nak ingatkan rakyat Selangor jumlah *contribution* ataupun pemberian rakyat Selangor kepada ekonomi negara Malaysia sangat besar. Yang dinyatakan oleh Tuanku Sultan sendiri, dia melebihi 20%, maknanya 1/5 harta kekayaan Malaysia adalah di kawasan negeri Selangor. Jadi ini apa maknanya kalau kita terjemahkan . Dari segi ekonomi penterjemahan itu, negeri Selangor, setiap satu ringgit duit cukai yang didapati oleh kerajaan persekutuan, aa..20 sen sekurang-kurangnya dari negeri Selangor. Jadi oleh sebab itu, saya tidak ragu bahawa pembangunan negeri Selangor ini mesti di perhebatkan daripada duit cukai rakyat Malaysia sebab rakyat negeri Selangor membayar cukai lebih banyak daripada rakyat-rakyat daripada negeri-negeri yang lain. Jadi adalah patut pembangunan itu dilakukan di negeri Selangor. Kedua, kerajaan saya telah mengikuti perbincangan *greater* Kuala Lumpur sebab saya juga diminta menjadi salah satu daripada Ahli jawatankuasa pembangunan *greater* Kuala Lumpur. Dan pembangunan itu diambil ukuran dia, membandingkan mana yang kita mesti bangukan untuk mempercepatkan proses pembangunan ekonomi Malaysia. Sebagai contoh, untuk secara ringkas, untuk pengetahuan dewan, dia telah mengambil kira adakah mereka mesti fokus kepada koridor apa tu , koridor yang patut dibangunkan , koridor utara, tengah, apa, Iskandar , ataupun ..apa.. Daripada kajian mereka , walaupun pembangunan itu perlu tetapi dia tidak mempercepatkan proses pembangunan negara Malaysia. Apa yang saudara boleh gunakan kenyataan ini ialah dia tidak mempunyai kritikal mess untuk menampung pembangunan tersebut. Tetapi apabila dikaji lembah Klang mempunyai *critical mess*, maknanya pengguna yang cukup jika pembangunan itu dilakukan. Katalah MRT dibuat, sekurang-kurangnya 23, 20ribu ke 40ribu akan dapat menggunakan dengan terus. Tapi kalau LRT dibuat di Iskandar, boleh jadi LRT siap , 5-6 tahun baru dapat *that critical mess*. Kalau RT dibuat di Perak, Penang , Kedah, boleh jadi tak cukup untuk mendapat modal balik. E..jadi ini telah menyebabkan kerajaan negeri berpendapat bagus usaha ini tetapi saya sendiri mewakili rakyat Selangor yang diamanahkan untuk ini, tugas saya selain daripada menerima pembangunan , tetapi menentukan kebaikan seperti yang dinyatakan oleh Tuanku Sultan , kebaikan itu akan melimpah kepada rakyat negeri Selangor.

Ketiga, kos pembuatan itu, tidak terdapat kebocoran. Maknanya kalau kos itu boleh dibuat dengan harga 100juta, tidak lagi ditenderkan atau diberi dengan harga 200juta. Kalau kurang tak apa. Dengan itu kita anggap tanggungjawab kita bukan saja menggalakkan pembangunan tetapi juga mengurangkan ketirisan supaya kita menerima konsep , dan di dewan ini saya menerangkan tentang '*value for money*', kita menerima konsep itu. Dan kita juga akan mengekshakan seorang daripada ahli EXCO yang akan turut pergi ke kawasan-kawasan untuk mendengar apa yang dipanggil '*town hall meeting*'. Rintihan , cadangan dan juga protes. Ada juga protes, kerana pembangunan ini dibuat akan mengakibatkan beberapa rumah, atau tanah yang akan diambil alih ataupun lubang besar yang akan dikorek tetapi kita akan

mempertingkatkan ahli EXCO supaya dia memantau, menolong, mempercepatkan proses ini. Dan manfaatnya , jika berlaku , jika berjaya, bukan saja negeri Selangor akan menjadi negeri maju dan penuh dengan infrastruktur yang sesuai tetapi yang pentingnya , dia menolong pembangunan negara Malaysia sebab inilah satu cara yang terbaik daripada domestik *push* untuk ekonomi Malaysia. Jadi saya menganggap , tanggungjawab kerajaan negeri ialah bersama-sama dalam pembangunan itu walaupun apabila saya dalam mesyuarat, YB , dari ee...yang mewakili, kerajaan Malaysia , Menteri Wilayah, yang bersama-sama dalam *meeting* tersebut, apabila dia kata pembangunan ini untuk di Kajang, pembangunan ini untuk di Cheras, pembangunan ini untuk di Sungai Buloh, dia cakap , apa gunanya saya jadi pengerusi sebab semuanya pasal negeri Selangor. Saya tak nak jawab, sebab buat apa saya jawab, asalkan dia buat , saya ikut. Kalau dia buat tak betul, saya cakap. Saya tak nak jawab, dalam hati saya, kalau saya jawab kang, dia tak nak buat pula, nanti susah rakyat negeri Selangor jadi saya tak jawab tapi jawapan ini saya dah rekod dalam dewan. Besok dia bacalah. Jadi maknanya, tujuannya ialah kita akan bersama-sama mengerak. Ini yang dipanggil kematangan politik. Bukan macam pembangunan cara Datuk T. Itu sajalah..terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa . Tak hadir. Kota Alam Shah

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : **PUSAT KEBUDAYAAN CINA & INDIA.**

9. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- a) Bilakah rakyat Negeri Selangor akan menikmati kemudahan-kemudahan di Pusat Kebudayaan Cina dan India di dalam Negeri Selangor ini ?
 - b) Mengapakah Pusat Kebudayaan Cina dan India masih belum diadakan dan direalisasikan oleh Kerajaan Negeri Selangor walaupun mendapat sokongan daripada rakyat jelata amnya kaum Cina dan juga India?
 - c) Apakah kemudahan-kemudahan yang akan dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor apabila Pusat Kebudayaan Cina & India itu dibina kelak?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Ketika ini pusat kebudayaan cina masih di peringkat akhir penyelesaian status tapak. Sebelum ini jawatankuasa telah memohon agar reka bentuk komponen projek dan cadangan tapak dikemukakan untuk dibawa dan dibincangkan di peringkat jawatankuasa mengikut cadangan asal. Tapak bagi cadangan pembangunan telah dikenal pasti dan reka bentuk dan pelan pembangunan telah dikemukakan kepada kerajaan negeri. Peringkat dan upacara pecah tanah dijangka dapat dilaksanakan pada tahun ini 2011 manakala pembangunan dan pelaksanaan projek berkenaan dijangka bermula pada tahun 2012. Bagi pusat kebudayaan India , ketika ini kita telah mengenal pasti satu tapak di persisiran sungai Klang dan menunggu reka bentuk dan juga butiran projek tersebut. Pusat kebudayaan cina akan menjadi satu projek perintis dan ini akan membolehkan penilaian dan pemerhatian dibuat terhadap penerimaan masyarakat, kemajuan pelaksanaan dan operasi pusat kebudayaan berkenaan dari semua sudut. Ini seterusnya membolehkan sebarang penambahbaikan dibuat terhadap pembangunan pusat-pusat kebudayaan kaum lain kelak.

Kerajaan negeri Selangor menyedari bahawa keperluan dan sokongan masyarakat terhadap cadangan mewujudkan pusat kebudayaan pelbagai kaum ini , namun dari sudut yang lain , pembinaan pusat kebudayaan ini memerlukan penelitian dan penyelesaian dari pelbagai aspek. Projek ini dinilai bukan saja dari sudut kebudayaan kaum semata-mata, ia juga dilihat dari sudut impak dan sumbangan kepada pembangunan ekonomi setempat khususnya dalam bidang pelancongan , kesenian dan pengembangan ilmu . Projek pembangunan pusat kebudayaan cina dijangka akan dimulakan dengan upacara pecah tanah dan pembangunan fizikal pada 1-2 tahun ini. Soalan ketiga iaitu apakah kemudahan yang akan dinikmati?? Pembangunan pusat kebudayaan Cina, India dan Melayu kelak dijangka akan memberi pelbagai kemudahan dan faedah dari aspek:

1. Pengembangan kesenian dan kebudayaan sesuatu kaum.
2. Sumber dan lokasi rujukan utama berhubung nilai-nilai budaya masyarakat, asal usul , kesenian, kraf tangan dan makanan
3. Menggalakkan pengembangan pendidikan dan pembelajaran di kalangan generasi muda tentang nilai dan budaya masyarakat
4. Sebagai pusat dan lokasi rekreasi keluarga yang bukan sekadar untuk beristirahat malah dapat menimba ilmu dan perkembangan minda yang sangat berguna
5. Tarikan utama kepada pelancongan tempatan dan juga luar negara. Ia akan membantu memberi lebih pilihan kepada pengunjung terhadap produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Malah secara tidak langsung menggalakkan pelancongan mengunjungi Selangor dan memperkenalkan Selangor sebagai hub seni budaya yang terbaik. Malah ia akan memberi kesan jangka panjang kepada sektor perhotelan dan peruncitan di negeri Selangor .
6. Membantu pembangunan ekonomi setempat melalui penglibatan pengusaha restoran , peniaga cenderahati dan kraf tangan serta peniaga, peniagaan-peniagaan berteraskan kesenian, kebudayaan dan pelancongan.
7. Membantu mewujudkan rantaian kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat melalui penganjuran acara-acara kesenian dan kebudayaan dan akhirnya;
8. Ia juga merupakan pemangkin kepada pembangunan Sungai Klang yang akan menjadi daya tarikan terbaru pelancongan dan rekreasi di Negeri Selangor .

YB TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana aa...mewujudkan pusat kebudayaan Cina , India dan Melayu ya.. yang akan menyumbang kepada kesempurnaan pembangunan di negeri Selangor. Tapi Kajang ingin bertanya sama ada projek pusat kebudayaan ini, bertindih dengan peranan PADAT ya, yang di bawah EXCO yang satu lagi. Jadi bagaimana pengagihan kuasa ataupun bidang tanggungjawab dalam perkara ini. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kajang. Pada pendapat saya, tidak ada pertindihan dengan EXCO yang bertanggungjawab tentang perkara-perkara yang

berkaitan dengan PADAT, Perbadanan PADAT. Namun, kita juga ada, kita perlu ada kerjasama antara PADAT dan juga EXCO kebudayaan untuk membangunkan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini. Jadi, ini bukan satu projek eksklusif pelancongan tetapi adalah satu projek yang *inclusive* di mana semua EXCO-EXCO yang ada minat, yang ada tanggungjawab, yang berkaitan dengan pembangunan tersebut akan dimasukkan untuk menjayakan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini.

TUAN SPEAKER : Bangi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan no. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : **BANTUAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR PULANG KE MESIR**

10. Akibat dari Revolusi Rakyat di Mesir, ramai pelajar Malaysia di sana di bawa pulang untuk keselamatan ke tanah air

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah pelajar Selangor di Mesir yang dibawa pulang ke tanah air?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan membiayai kos pemergian mereka kembali ke Mesir?
- c) Berapakah jumlah perseorangan dan keseluruhan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri?

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Ekoran daripada kebangkitan rakyat di Mesir maka pelajar-pelajar di Malaysia dipanggil pulang oleh Kerajaan dan jumlah pelajar Selangor yang telah dihantar semula ke tanah air adalah seramai 1,280 orang, ini pelajar Selangor dan Kerajaan Negeri telah membiayai kos para pelajar untuk kembali ke Mesir selepas keadaan di Mesir agak tenang melalui OPS EHSAN dan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada 14hb Mac 2011 sehingga 18hb Mac 2011 dengan kita Kerajaan Negeri Selangor *Charter* dengan izin *Charter Flight Egypt Air* terus ke Kaherah kerana kita lihat penerbangan yang biasa akan melibatkan transit di beberapa destinasi yang lain dan ini adalah *quotation* ataupun dengan izin yang agak munasabah dan terbaik dan bukan sahaja kita menghantarkan pelajar-pelajar ini ke Kaherah oleh kerana pelajar-pelajar ini ada yang daripada Toronto, daripada Alexandria dan sebagainya maka kita juga telah menguruskan sehingga pelajar ini terus dihantar ke destinasi masing-masing kerana keadaan *curfew* dengan izin yang masih berlaku di Mesir. Dan jumlah pelajar yang telah dihantar kembali melalui OPS EHSAN adalah seramai 1,154 orang pelajar dan kos bagi setiap pelajar yang dihantar pulang adalah sekitar RM 2,150 seorang sehingga RM 2,220 seorang termasuk kos *ground arrangement* apabila tiba di Mesir kerana ia melibatkan pengangkutan, makanan dan sebagainya dan kebajikan mereka. Ini bermakna keseluruhan jumlah yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membiayai penghantaran pulang pelajar Selangor ke Mesir untuk meneruskan pembelajaran mereka adalah sebanyak 2.48 juta ringgit dan ini dengan kerjasama kita menggunakan kaedah secara holistik di mana Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dan Tourism Selangor bersama-sama dengan

Setiausaha Kerajaan Selangor dan juga Kepimpinan Persatuan-Persatuan Pelajar seperti PERAM, BERKESAM dan juga ILMAM, ILMAM juga telah kita libatkan bersama sehingga mereka ini benar-benar selamat sampai ke destinasi masing-masing. Sekian, Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER : Kampung Tunku? Tidak hadir. Morib? Tidak hadir. Tanjung Sepat ?

YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR : Soalan nombor 13 Tuan Speaker, soalan nombor 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PROGRAM KESIHATAN

13. Kerajaan negeri memperkenalkan pelbagai program bantuan kesihatan seperti pemeriksaan, rawatan kecil dan penerangan amalan gaya hidup sihat

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status perkembangan program-program tersebut?
- b) Nyatakan jumlah mereka yang setakat ini telah menerima bantuan?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tanjung Sepat. Jawapannya pada tahun 2010 Kerajaan Negeri telah menganjurkan program-program kesihatan yang meliputi pelbagai aspek kesihatan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah kem kesihatan di Pekan Bestari Jaya, Kuala Selangor pada Mac 2010. Program ini menawarkan pelbagai rawatan kesihatan secara percuma seperti pemeriksaan tekanan darah, kandungan gula dalam darah, *pap smear*, pemeriksaan gigi, pemeriksaan mata. Selain itu terdapat juga khidmat doktor-doktor pakar seperti pakar kanak-kanak radiologi obstetrik dan genealogi, ortomologi, ortopedik surgery dan pemeriksaan telinga mata dan tekak E.N.T. Program seumpama ini juga memberikan ubatan-ubatan percuma kepada orang awam. Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan satu program bersama MAKNA berhubung kesedaran kanser bagi kakitangan di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada Oktober 2010. Program anjuran MAKNA dan Kerajaan Negeri ini juga menawarkan pemeriksaan percuma barah payudara dan turut menyediakan khidmat nasihat percuma berhubung kanser kepada kakitangan awam. Untuk tahun ini sahaja untuk makluman dewan ini untuk pemeriksaan barah payu dara ini kita Kerajaan Negeri Selangor telah *target* kan satu juta wanita di atas 35 tahun yang akan diberikan peperiksaan percuma kena mendaftar sahaja kepada semua Pejabat ADUN dan wanita ini akan dapatkan rawatan ini. Sehingga Mac 2011 Kerajaan Negeri telah memberi bantuan sebanyak RM 178,813.00 kepada 103 orang penerima bantuan kesihatan melalui Program Bantuan Kesihatan Rakyat Miskin di Negeri Selangor. Untuk maklumat Yang Ahli Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program ini bermula pada tahun 2009. Berikut adalah perpecahan bantuan tersebut mengikut jenis permohonan. Yang kita bagi adalah kepada keluarga-keluarga pendapatan kurang dari RM 1,500.00. Tiga jenis bantuan yang diberi untuk kesihatan

Satu ialah Penyakit-penyakit dialisis, lagi satu ialah untuk katarak mata dan lagi yang kita katakan perbezaan kecil dan bantuan kepada penyakit-penyakit daripada golongan berpendapatan rendah.

Untuk dialisis kita bagi *one of payment* setahun , RM 2,000 kepada tiap-tiap penyakit dialisis. Kita telah pun memberi untuk 48 orang dengan perbelanjaan jumlahnya RM 79,430.00. Untuk katarak mata, kita bagi bantuan untuk beli kanta mata, *lenses* sahaja sebab perbezaan ini dilakukan di Hospital Kerajaan. Bantuan ini dibagi kepada semua yang minta tetapi syaratnya ialah mereka kena dapatkan rawatan dari Hospital Kerajaan sahaja dan kita bagi untuk katarak mata kita telah bagi kepada 23 orang jumlah RM 6,354.00. Dan perbezaan kecil ini pelbagai jenis bantuan yang kita bagi sebab sekarang kita nampak di Kerajaan Hospital walaupun prosedur percuma semua yang terlibat dengan *excident* ke mana-mana kena beli plat-plat yang digunakan untuk pecahan tulang dan sebagainya termasuklah *lense* Katarak, semua orang kena bayar sekarang so kita bagi bantuan sampai RM 5,000 seorang dan kita telah bantu 32 orang sampai sekarang belanjakan RM 53,529 pada masa sekarang.

YB TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baru

YB TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, soalan 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : **PERUNTUKAN ADUN**

14. Peruntukan kawasan DUN yang dimenangi oleh calon Barisan telah diuruskan oleh EXCO Kerajaan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah peruntukan ini digunakan dengan betul?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengelakkan kesalahgunaan peruntukan tersebut?
- c) Nyatakan dengan terperinci pemberian peruntukan bagi N6 Kuala Kubu Baru tahun 2008 hingga 2010.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan awasi setiap peruntukan kawasan DUN digunakan dengan begitu betul mengikut Tatacara Kewangan yang berkuat kuasa. Akhir-akhir ini setiap perbelanjaan adalah dikawal oleh Pegawai Pengawal iaitu Pegawai Daerah yang dilantik sebagai Ketua Jabatan di Pejabat Tanah dan Daerah yang bertanggungjawab ke atas Pentadbiran Tanah, Daerah dan Kewangan serta tertakluk kepada arahan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dalam memastikan peruntukan ADUN diurus tadbir dengan teratur dan telus, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan tatacara kewangan sebagai garis panduan penggunaan peruntukan tersebut melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP). Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor adalah berhubung garis panduan penggunaan peruntukan Ahli Dewan Negeri Selangor kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri Selangor dan Pegawai Daerah sebagai salah satu cara memastikan setiap peruntukan digunakan dengan betul tanpa sebarang penyelewengan dan salah guna. Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri Selangor dan Pegawai Daerah mengenai penggunaan akaun khas peruntukkan ADUN di pejabat-pejabat daerah bagi memastikan pengurusan peruntukkan ADUN ini adalah selari

dengan prinsip keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan. Pekeliling ini juga menyentuh tentang tatacara penggunaan peruntukan yang mana terbahagi kepada 4 kategori seperti berikut :

- 1) Pengurusan Pejabat ADUN
- 2) Projek Kecil Pembangunan
- 3) Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai
- 4) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat

Untuk maklumat terperinci tentang pemberian peruntukan bagi N6 Kuala Kubu Baru, Tahun 2008 – 2010 saya akan hantar jawapan lisan kepada Yang Berhormat selepas ini dengan *detail*. Sekian.

YB TUAN WONG KOON MUN : Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER : Ya, Kuala Kubu Baru, sila.

YB TUAN WONG KOON MUN : Ini adalah persepsi daripada rakyat DUN Kuala Kubu bahawa mereka tidak rasa dan tidak berkesan bahawa belanja daripada Yang Berhormat EXCO bagaimana dapat dengan izin mempertingkatkan persepsi rakyat bahawa wang EXCO ada belanja di kawasan.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Semua peruntukan yang dibelanja oleh ADUN ataupun EXCO akan direkodkan dalam Pejabat Daerah jadi tidak ada masalah tentang adalah peruntukan tersebut digunakan atau tidak kerana semua kalau projek dilaksanakan memang dia direkodkan.

YB TUAN SPEAKER : Batu Caves? Tidak hadir. Subang Jaya?

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : **KOMUNITI BERPAGAR**

16. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menerima pakai garis panduan untuk Komuniti Berpagar yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?
- b) Jika tidak, berikan sebab-sebab.
- c) Jika ya, sila nyatakan bila ia akan berkuat kuasa di semua PBT di Selangor dan sama ada garis panduan ini akan diperbaiki untuk kesesuaian penduduk Selangor.

YB TUAN ISKANDAR B. ABD. SAMAD : *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.* Terima kasih. Kerajaan Negeri menerima baik garis panduan dan perancangan *Gated Community* dan *Guarded Neighbourhood* yang disediakan oleh Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun KPKT yang mana untuk makluman Yang Berhormat sebahagian besar kandungan garis panduan tersebut merupakan cadangan asal yang disediakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 namun demikian setelah semakan dibuat mendapati terdapat beberapa perbezaan yang ketara khususnya yang melibatkan konsep *Guarded Neighbourhood* yang mana Kerajaan Negeri menetapkan persetujuan 85% ataupun 85% *consent* dengan izin daripada pemilik termasuk penyewa sedangkan Kementerian ataupun KPKT hanya meletakkan persetujuan majoriti iaitu 51% sahaja. Walaupun kedua-duanya telah menetapkan bilangan peratusan yang berbeza namun ia masih bertentangan dari aspek perundangan seperti Seksyen 136 (2) dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1995 dan Seksyen 46 Akta Jalan, Parit dan Pembangunan 1974, Seksyen 80 Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Seksyen 26 Jadual G Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1986 sekiranya tindakan ini sebarang bentuk halangan kepada jalan-jalan awam dibuat oleh yang demikian garis panduan yang disediakan oleh KPKT ataupun yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah setelah mengambil kira pelanggaran perundangan yang paling minimum ia masih melanggar undang-undang ataupun akta yang sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri akan menerima pakai atau menggunakan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPKT setelah penyelarasan dan perundingan lanjut dengan pihak KPKT dibuat dalam masa yang terdekat bagi menyelaraskan perkara-perkara yang dibangkitkan di atas. Saya telah menulis kepada Yang Berhormat Menteri pada 25 Januari 2011 untuk melakukan pertemuan dan juga perbincangan tetapi masih belum mendapat sebarang maklum balas daripada Yang Berhormat tersebut dan saya akan mendapatkan maklum balas lagi Sebagai langkah sementara garis panduan Pembangunan *Gated Guarded Community* Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 9 Jun 2010 akan terus diguna pakai di mana kita meletakkan *consent* dengan izin ataupun persetujuan penduduk dan penyewa adalah 85%. Terima kasih.

Y.B TUAN SPEAKER : Sijangkang

Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : PERTANIAN DI HUTAN SIMPAN

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah pertanian tanaman umbisi yang menjadi sumber IKS selepas pemutihan hutan simpan oleh Jabatan Hutan di negeri Selangor termasuk di kawasan Kuala Langat.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk mengekalkan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan mengambilkira keperluan hutan ini yang berperanan dalam menjamin kestabilan ekosistem dan alam sekitar (air, udara dan tanah) di bahagian selatan Selangor. Kerajaan Negeri maklum akan masalah IKS untuk mendapatkan sumber-sumber mentah bagi terus memajukan industri ini dan sedang mengkaji kaedah yang terbaik bagi menyelesaikannya menerusi mekanisma yang menguntungkan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri, Jabatan Perhutanan dan juga rakyat secara pembahagian yang adil. Namun begitu, saya juga ingin menegaskan bahawa sesiapa yang

mencerobohi kawasan Hutan Simpan Kekal tidak sepatutnya diberi ganjaran dan semasa perbincangan kita dengan beberapa pihak termasuk pihak petani, petani sayur dan sebagainya. Mereka memang mengaku bahawa mereka telah membuat salah dengan mencerobohi Hutan Simpan di Kuala Langat Selatan dan mereka rela untuk membaiki apa yang mereka tidak sepatutnya buat. Jadi, pada ketika ini kita ada satu hubungan yang bagus, dengan izin '*our communication channels are open*' antara semua pihak dan saya yakin pada masa yang terdekat kita akan ada satu penyelesaian yang mantap dan sempurna. Pada masa yang sama, ada beberapa pihak yang mencerobohi Hutan Simpan Kekal di Kuala Langat Selatan kerana kesuntukan pendapatan dan pihak ini kita ada beberapa cadangan dan kita juga sedang mengukirkan satu program yang sepadu iaitu satu '*blueprint*' untuk memulihara, memelihara dan pada masa yang sama menguntungkan penduduk-penduduk yang duduk dekat, berhampiran di kawasan Hutan Simpan tersebut. Antaranya adalah kita sedang mengkaji program '*Carbon Credit*' ataupun RADD di mana kita boleh mendapat sedikit peruntukan ataupun pendapatan dengan menjualkan kredit-kredit dengan mengekalkan Hutan Simpan tersebut.

Keduanya, kita juga sedang mengkaji bagaimana untuk mewujudkan satu '*Trust Fund*'. '*Trust Fund*' ini ataupun Tabung Amanah ini dibuka kepada orang awam di mana mereka melabur seperti satu pelaburan untuk menjaga Hutan-hutan Simpan tersebut.

YB TUAN LEE KIM SIN : Soalan Tambahan?

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan pertanian di Hutan Simpanan yang merupakan ladang getah. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam pemuliharaan Hutan Simpanan yang telah diambil alih oleh ladang getah yang memang akan ditebangkan secara keseluruhannya apabila ia matang. Jadi adakah Kerajaan Negeri memang bercadang, ada rancangan. Misalnya, adakah '*pocket-pocket*' dengan izin tanaman-tanaman spesies endomik di hutan supaya dia boleh dari masa ke semasa mengekalkan bio-diversiti di dalam hutan. Sekian, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Kajang. Kajang macam '*shadow*', bayangan untuk EXCO Alam Sekitar. (Ketawa).

YB dari Kajang, saya ingin maklum bahawa :-

- i. Ladang-ladang getah sejak tahun 2008, kita tidak membenarkan mana-mana kawasan Hutan Simpan ditebang ataupun ditukar kepada ladang getah.
- ii. Ada beberapa kawasan kerana perjanjian sudah ditandatangani, sampai ada satu kes masuk ke Mahkamah. Jadi, kita terpaksa lepaskan beberapa tapak untuk dijadikan ladang getah. Namun begitu, sepanjang masa ini, antara 2008 dan 2010. Kita juga berjaya untuk menyelamatkan beberapa kawasan supaya ianya tidak menjadi ladang seperti dahulunya. Untuk ladang getah ataupun kawasan pokok-pokok getah, mereka memang kalau dibenarkan secara jangka masa panjang, mereka boleh dengan izin '*mimic*' keadaan seperti satu Hutan Simpanan. Mereka boleh memberi dengan izin '*cover*' di kawasan tersebut. Ada peluang untuk memulihkan kawasan tersebut menjadi satu Hutan Simpan di mana ada bio-diversiti dan sebagainya. Di kawasan tersebutlah, kawasan ladang getah yang lama, kita ada peluang untuk menanam pokok-pokok spesies hutan yang endomik iaitu yang tempatan di negeri Selangor ataupun pokok-pokok tempatan Malaysia (Semenanjung) dan kita juga boleh dengan izin, '*introduce*'

beberapa flora dan fauna supaya kawasan itu boleh akhirnya dipulihkan menjadi satu Hutan Simpan.

Satu contoh yang bagus adalah Taman Botani di Universiti Malaya. Di kawasan tersebut, dahulunya adalah satu ladang getah. Sekarang, kalau kita pergi ke Taman Botani di bawah jagaan Universiti Malaya, memang kita boleh tengok banyak spesies yang berketurunan (ketawa), yang dari Hutan Simpan.

TUAN SPEAKER : Meru.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Ya, Tuan Speaker. Soalan nombor 17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : **SKIM KESIHATAN WANITA**

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan terhadap perkhidmatan mamogram khususnya dalam skim kesihatan wanita yang diperkenalkan.
- b) Apakah tindakan susulan sekiranya seseorang telah disahkan mengidap kanser yang berkenaan seperti kanser payudara.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Tuan Speaker. Jawapan ini akan saya jawabkan bersekali dengan soalan nombor 123. Berkenaan daripada Meru, soalan berkenaan dengan Skim.....

TUAN SPEAKER : Soalan 123 daripada siapa?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : 123 daripada Teluk Datuk.

- i. Jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk Skim Kesihatan Wanita sehingga Februari 2011 adalah sebanyak RM388,190.00 yang mana ianya telah melibatkan seramai 400, minta maaf 4319 orang wanita yang mana 40 DUN telah pun menghantarkan wanita-wanita daripada kawasan masing-masing. Untuk makluman semua, program ini adalah program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor di mana kita mensasarkan bahawa tahun ini, Insya-Allah kita akan mendapat seramai 1 juta wanita untuk kita bawa kepada program skim kesihatan percuma ini. Pecahan kepada 4319 ini, penyertaannya adalah terdiri daripada :-
 - a) Kaum wanita Melayu sebanyak 54%.
 - b) Kaum Cina sebanyak 36%.
 - c) Kaum India sebanyak 10%.
- ii. Tentang soalan kedua. Apakah tindakan susulan setelah disahkan bagi pesakit yang telah menghidap kanser. Untuk makluman semua, seramai 4319 wanita yang telah pergi membuat pemeriksaan, 55 daripada mereka telah pun didiagnosis sebagai menghadapi masalah kanser ini ataupun telah disahkan menghadapi kanser dan bagi

mereka yang telah didiagnosis, kerajaan ataupun hospital yang telah pun membuat pemeriksaan itu akan memberi surat sokongan kepada hospital-hospital seterusnya iaitu untuk mendapatkan rawatan susulan. Terdapat beberapa rawatan yang perlu dijalani oleh pesakit barah payu dara. Contohnya seperti pembedahan pembuangan tumor, kimoterapi dan radioterapi. Jadi sokongan yang diberikan oleh pihak hospital yang telah pun membuat pemeriksaan itu, Insya-Allah akan memudahkan wanita tersebut untuk mendapatkan rawatan secara cepat. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : **SATU KAMPUNG SATU PRODUK**

19. Kerajaan negeri ada menyatakan program Satu Kampung Satu Produk sebagai usaha membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) luar bandar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah perkembangan program tersebut?
- b) Nyatakan produk-produk dan kampung-kampung yang telah dikenal pasti dan terlibat dalam program ini
- c) Berapakah nilai pendapatan yang dapat dijana untuk mereka yang terlibat?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker. Bagi menjawab soalan daripada Sungai Air Tawar yang konsisten untuk bertanyakan perkembangan IKS di negeri Selangor. Kerajaan Negeri sedang dan terus mengenal pasti IKS-IKS di tiap-tiap kampung di negeri Selangor di mana kita minta pejabat Penghulu membuat '*mapping*' kekuatan-kekuatan tiap-tiap kampung di seluruh negeri Selangor bagi mengenal pasti apakah mentor-mentor ataupun produk-produk yang sesuai untuk dimajukan di tiap-tiap kampung di negeri Selangor. Terdapat empat (4) kategori produk IKS iaitu produk-produk IKS, pertanian, ternakan, perikanan dan juga agro-tourism. Kerajaan Negeri akan nilai terlebih dahulu kekuatan tiap-tiap program ini dan untuk dijalankan di kampung-kampung yang berkaitan. Produk-produk yang telah dikenal pasti dan berpotensi untuk IKS adalah seperti berikut :-

- Kuih-muih, 'frozen food' ataupun kerepek.
- Produk pertanian seperti produk herba dan produk cendawan tiram.
- Ternakan yang baru - arnab, ayam kampung, puyuh.
- Perikanan – ikan keli, ikan hiasan dan juga agrotek yang lain.
- Agro pelancongan.

Sebagai contoh, Batu 8, Sabak Bernam terdapat seorang pengusaha rempeyek dan di Parit Baru terdapat pengusaha pau yang boleh dijadikan mentor kerana mereka ini mempunyai pasaran dan produk mereka telah diterima umum. Pada masa ini, antara kampung-kampung yang sedang menjalankan program adalah seperti :-

- Kampung Seri Aman dan Kampung Tengah, Petaling - Cendawan
- Kampung Kalong Tengah, Ulu Yam, Hulu Selangor – Cendawan
- Kampung Batu 18, Hulu Langat – Cendawan
- Kampung Jawa, Sungai Lui dan kawasan-kawasan di Hulu Langat yang sesuai untuk agro-tourism.
- Kampung Melayu Batu 16, Gombak – Ikan keli
- Kampung Sementa, Klang - Ayam kampung

Program ini adalah program untuk menambah pendapatan. Walau bagaimanapun, menti yang mengikut peraturan dan nasihat mentor akan berjaya memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya RM1,500.00 hingga RM3,000.00 sebulan.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar?

YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan daripada YB Setakat ini, siapa agaknya peserta yang paling berjaya dalam program Satu Kampung Satu Produk ini dan setakat ini jugalah, apakah produk-produk yang telah dapat dikeluarkan itu ada mendapat tawaran untuk dieksport? Sekian.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Antara produk yang paling berjaya di negeri Selangor ialah produk keropok lekor di mana Selangor sekarang antara negeri pengeluar keropok lekor terbesar di negara ini. Dalam ekspo di Pulau Pinang baru-baru ini, pengusaha telah mendapat satu '*joint venture*' dengan syarikat di Pulau Pinang dan menawarkan untuk dieksport.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan tambahan, Tuan Speaker? Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Dusun Tua, Tuan Speaker. YB EXCO, saya difahamkan tadi ada projek cendawan di kawasan Dusun Tua, Hulu Langat. Jadi, saya difahamkan bahawa projek cendawan ini timbul masalah dari segi mentornya dalam membekalkan cendawan dan masalah juga timbul di pihak mentinya. Jadi boleh saya tahu perkembangan terkini tentang projek ni?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Projek di..... Berbanding projek di Petaling ataupun projek di Hulu Selangor, projek di Dusun Tua ada masalah kerana terdapat virus yang didapati mengganggu pertumbuhan cendawan di kawasan tersebut iaitu dua (2) kali diganti tetapi masih ada masalah kerana ada virus yang melawan untuk pertumbuhan cendawan di kawasan tersebut.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker. Soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PERLANTIKAN DATUK BANDAR/YANG DIPERTUA PBT

20. Terdapat kekosongan jawatan Yang Dipertua di PBT-PBT seperti di Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapa jawatan-jawatan penting tersebut lambat diisi untuk menjamin pentadbiran PBT agar berjalan lancar?
- b) Nyatakan kedudukan perjawatan bagi Datuk Bandar atau Yang Dipertua seluruh PBT-PBT?
- c) Adakah ahli-ahli politik boleh dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan Datuk Bandar atau Yang Dipertua seluruh PBT-PBT?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, YB daripada Semenyih untuk membangkitkan isu pelantikan Datuk Bandar dan juga Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan. Terdapat beberapa kekosongan di Selayang dan juga Majlis Perbandaran Kajang. Kedua-dua kekosongan ini telah diputuskan dan telah diisi oleh Y. Bhg. Dato' Zainal Abidin A'ala, Pegawai Pentadbir yang menjadi, sekarang sudah mengangkat sumpah untuk menjadi Yang Dipertua Perbandaran Selayang dan mengenai Perbandaran di Kajang, keputusan telah dibuat supaya melanjutkan tempoh perkhidmatan Yang Dipertua sekarang. Walau bagaimanapun, seperti biasa proses penempatan itu mengambil masa tetapi keputusan telah dibuat kerana bagi mereka-mereka yang dilantik daripada Pegawai-pegawai Kerajaan mestilah melalui proses penempatan JPA yang kita telah bersetuju tetapi proses penempatan akan berlaku dan ini bukan satu perkara yang aneh. Walau bagaimanapun, adakah ahli-ahli politik dilantik untuk mengisi kekosongan? Pengalaman di zaman Barisan Nasional ada tetapi pengalaman tersebut banyak tidak memberikan perkhidmatan kerana terutama dari segi keupayaan, kedua dari segi fokus mereka-mereka yang dilantik daripada pegawai-pegawai kerajaan mestilah melalui proses penempatan JPA yang kita telah bersetuju tetapi proses penempatan akan berlaku dan ini bukan satu perkara yang aneh, walau bagaimanapun, adakah ahli-ahli politik yang dilantik untuk mengisi kekosongan, pengalaman di Barisan Nasional ada tetapi pengalaman tersebut banyak tidak memberikan perkhidmatan kerana terutama dari segi keupayaan, kedua dari segi fokus mereka-mereka yang dilantik. Bandar raya Shah Alam mempunyai pengalaman yang sangat banyak pada perkara ini dan sehinggalah ramai yang mengatakan pelantikan ahli-ahli politik mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dari segi profesionalisme kerana mereka boleh jadi mempunyai kepentingan politik lebih daripada kepentingan pentadbiran. Jadi itu pengalaman yang ada, jadi saya menengok masa secara ringkas saya akan memberi status perjawatan dan gred supaya untuk pengetahuan Yang Berhormat Bandar raya Shah Alam, Dato' Mazalan bin Md Nor, iaitu PTD Gred Utama C. Untuk Petaling Jaya, Yang Berbahagia Dato' Mohd Roslan bin Sakiman, Dato Bandar PTD Gred Utama C. Untuk Ampang Jaya, Yang Berbahagia Dato' Mohamad bin Yakob, Yang Dipertua Gred Utama C dan Klang Yang Berbahagia Dato' Mislán bin Tugiu, Yang Dipertua PTD Gred Utama C dan Hulu Selangor, Encik Tukiman bin Nail, Yang Dipertua dia Gred M52 dan Kuala Selangor Haris bin Kasim dan Gred M52 dan Subang Jaya pengisian telah akan

dilakukan dan ini adalah untuk Gred Utama C dan Selayang telah diisi oleh Dato' Zainal Abidin A'ala yang Gred Utama C dan Sepang dipangku dan oleh dan sekarang oleh Encik Sayuthi bin Bakar dan grednya Gred M54, kita naikkan gred dan juga di Kajang akan diisi dan grednya Gred Utama C dan Kuala Langat dinaikkan ke Gred M54 oleh untuk Abdul Razak bin Jaafar dan di Sabak Bernam, Encik Zailani bin Kadir iaitu Gred M52.

YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Semenyih.

YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Saya nak bertanya tentang melanjutkan jawatan Yang Dipertua Kajang. Bilakah tarikh lanjutan tu, dan berapa lama untuk dilanjutkan tempoh YDP yang lama dan saya ucap tahniah kepada Dato Zainal Abidin A'ala yang dilantik menjadi Yang Dipertua Selayang dan saya ingin bertanya kekosongan jawatan pegawai daerah Hulu Langat pula bila diisi. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya tidak hendak mengumumkan pelantikan pejabat daerah, Pegawai Daerah Hulu Langat kerana ia dalam proses dan dia sudah dipersetujui tetapi dari segi tertibnya mereka yang dilantik tu kena tahu pertama tertibnya. Kedua, dari segi pelantikan lanjutan oleh YDP Kajang dia akan dilantik tidak lebih daripada setahun sebab dia akan bersara selepas tersebut. Itu sebab kita lanjutkan dan proses pengisian akan dilakukan seterusnya tidak terdapat kelewatan tetapi dia telah bersetuju untuk menerima jawatan pelantikan penerusan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat. Oleh itu, saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk seterusnya.

III. USUL MENYEMBAH UCAPAN TERIMA KASIH SERTA MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR

SETIAUSAHA DEWAN : Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan membuka perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku selama 2 hari, iaitu hari ini dan hari esok dan kemudiannya akan digulung oleh pihak kerajaan. Ya, Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan. Alhamdulillah, pada pagi ini saya diberikan amanah untuk membawa suatu usul yang berbunyi :

Ampun tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ke-empat Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke-12. Saya ikuti dengan tekun titah ucapan Tuanku Sultan dan menghayati sepenuhnya nasihat Tuanku supaya Ahli-ahli Yang Berhormat bertugas dengan lebih tekun, memberi

khidmat yang terbaik untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memperkasa rakyat negeri Selangor. Bagi pihak kelab penyokong-penyokong kerajaan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa gempa bumi dan tsunami di Sendai, Niagi Prefecture serta beberapa kawasan tepi pantai di Utara Jepun yang telah meragut nyawa lebih daripada 18,000 orang mengikut perangkaan yang dilaporkan akhbar Guardian, United Kingdom. Kami menzahirkan rasa simpati kepada rakyat Jepun yang ditimpa musibah dan berdoa moga keluarga mangsa tsunami akan tabah dan sabar menempuh malapetaka ini. Kami juga berdoa agar rakyat Malaysia yang berada di Jepun senantiasa berada di dalam keadaan selamat. Sewajarnya tragedi yang melanda rakyat Jepun memunculkan rasa keinsafan di kalangan kita. Pakatan Rakyat khususnya Kerajaan Negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat melalui Sistem Demokrasi terus diasak oleh Kerajaan Pusat dengan pelbagai bentuk tekanan dan tohmahan yang bertujuan untuk merampas negeri ini secara haram. Dewan Negeri Selangor terpaksa mengadakan persidangan khas pada 24 Januari 2011 untuk memulihkan sistem yang telah rosak tataracaranya tatkala proses pelantikan 3 jawatan utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Persidangan khas ini juga bertujuan untuk mengembalikan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diruntuhkan oleh UMNO. Kedaulatan Raja-raja Melayu diperlekehkan oleh UMNO sehinggakan pimpinan elit UMNO hari ini terlalu kebal dan tidak boleh disentuh. Bukanlah tujuan kita untuk mencabar mana-mana pihak dan mendabik dada siapa yang lebih Melayu, atau siapa yang lebih derhaka kepada Institusi Raja-raja Melayu. Pakatan Rakyat melalui cabaran yang cukup getir untuk mentadbir kerajaan negeri, namun kita bersyukur kerana kesepakatan dan semangat muafakat dalam Pakatan Rakyat cukup kental dan tidak goyah. Pakatan Rakyat bertekad untuk terus membawa obor reformasi ini demi menjamin kesejahteraan rakyat dan menyelamatkan negara Malaysia dan Negeri Selangor daripada kerakusan dan kezaliman UMNO dan Barisan Nasional. Pada 21 Mac 2011 yang lalu, Majlis Perbandaran Selayang menjadi sarang UMNO berkonspirasi merampas Negeri Selangor. Satu taklimat dipanggil oleh MPS bersama Kementerian Dalam Negeri atas nama Projek Penyediaan Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Selayang bagi tahun 2011. Yang difahamkan melibatkan kos berjumlah 1.5 juta ringgit dan hanya melibatkan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional sahaja. Antaranya yang dijemput secara rasmi oleh Majlis Perbandaran Selayang adalah pemimpin-pemimpin UMNO, Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Dato Haji Omardin, Yang Berhormat Dato' Subahan bin Kamal, Yang Berhormat Tuan Abdul Shukor bin Hj Idrus, Yang Berbahagia Dato' Hj Syed Anuar bin Syed Ahmad, UMNO Gombak dan beberapa pimpinan gerakan MCA yang dijemput bersama MIC dalam taklimat tersebut. Sekiranya hasrat Kerajaan Pusat adalah murni iaitu untuk mewujudkan sebuah bandar yang selamat dan aman dari jenayah mengapa Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat tidak dilibatkan dalam program ini. Saya mendesak supaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk segera menyasat perkara ini untuk memastikan MPS tidak dijadikan sekretariat bagi program tajaan UMNO yang mempunyai motif politik. Pemimpin elit UMNO masih dalam '*denying syndrome*' dan tidak belajar daripada episod kebangkitan rakyat di Tunisia dan Mesir yang menjanjikan masa depan yang lebih sejahtera untuk rakyat di Timur Tengah. Berdekad-dekad lamanya rakyat di kedua-dua negara ini hidup merana di bawah pentadbiran diktator dan sistem yang zalim. Ternyata getaran Timur Tengah menimbulkan rasa gusar di kalangan pemimpin elit, kini kedengaran suara-suara ugutan daripada pemimpin UMNO yang melarang pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat daripada menghasut rakyat daripada bangun membawa perubahan. Mengapa UMNO takut pada perubahan?. Rakyat Mesir dan Tunisia bangkit menolak rasuah, salah guna kuasa dan pemimpin yang memungkah khazanah negara untuk isteri, keluarga dan kroni. Angin reformasi daripada Tunisia yang kemudiannya melanda Mesir kini sudah bertiup kencang di Libya dan pastinya Insya-Allah akan tiba di Negeri Sarawak dan Putrajaya dalam beberapa bulan yang akan datang. Sementara kita boleh terus kebobrokan

UMNO dan Barisan Nasional, pentadbiran Pakatan Rakyat di Negeri Selangor juga harus mempunyai 'humility' dan tawaduk untuk belajar daripada Tunisia dan Mesir.

Kerajaan yang dipilih oleh rakyat mesti menjaga kepentingan rakyat, melindungi hak rakyat dan tidak membeban rakyat dengan kerenah birokrasi yang bertentangan dengan agenda reformasi. Pakatan Rakyat terbentuk atas prinsip agenda bersama seperti demokrasi, tata kelola yang baik, mempertahankan hak asasi manusia, keadilan sosial, dan menjanjikan sistem kehakiman yang bebas serta pilihan raya yang adil dan bebas. Inilah asas dan tiang seri yang mengukuhkan Pakatan Rakyat namun kita juga harus sedar Pakatan Rakyat pasti goyah dan berada dalam kedudukan yang sukar sekiranya ada individu atau kelompok tertentu yang cuba menampilkan sosok atau mengambil jalur yang keras semata-mata untuk menonjolkan ideologi picisan iaitu tidak mewakili agenda bersama yang telah disepakati.

Pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pendapatan negeri yang mencatatkan sejumlah 1.6 bilion ringgit tidak membawa makna sekiranya masih ada rakyat Selangor yang susah dan menanti tangan yang menghulurkan bantuan. Apa maknanya pertumbuhan tanpa pengagihan yang adil. Keadilan sosial mestilah terus menjadi teras agenda ekonomi kerajaan negeri. Dasar menurunkan cukai tidak semestinya mengurangkan pendapatan kerajaan negeri. Prinsip percukaian yang menekankan keadilan sosial dapat menjana pendapatan yang lebih. Sistem percukaian yang dianjurkan oleh Ibnu Khaldun dan Wong An Shee seorang tokoh ekonomi Cina sewaktu zaman Dinasti Song yang menekankan prinsip meningkatkan produktiviti melalui pengurangan kadar cukai yang tinggi ke atas rakyat harus dicontohi oleh kerajaan negeri. Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor mampu mencontohi pentadbiran Khalifah Omar Abdul Aziz yang memperlihatkan pengurusan kewangan yang berhemah menerusi sistem zakat yang telus dan berjaya mengurangkan fakir miskin.

Tuan Speaker, kerajaan perlu menggarap satu dasar yang adil dalam penganugerahan tanah-tanah kepada rakyat Selangor. Hasrat kerajaan negeri untuk menyelesaikan 100,000 permohonan hak milik tanah dalam masa terdekat adalah satu langkah yang cukup baik. Kelulusan pemberimilikan tanah kepada rakyat mestilah pada kadar premium yang termampu oleh rakyat. Khususnya seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebentar tadi tanah-tanah yang bertujuan kediaman persendirian dan tanah-tanah yang sudah lama diterokai oleh rakyat untuk tujuan kediaman. Pemberimilikan tanah yang terikat dan terbeban dengan premium yang tinggi akan menggagalkan matlamat untuk meningkatkan hasil negeri, justeru ketidakupayaan rakyat untuk menanggung beban cukai yang terlalu tinggi.

Pendidikan merupakan teras utama yang berupaya mencerahkan rakyat daripada kegelapan kejahilan dan menjadi paksi dalam proses pembangunan negara. Sewajarnya tujuan pendidikan di negara ini bukan lagi berusaha untuk menambah bilangan mereka yang celik huruf, seharusnya pendidikan berada di tahap di mana dunia akademiknya baik kalangan sarjana dan mahasiswa berfikiran kritis demi memecah permasalahan yang menyangkuti kepentingan negara. Pastinya kita tidak mampu mengangkat martabat negara ke tahap tersebut sekiranya dunia akademik tidak bebas dan masih dikongkong oleh undang-undang seumpama awku dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Akta yang represif ini harus dimansuhkan segera kerana ia berupaya mencipta iklim ketakutan atau *climax of fear* di kalangan sarjana dan mahasiswa. Gedong ini tidak mampu melahirkan graduan yang mempunyai jiwa merdeka tetapi menjadi kilang yang menghasilkan robot seperti yang dinukilkan oleh penyair besar Indonesia Rendra dalam sajaknya yang berjudul 'Doa di Jakarta'. Apa kata Rendra dalam sajak ini, Tuhan Yang Maha Esa alangkah tegangnya melihat hidup yang tergadai, fikiran yang difabrikkan, atau istilah di sini fikiran yang dikilangkan dan masyarakat yang diternakkan. Akan tetapi, tekanan serta kongkongan tidak mampu bertahan lama. Saya bersyukur kerana rakyat Malaysia khususnya golongan muda terpanggil untuk

menyambut angin perubahan. Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di kampus IPTA menyaksikan keberanian dan tekad baru, mahasiswa meruntuhkan tembok ketakutan dan membuat reformasi besar dalam kampus. Pada Tahun 2010, gerakan pro mahasiswa hanya menguasai tampuk pimpinan MPP di UIA sahaja. Tetapi pada tahun ini gerakan pro mahasiswa telah berjaya menguasai pimpinan MPP di UKM, di Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sabah dan UIA, malangnya masih ada Naib Canselor yang memakai watak SPR dengan enggan mengumumkan keputusan pemilihan berbulan lamanya. Dalam memacu pertumbuhan negeri dan negara serta membangun lingkungan yang terbaik buat rakyatnya kita mesti beriltizam membebaskan kongkongan minda yang direkayasa semata-mata mahu menghambakan jiwa yang merdeka ini. Institusi Pengajian Tinggi bukannya kilang. Ianya adalah gedung keilmuan, berhasrat menjadi wahana mencambah pemikiran yang kritis, bebas dan pada masa yang sama mempunyai rasa tanggungjawab terhadap nusa dan bangsa. Profesor Datuk Dr. Sidek Fadhil, dalam kertas kerja bertajuk dari warisan ke wawasan yang dibentangkan tatkala berlangsungnya Seminar Pemikiran Melayu Islam anjuran Institut Kajian Dasar pada 11 Februari 2011 yang lalu telah menyatakan dalam kaitan inilah pentingnya peranan institusi pendidikan kerakyatan yang komited terhadap aspirasi pembinaan kader ilmuan rakyat yang mengakar di tengah umat. Telah lama umat dikecewakan oleh para cendekiawan dan ulamak yang hanya punya majikan tetapi tidak punya umat. Sekarang adalah saatnya kita membina kader-kader publik intelektual, cendekiawan yang mempunyai kepedulian yang tinggi terhadap untung nasib rakyat, ilmuan yang sedar bahawa ilmu mempunyai fungsi sosial merubah dan memperbaiki dan memperkasa manusia. Pemikiran rakyat seharusnya dibentuk oleh para ilmuwan bukan oleh media propaganda, mungkin yang dimaksudkan Utusan Malaysia dan TV 3.

Tuan Speaker, pelantikan Yang Mulia Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda sebagai Canselor Universiti Selangor adalah langkah yang tepat dengan mengangkat tokoh yang berwibawa untuk memimpin gedung pendidikan. Yang Mulia Raja Tan Sri Arshad merupakan seorang tokoh yang mampu membawa Universiti Selangor ke mercu kejayaan dengan kualiti pendidikan dan graduan yang mendukung cita-cita murni dan mewakili *concerns of the nation* akal budi dan hasrat pembentukan sesebuah negara yang merdeka. Universiti Selangor, KUIS dan Kolej INSPEN perlu mengambil langkah-segera untuk lebih terbuka untuk mendidik anak-anak kita untuk mempertahankan tradisi keilmuan. Antara langkah yang perlu diambil segera institusi tersebut perlu menggerakkan inisiatif untuk memansuhkan awku dan AIPTS supaya mahasiswa dapat menghirup kelazatan keilmuan yang berpaksikan kebebasan akademik. Memandangkan ekonomi negeri Selangor hari ini dijana oleh sektor pembuatan, 28% dan sektor pembinaan 37.8%, berbanding dengan pertanian hanya 5%. Maka saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri berusaha untuk mengkaji dan menyemak semula semua kurikulum dan skop pelajaran dan pembelajaran di Universiti Selangor, KUIS dan Kolej INSPEN agar bersesuaian dengan perkembangan dunia pendidikan hari ini yang mampu melahirkan tenaga kerja yang mahir. Kajian telah membuktikan bahawa trend kemasukan di IPTA menunjukkan bahawa setiap 3 orang pelajar bumiputera, 2 daripadanya adalah perempuan. Kajian ini juga menunjukkan data bahawa pelajar-pelajar lelaki Melayu lebih cenderung kepada mata pelajaran teknikal daripada pengajian akademik. Malangnya kerajaan pusat gagal menggubal satu dasar yang dapat memenuhi potensi pelajar-pelajar ini. Bajet kerajaan pusat untuk pengajian akademik adalah 5 kali ganda lebih tinggi berbanding Politeknik dan Institusi Pengajian vokasional. Sistem pendidikan di Malaysia amat malang sekali kerana meremehkan pendidikan vokasional dan menjadi pusat *drop out* bagi pelajar-pelajar di Malaysia. Dasar ini tidak membantu anak-anak Melayu yang terbukti mempunyai potensi dalam bidang perkhidmatan teknikal. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat melihat kepada model *Swiss German* yang menjadikan pendidikan teras di German sebuah negara

yang mempunyai asas industri yang kuat dan kukuh. Model Swiss German yang menggunakan teori *bell curve* merupakan satu model yang lengkap dan *comprehensive* untuk menuju ke arah negara maju. Model ini berjaya melahirkan 50% graduan yang mempunyai kemahiran teknikal, dan 25% adalah graduan pengajian akademik, selebihnya 25% adalah graduan tahap pendidikan menengah. Kerajaan negeri juga harus menggalakkan keterlibatan pihak swasta bagi menyediakan lapangan untuk latihan *on the job* untuk memastikan *skill* dan kemahiran para graduan terus digilap. Peranan sekolah rendah agama dan sekolah rendah agama integrasi di bawah kerajaan negeri serta sekolah agama rakyat di bawah milik persendirian perlu diperkasakan untuk melahirkan anak-anak yang berilmu dan berakhlak mulia. Langkah kerajaan negeri untuk menaikkan elaun guru-guru KAFA sebanyak 300 ringgit kepada 1,300 ringgit sebulan baru-baru ini amat tepat dalam usaha kita untuk memartabatkan peranan guru-guru agama. Malangnya sudah ada rungutan bahawa kenaikan ini masih tertunggak dan masih belum lagi dibayar oleh pihak-pihak berwajib.

Tuan Speaker, pembangunan perumahan di Bukit Antarabangsa semakin rancak, semenjak 15 tahun yang lalu dengan taman-taman perumahan bercambah dengan pesat. Perangkaan mencatatkan terdapat sejumlah 11,300 unit rumah di Bukit Antarabangsa dengan penduduk seramai lebih 50,800 orang. Daripada jumlah ini dianggarkan 5,400 adalah pelajar-pelajar sekolah rendah manakala 5,000 lagi adalah pelajar-pelajar sekolah menengah. Pada ketika ini penduduk di Bukit Antarabangsa dan Ukay Perdana menghadapi kesulitan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah di Taman Melawati, Ulu Klang dan juga Wangsa Maju kerana terpaksa menyeberangi Lebuhraya MRR2 yang semakin sesak. Tambahan pula sekolah-sekolah di Taman Melawati, Ulu Klang dan juga Wangsa Maju telah sesak dengan jumlah murid dalam setiap kelas. Sebagai contoh jumlah kelas kepada murid di Sekolah Kebangsaan Taman Melawati ialah 1 kepada 35 orang (1:35) dan bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati pula ialah 1 kepada 46 murid (1:46). Maka keperluan untuk membina sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di kawasan Bukit Antarabangsa amat mendesak. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bersama wakil MPAJ, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak dan saya sendiri telah mengadakan lawatan tapak pada 25 Mei 2010 untuk meninjau dan mengenal pasti beberapa tapak yang boleh dirizabkan untuk tujuan pembinaan sekolah di kawasan Bukit Antarabangsa. Hasil lawatan tersebut, satu tapak yang bersesuaian untuk pembangunan sekolah rendah kebangsaan seluas 6 ekar dan satu tapak seluas 8.5 ekar didapati bersesuaian untuk pembinaan sekolah-sekolah yang berkenaan. Tapak-tapak berkenaan telah pun dizonkan untuk kegunaan institusi pendidikan berdasarkan Draf Rancangan Penempatan MPAJ 2020 dan tapak-tapak berkenaan tidak melibatkan pengambilan tanah dan bersedia untuk dimajukan.

Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengutus surat kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran Malaysia pada 23 Julai 2010 untuk memohon pelaksanaan segera projek sekolah rendah kebangsaan yang telah tersenarai di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan dan memasukkan cadangan pembinaan sebuah sekolah menengah kebangsaan dalam projek Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Malangnya surat ini tidak dijawab oleh Y.A.B. Menteri Pelajaran sehingga hari ini, sudah lebih 6 bulan. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan berhubung keperluan mendesak untuk membina sekolah rendah agama di kawasan Ukay Perdana dan Bukit Antarabangsa adalah dianggarkan lebih 70% daripada penduduk Bukit Antarabangsa adalah beragama Islam. Malangnya tidak ada satu sekolah rendah agama pun yang boleh memberikan pendidikan kerohanian kepada anak-anak kita, sekali lagi tahniah kepada Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Dato' Mohd. Jaafar yang telah mengenal pasti tapak seluas 3 ekar yang sesuai untuk pembangunan sekolah rendah agama di Bukit Antarabangsa. Tapak ini juga tidak melibatkan pengambilan tanah dan

bersedia untuk dimajukan dan tapak ini mempunyai sistem *accessibility* yang sangat baik dengan adanya jalan utama iaitu jalan Ukay Perdana. Justeru itu saya ingin menggesa kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk meluluskan segera sebuah sekolah rendah agama di atas tapak yang telah dikenal pasti dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat melihat ini sebagai keutamaan dalam menyediakan peruntukan untuk menampung permintaan sekolah rendah agama dengan kemudahan yang moden dan pusat riadah yang canggih.

Puan Timbalan Speaker, langkah Kerajaan Negeri memberi peruntukan tahunan sejumlah RM4 juta bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil adalah satu tindakan yang terpuji. Kebanyakan daripada 97 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil memerlukan pembelaan akibat kemudahan yang begitu daif dan kebanyakan daripada sekolah jenis kebangsaan Tamil juga dibelenggu isu tanah. Justeru itu tindakan Kerajaan Negeri meluluskan tanah kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Simpang Lima, Taman Sentosa Klang adalah antara langkah kerajaan yang cukup proaktif.

Kelulusan peruntukan tambahan sebanyak RM3 juta bagi pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Midland Seksyen 7, Shah Alam untuk menampung pelajar yang meningkat lebih daripada 2,000 orang juga adalah langkah yang tepat. Walau bagaimanapun, saya ingin menggesa Kerajaan Negeri untuk segera menyelesaikan masalah tanah yang membelenggu sekolah jenis kebangsaan Tamil yang lain dan mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat mengimbangkan untuk membina kemudahan bangunan-bangunan asrama bagi membolehkan para pelajar miskin di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang tinggal di estet dapat kemudahan berada di sekolah dan menimba ilmu pengetahuan dalam keadaan yang selesa.

Saya ingin beralih kepada topik yang cukup penting di negeri Selangor iaitu soal jenayah. Masalah jenayah di Negeri Selangor perlu ditangani secara bersama dengan PDRM. Bulan Januari 2011 mencatatkan 140 kes jenayah yang merangkumi pelbagai jenis kes. Piawai antarabangsa menetapkan nisbah anggota polis dan rakyat adalah satu anggota polis untuk 250 penduduk. Menurut statistik 2011, Selangor mempunyai 11,700 anggota yang mana hanya 30% yang bertugas pada satu syif. Ini bermakna dalam satu syif nisbahnya menjadi 1 anggota polis untuk 1,424 orang (1:1,424). Kerajaan Negeri berusaha untuk bekerjasama dengan PDRM bagi maksud untuk membanteras jenayah dan menjamin keselamatan rakyat di Negeri Selangor. Malangnya, Menteri Dalam Negeri menolak permohonan penubuhan Pasukan Polis Bantuan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Maka, apakah langkah Kerajaan Negeri seterusnya dalam usaha untuk menangani masalah jenayah berat dan ragut di Negeri Selangor.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar supaya dapat mengadakan satu perbincangan dengan pihak Polis Negeri Selangor supaya kita dapat permuafakatan dan persefahaman dalam usaha untuk memajukan negeri Selangor. Saya melihat sudah ada trend ataupun kecenderungan pihak polis di Negeri Selangor hari ini untuk terus menekan Pakatan Rakyat sama ada pimpinan dalam Kerajaan Negeri mahupun pimpinan parti. Saya sendiri menjadi mangsa beberapa hari yang lalu. Apabila program yang berjalan dengan aman, harmoni di pusat khidmat rakyat Parlimen Gombak dan Bukit Antarabangsa diserbu dan dikasari oleh pegawai-pegawai dan anggota polis sendiri. Esok saya telah dipanggil untuk memberi keterangan dalam kes siasatan ini, tetapi saya ingin bertanya kepada pihak polis, mengapa Timbalan Perdana Menteri boleh mengadakan perhimpunan terbuka pada malam ini di Parlimen Pandan, apa bezanya Timbalan Perdana Menteri dengan pimpinan Kerajaan Negeri Selangor. Mengapa pihak polis mengamalkan '*double standard*' dan mengambil arahan dari UMNO dan Barisan Nasional untuk menekan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (Dewan bergendang). Justeru itu saya telah mengambil keputusan mengarahkan peguam-peguam

saya untuk menyaman dan mengambil tindakan mahkamah terhadap PDRM Negeri Selangor khususnya daerah Ampang (Dewan bertepuk).

Puan Speaker, antara langkah yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri ialah pemasangan kamera litar tertutup ataupun CCTV di kesemua 12 PBT. Sistem bersepadu ini melibatkan sistem kamera litar tertutup dan perkhidmatan panggilan kecemasan 999. Ini akan membolehkan pihak polis di pusat kawalan memantau secara langsung sebarang kemungkinan atau percubaan perlakuan jenayah yang dilakukan melalui talian 999. Sistem CCTV dihubungkan terus dengan MBRS 999 bagi membolehkan tempoh masa bertindak pihak polis lebih pantas dan kejadian jenayah dapat dielakkan atau ditangani dengan lebih berkesan. Saya ingin mengetahui apakah status peruntukan RM3 juta yang dibentangkan dalam Belanjawan 2010 dan RM6 juta yang dibentangkan dalam Belanjawan 2011 untuk pemasangan sistem CCTV ini. Apakah sistem CCTV ini telah mula beroperasi dan jika sudah apakah kadar jenayah di kawasan-kawasan terbabit telah dapat dikurangkan.

Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah menganugerahkan kontrak melalui tender terbuka untuk projek pemasangan CCTV bersepadu di seluruh negeri Selangor. Kontrak ini telah dianugerahkan hampir 2 tahun yang lalu, namun pelaksanaannya masih terbantut kerana masalah birokrasi melampau dan ke tidak konsisten dalam pentadbiran. Ketidakupayaan Kerajaan Negeri membuat keputusan dan kelewatan melaksanakan sistem ini akan mengakibatkan keselamatan rakyat Negeri Selangor di kompromi.

YB Puan Timbalan Speaker, isu kebersihan masih menghambat kualiti hidup rakyat di Negeri Selangor. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kerajaan Negeri, apakah status semakan perjanjian dengan Alam Flora. Prestasi dan sistem penyampaian oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Alam Flora masih mengecewakan rakyat di Negeri Selangor. Walaupun tanggungan PBT bagi pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2010 mencatatkan RM385 juta, keputusan Kerajaan Negeri untuk membenarkan PBT melaksanakan pembersihan awam sahaja dan mengekalkan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal termasuk pengutipan sisa domestik kepada Alam Flora tidak adakan menyelesaikan rungutan rakyat. Prestasi dan sistem penyampaian masih di tahap yang rendah berbanding dengan kos perkhidmatan yang dibayar oleh PBT kepada Alam Flora. Saya difahamkan bahawa Alam Flora mempunyai hanya 2 unit *high pressure tank* ataupun HPT untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang utama ataupun *monsoon drain* di seluruh Negeri Selangor yang melibatkan air bertekanan tinggi. Daripada 2 unit, satu sudah rosak, tinggal satu sahaja, sebab itu 2 kawasan di Bukit Antarabangsa iaitu Kampung Melayu Ampang dan Pasar Pekan Ampang yang amat memerlukan perkhidmatan HPT terpaksa tunggu berbulan-bulan dan sehingga pagi ini masih belum muncul peralatan HPT untuk kerja-kerja yang amat mendesak ini. Persoalan saya, inikah syarikat yang menjadi rakan kongsi Kerajaan Negeri dan mengenakan kos perkhidmatan yang begitu tinggi. Mengapa Kerajaan Negeri masih teragak-agak melihat potensi dan keupayaan serta kepakaran yang ada di Worldwide Land Field Sdn. Bhd. Anak syarikat Worldwide Holdings milik Kerajaan Negeri untuk memulakan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor.

YB TUAN YAP EE WAH : Puan Timbalan Speaker, pertanyaan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : silakan, Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih. Apa yang disebutkan oleh Bukit Antarabangsa mengenai isu kebersihan yang disebut-sebut tadi dan buat masa sekarang saya nampak kebanyakan kawasan dikategorikan, diiktiraf sebagai zon bersih. Jadi saya kurang faham

kenapa ada pula diiktiraf dengan jom bersih sedangkan keberkesanan kebersihan di Negeri Selangor yang disifatkan oleh Bukit Antarabangsa begini teruk, terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih. Apa yang disebutkan oleh Bukit Antarabangsa mengenai isu kebersihan yang disebut-sebut tadi dan buat masa sekarang saya nampak kebanyakan kawasan dikategorikan, diiktiraf sebagai 'Jom Bersih'. Jadi saya kurang faham kenapa ada pula diiktiraf dengan 'Jom Bersih' sedangkan kesan keberkesanan kebersihan di negeri Selangor yang disifatkan oleh Bukit Antarabangsa begini teguh. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Sungai Pelek. Apa yang saya maksudkan ialah kebersihan yang dinyatakan oleh Sungai Pelek itu adalah kebersihan yang secara relatifnya jauh lebih baik daripada pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional sebelum ini. Yang saya tekankan ini masih ada ruang untuk diperbaiki oleh kerana kerajaan negeri melalui PBT membelanjakan satu jumlah yang cukup besar bagi maksud tersebut. Maknanya ada *room for improvement* untuk dipertingkatkan. Tetapi keadaan hari ini sudah pastinya jauh lebih baik daripada apa yang diuruskan oleh UMNO sebelum ini.

YB Timbalan Puan Speaker, kejayaan kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor memelihara hak orang asal adalah bukti jelas bahawa kerajaan negeri berpegang teguh kepada prinsip keadilan untuk rakyat. Langkah kerajaan negeri menubuhkan badan bertindak tanah orang asal bertujuan untuk menyelesaikan masalah tanah yang menghambat orang asal merupakan satu tindakan proaktif. Kerajaan negeri telah melaksanakan 'Program Pemetaan Tanah Orang Asal', Kempen Kesedaran Akta 134 Berhubung Dasar Pemberimilikan Tanah Orang Asal' serta 'Program Perumahan Rakyat Termiskin' untuk orang asal. Cuma pada pagi ini, saya ingin membawa perhatian dewan kepada masalah orang-orang asal di Bukit Kala, Batu 12, Gombak. Menurut sejarah, pada awal tahun 1956 seramai 350 orang remaja orang asli daripada seluruh semenanjung Malaysia telah di bawa ke Batu 12, Gombak dan telah ditempatkan di pusat-pusat dan pos-pos kesihatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Gombak. Belia-belie ini diberikan latihan dan kursus untuk meningkatkan kefahaman di kalangan masyarakat orang asli dengan harapan dapat mencapai matlamat pada ketika itu. Sebaik sahaja mereka tamat kursus dan latihan ini, belia-belie ini dapat ditempatkan di pos-pos kesihatan di seluruh negara bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat orang asli. Tetapi sebahagian besar daripada anak-anak muda ini setelah tamat latihan dan kursus dan setelah tamat memberikan khidmat mereka di pusat-pusat dan pos-pos kesihatan di seluruh negara telah kembali semula ke Bukit Kala, Batu 12, Gombak kerana mereka merasakan ini adalah kampung halaman mereka. Kini, kampung ini yang diterokai pada tahun 1956 dengan kepadatan penduduk di kalangan anak-anak belia seramai 350 orang telah berkembang pesat dengan kepadatan penduduk meningkat kepada lebih 3,500 orang. Maka masalah yang kritikal sekarang ialah tanah penempatan bagi lebih 550 keluarga ini yang semakin sesak dan tidak dibangunkan dengan kemudahan yang baik. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri pada pagi ini supaya dapat diberikan perhatian segera untuk meneliti masalah yang sudah berlarutan terlalu lama dan saya pohon kerajaan negeri dapat menyelesaikan masalah pemberimilikan tanah dan menempatkan keluarga-keluarga ini yang telah meneroka tanah yang berkenaan lebih 50 tahun yang lalu.

Ekoran tindakan kerajaan pusat menaikkan harga petrol melalui 'Program Rasionalisasi Subsidi', harga barang telah melonjak naik dan memberi kesan yang amat membebankan rakyat khususnya kepada yang berpendapatan rendah. Tindakan kerajaan menarik balik atau mengurangkan subsidi terbukti menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi di negara ini. Kadar inflasi yang meningkat kepada 2.2 peratus pada Disember 2010 merupakan kadar tertinggi dalam tempoh 19 bulan. Kajian Bank Negara Malaysia menjangkakan kadar inflasi

dijangka berada di antara 2.5 hingga 3 peratus pada tahun 2011 dan 2012. dan kadar inflasi ini dijangka akan terus meningkat kepada 4 peratus. Manakala indeks harga pengguna terus meningkat tahun demi tahun dengan kadar 0.6 peratus pada Januari 2008 hingga Januari 2009, 1.7 peratus dari Januari 2009 hingga Januari 2010 dan 2.4 peratus dari Januari 2010 hingga Januari 2011. Antara kumpulan barangan yang naik mendadak adalah makanan dan pengangkutan. Harga barangan makanan dan minuman bukan alkohol pada bulan Januari 2011 telah naik sebanyak 3.6 peratus jika dibandingkan dengan tahun yang sebelumnya. Pada tempoh masa yang sama indeks harga pengguna dalam kumpulan pengangkutan telah naik sebanyak 4.6 peratus dan kenaikan harga barangan asas inilah yang menekan kehidupan rakyat terbanyak termasuk di negeri Selangor. Sebagai contoh, harga bawang kecil meningkat lebih dua kali ganda berbanding harga asal iaitu RM4 sekilo kepada RM11 sekilo. Harga ikan kembung di pasar Selayang melonjak naik hampir 50 peratus daripada RM8 sekilo kepada RM14 sekilo dan dalam masa sebulan sahaja daripada 21 Februari jika dibandingkan dengan 25 Mac 2011. walaupun penetapan harga barangan asas ini adalah di bawah kawalan kerajaan pusat, saya merasakan kerajaan negeri bertanggungjawab untuk mengambil beberapa inisiatif bagi mengurangkan beban rakyat khususnya di luar bandar. Tema 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan' adalah *rhetoric politic*. Kerajaan pusat tidak berganjak daripada dasar membela kroni yang menjadi tuan di dalam negara ini. Sebagai contoh subsidi untuk pengeluar tenaga bebas (IPP) yang berjumlah RM15.1billion setahun tidak disentuh tetapi subsidi barangan asas seperti tepung, gula, minyak masak, gas memasak serta petrol ditarik balik. Bertambah parah, kerajaan pusat tidak mampu menghalang ketirisan yang dilaporkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 yang berjumlah RM28billion. Baru-baru ini saya telah mengemukakan kenyataan media berdasarkan laporan Bank Negara yang melaporkan sehingga Disember 2010 hutang isi rumah telah mencatatkan RM577billion ataupun 74 peratus daripada KDNK. Daripada jumlah ini RM118billion adalah pinjaman kereta, RM22billion adalah pinjaman peribadi dan RM225 bilion adalah pinjaman perumahan. Hutang kad kredit sudah mencecah hampir RM200billion. Masalah ini berpunca daripada kegagalan kerajaan pusat untuk melihat kenaikan gaji dalam konteks menjana *disposable income* ataupun pendapatan boleh belanja. Masalah ini bertambah rumit apabila kenaikan gaji di Malaysia pada kadar yang paling rendah di rantau ini iaitu hanya sekitar 2.6 peratus di antara tahun 1994 sehingga 2007 berbanding dengan Thailand dan Indonesia yang mencatatkan kadar kenaikan sebanyak 10 peratus dalam tempoh lapan tahun. Lebih membimbangkan lagi hutang kerajaan Malaysia bagi tahun 2009 meningkat kepada RM362billion atau 53.7 peratus daripada KDNK. Maka kalau kita gabungkan hutang individu atau hutang rakyat dengan hutang kerajaan, ia sudah mencecah RM1trillion. Dalam tahun 2010, kerajaan melancarkan 19 program menjual bon yang membabitkan hutang tambahan bernilai RM58.1billion. Pada 14 Disember 2010, Bank Negara mengumumkan kerajaan akan menjual 29 bon tambahan dalam tahun 2011. Menurut anggaran Institut Penyelidikan RHB, penjualan 29 bon ini akan membabitkan hutang baru kerajaan pusat berjumlah RM83billion kepada RM445.39billion. Justeru itu, Pakatan Rakyat melancarkan 'Buku Jingga' iaitu garapan kebijakan khusus membahaskan isu ekonomi, mikro dan juga langkah-langkah berani untuk menjamin ekonomi yang mampan dan kesejahteraan rakyat. Buku Jingga telah mengupas perkara ini dengan panjang lebar dengan mengkritik program-program kerajaan pusat yang bersandarkan kepada keborosan membelanjakan wang rakyat untuk membina projek mega tanpa ada usaha untuk melaksanakan reformasi ekonomi yang diperlukan segera. Perubahan yang agresif mesti dilaksanakan demi merungkai beberapa mitos ekonomi yang dicipta oleh UMNO antaranya hanya merekalah yang berjuang demi kepentingan orang Melayu sedangkan hakikatnya 40 peratus daripada rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan pendapatan isi rumah kurang dari RM1,500 sebulan menjadikan mereka golongan paling miskin di Malaysia adalah orang-orang Melayu. Lebih mengejutkan dan menyedihkan, baru-baru ini kita terbaca laporan *fox magazine* yang merakamkan 40 rakyat Malaysia yang terkaya, hanya 6 sahaja di kalangan mereka adalah orang-orang Melayu. Dan

daripada 6 orang Melayu ini, 2 adalah adik perdana menteri dan seorang adalah anak perdana menteri. Bagaimana Melayu-Melayu yang lain di Sungai Burong, di Sri Serdang dan di Sungai Panjang yang masih merempat di bawah pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Maka apakah peranan kerajaan negeri untuk membantu meringankan bebanan rakyat untuk mendapatkan barang-barang asas bagi keperluan keluarga mereka khususnya yang berpendapatan rendah. Kerajaan negeri perlu meneroka beberapa langkah untuk mencapai matlamat di atas. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat melantik beberapa anak syarikat kerajaan negeri untuk membeli bahan makanan secara pukal dan menyimpan stok makanan asas dan kemudiannya menjual kepada rakyat pada harga yang lebih rendah melalui stor bergerak ke setiap daerah dalam negeri Selangor.

YB Puan Timbalan Speaker, kementerian pengangkutan berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan pengguna terhadap kenderaan persendirian dan meningkatkan jumlah pengguna sistem pengangkutan awam daripada 240,000 kepada 600,000 pada tahun 2012. Untuk mencapai matlamat ini kerajaan negeri perlu menjalin kerjasama dengan kerajaan pusat untuk mewujudkan pelan induk sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan menyeluruh. Pembangunan Greater Kuala Lumpur yang diumumkan oleh kerajaan pusat tidak boleh mengeneppikan peranan Selangor kerana sebahagian besar daripada Greater KL berada di dalam wilayah, Lembah Klang dan Selangor. Greater Kuala Lumpur melibatkan 10 PBT di mana 8 daripadanya di dalam negeri Selangor iaitu MBPJ, MBSA, MPAJ, MPS (Majlis Perbandaran Sepang), MPK (Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Kajang), Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang. Kerajaan pusat perlu memberikan peranan yang lebih besar kepada negeri Selangor dan mengambil kira pandangan pentadbiran negeri Selangor dalam perancangan ini supaya tidak wujud pertindihan jajaran ataupun *alignment* dan juga boleh menjimatkan kos prasarana bagi kepentingan rakyat.

Saya amat tertarik dengan titah Tuanku pada pagi semalam, yang mahukan Kerajaan Negeri Selangor memainkan peranan aktif dalam perbagai projek di bawah bidang keberhasilan utama negara termasuk projek seperti MRT, yang melibatkan laluan Sungai Buloh ke Kajang sejauh 60 km.

Saya ingin mengambil sedikit masa untuk membahaskan perkara ini kerana Tuanku Sultan juga telah menitahkan supaya wakil-wakil rakyat sentiasa bersuara berasaskan kepentingan negeri dan rakyat negeri ini, bukannya kita bangun bersuara untuk mempertahankan Perdana Menteri atau Ketua Parti kita. Sebagai contoh, projek MRT yang telah disentuh oleh Tuanku Sultan akan membabitkan perbelanjaan mencecah RM55 bilion, menjelang ia beroperasi dalam tahun 2016 ataupun 2017. Dan ia akan dibiayai sepenuhnya melalui penerbitan bon. Seperti yang dinyatakan dan dititahkan oleh Tuanku, sebahagian besar daripada laluan projek MRT ini adalah merentasi Selangor sejauh 60 km, maka kesan yang paling besar adalah ke atas rakyat Selangor. Selain daripada kesan fizikal seperti pengambilan tanah, impak ke atas kesan trafik di Lembah Kelang, persoalan yang lebih besar adalah bebanan hutang yang akan ditanggung oleh rakyat. Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa projek MRT akan di kendalikan sepenuhnya secara telus dan kontrak akan dibuka untuk bidaan. Itu kenyataan media yang dibuat oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri juga telah mengumumkan pelantikan Konsortium Gamuda MMC sebagai *projek delivery partner* ataupun PDP. Dan sebagai PDP, Gamuda MMC bertanggungjawab menguruskan keseluruhan projek termasuk ;

1. Menentukan spesifikasi projek dan menetapkan aspek teknikal, maka kos keseluruhan projek ini sebenarnya ditentukan oleh Gamuda MMC.
2. Menyediakan dokumen tender bagi setiap pakej.

3. Menjalankan proses tender untuk memilih subkontraktor bagi setiap pakej.
4. mengawal selia pelaksanaan projek sebagai pengurus projek.

Fakta yang di sembunyikan oleh Kerajaan Pusat daripada rakyat adalah keseluruhan kertas cadangan mengenai pembinaan MRT ini sebenarnya disediakan oleh Gamuda MMC. Konsortium itulah yang mencadangkan konsep pembinaan, konsep pembangunan, serta jajaran ataupun *alignment* dalam projek itu.

Oleh itu Gamuda MMC mempunyai sepenuh kebebasan untuk menentukan berapakah kos keseluruhan projek kerana spesifikasi teknikal projek ditentukan oleh Gamuda MMC dan tidak dibuka kepada pihak-pihak yang lain. Gamuda MMC juga telah diberikan kebenaran untuk turut serta sebagai sub kontraktor bagi pakej bawah tanah yang dijangkakan sebanyak 7 pakej. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, konsep PDP yang diumumkan oleh Perdana Menteri ini tidak lebih daripada nama baru yang diperkenalkan untuk meneruskan amalan lama iaitu *direct niego, korupsi, nepotisme dan kronisme* yang sering menjadi amalan UMNO dan Barisan Nasional. Berdasarkan latar belakang ini, maka risiko yang akan ditanggung oleh rakyat akibat konsep PDP adalah seperti berikut;

1. Konsep pelan atau jajaran ataupun *alignment* MRT yang dicadangkan oleh Gamuda MMC mungkin tidak pun bersandarkan pada keperluan sebenar rakyat kerana motif Gamuda MMC adalah untuk memaksimumkan keuntungan
2. Spesifikasi teknikal yang dicadangkan oleh Gamuda MMC mungkin lebih mahal dan tidak diperlukan.
3. Kos yang dijangka RM55 bilion, mungkin akan meningkat memandangkan spesifikasi teknikal tidak diketahui oleh pihak-pihak yang lain.
4. Gamuda MMC juga akan menimbulkan *konflik of interest* yang besar apabila mereka jugalah bertanggungjawab mengawal selia proses pembidaan pakej-pakej bawah tanah, sedangkan mereka dijangka menjadi pembida utama.
5. Yang akhirnya, seperti yang saya nyatakan tadi, ini adalah merupakan satu amalan yang bertentangan dengan prinsip tata kelola yang baik dan akan terdedah kepada amalan rasuah yang cukup serius.

Maka jangkakan ramai pihak, projek ini dan pengenalan konsep PDP ini adalah satu cara untuk menghalalkan projek MRT yang akan digunakan sebagai cara mendapatkan dana bagi UMNO menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, banyak contoh yang boleh kita bahaskan pada pagi ini, berhubung kegagalan Kerajaan Pusat dalam projek-projek penswastaaan dan akhirnya membebankan rakyat. Projek LRT, Putra dan STAR akhirnya terpaksa diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Pada awalnya kos projek LRT keseluruhannya hanya RM4 bilion dan dianugerahkan kepada kroni UMNO iaitu Renong dan sahabat baik Dr. Mahathir, Tan Sri Vincent Tan, walau bagaimanapun krisis kewangan 1997 menyebabkan kedua-dua projek ini menghadapi masalah. Seperti yang kita jangkakan pada tahun 2001, Kerajaan Pusat menubuhkan syarikat milik kerajaan iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad yang mengambil alih kedua-dua aset daripada STAR dan Putera. SPNB terpaksa membayar pampasan dan menanggung hutang yang diambil alih daripada Renong dan Vincent Tan berjumlah RM7 bilion

yang masih lagi belum terbayar pada hari ini. Inilah gambaran kos dan bebanan hutang yang akan dihadapi oleh rakyat. Kalau RM7 bilion, ekoran pengambilalihan kedua-dua projek oleh Kerajaan Pusat masih belum terbayar, apakah jaminan projek MRT ini akan berjalan dengan baik dan tidak akan memberi kesan dan implikasi kewangan kepada kerajaan dan membebankan rakyat pada masa yang akan datang.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini beberapa langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti yang telah di titahkan oleh Tuanku Sultan bagi memastikan ketelusan dan menjamin hak rakyat negeri Selangor dalam projek MRT ini;

1. Kerajaan Selangor mempunyai kuasa untuk memastikan projek MRT ini menjamin kepentingan rakyat. Untuk maksud itu, Kerajaan Negeri Selangor perlu melantik sebuah badan perunding yang dianggotai oleh pakar-pakar di kalangan firma kejuruteraan dan juru ukur bahan untuk menyemak kos sebenar keseluruhan projek dan juga melibatkan NGO's bagi mendapatkan maklum balas mereka bagi pihak rakyat, untuk memastikan tidak ada unsur-unsur pertambahan kos yang tidak perlu akibat tiadanya ketelusan dan wujudnya amalan kronisme dalam penganugerahan projek kepada Gamuda MMC.
2. Kerajaan Negeri Selangor juga bertanggungjawab untuk menetapkan syarat-syarat pengambilan tanah melalui proses terbuka dan telus dalam sebuah panel khas yang ditubuhkan untuk menyelia projek MRT ini.
3. Kerajaan Negeri Selangor juga perlu menetapkan syarat-syarat bahawa kelulusan dalam pengambilan tanah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Pusat untuk membentangkan secara terbuka dan menerima pakai maklum balas yang dibuat oleh Kerajaan Selangor mengenai pelaksanaan projek dan pelan keseluruhan pengangkutan awam bagi Lembah Kelang dan juga yang merentasi Negeri Selangor.
4. Akhirnya Kerajaan Negeri Selangor juga bertanggungjawab untuk bersama-sama dengan Kerajaan Pusat menetapkan *alignment* ataupun jajaran yang benar-benar memberikan kesan positif yang optima bagi pengangkutan awam untuk rakyat di Negeri Selangor.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, dalam suasana ekonomi global yang celaru dan tidak menentu Kerajaan Negeri perlu mencari sumber baru dan mengenal pasti usaha-usaha baru untuk meningkatkan pendapatan Negeri dan sekali gus menjamin kelangsungan program merakyatkan ekonomi Selangor. Kerajaan perlu membuka *new growth area*, pada sesi yang lepas, saya telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memfokuskan bagi mempertingkatkan industri kecil dan sederhana ataupun IKS. IKS bukanlah industri yang melibatkan industri penghasilan produk kampung seperti kerepek semata-mata. Namun jika kita lihat kepada modul IKS Korea Selatan dan Taiwan, perkembangan IKS melibatkan industri yang berasaskan teknologi maklumat, pembikinan perisian komponen asas sehinggalah kepada *out sourcing* dapat dilaksanakan serta membuka peluang kepada usahawan muda yang kreatif. Dalam usaha untuk membentuk masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat kadar capaian ataupun penembusan Internet jalur lebar di dalam Negeri Selangor merupakan satu infrastruktur yang perlu diutamakan. Kerajaan Negeri telah mengumumkan dalam bulan Mei 2009 untuk mempertingkatkan kadar capaian Internet ke seluruh Negeri Selangor.

Saya ingin bertanya apakah status perkembangan kemajuan yang penting ini. Projek Uwisel yang dicanangkan akan membolehkan seluruh Negeri Selangor mendapat liputan jalur lebar dalam tempoh 5 tahun, berbanding 30% dalam tahun 2009. Saya ingin mendapat kepastian

mengenai perkembangan dan sejauh mana projek ini telah berjalan. Apakah kelebihan *hibryd wireless* infrastruktur ataupun *hywind standard* yang digunakan oleh Kerajaan Negeri berbanding Wi Fi Hot Sport.

Saya mencadangkan agar kemudahan capaian Internet tidak mengenakan bayaran kepada para pengguna. Cadangan awal Kerajaan Negeri adalah untuk mengenakan bayaran sewaan bulanan bermula RM30 bagi perkhidmatan jalur lebar dengan kapasiti muat turun sebanyak satu mega bait dijangka membebaskan rakyat namun Wi Fi percuma hanya *vibel* dan *sustainable* untuk dilaksanakan di kawasan bandar. Ini akan membolehkan pembekal perkhidmatan internet ataupun *Internet service provider* mendapat pulangan semula menerusi pengiklanan. Saya ingin memberikan contoh US Internet dan Metro Fee di Miniapolis dan Portland, Amerika Syarikat. Mencatatkan pulangan yang baik dengan pendaftaran pengguna sebanyak lima ribu orang sahaja. Bandar Minniapolis, Sentspol, mempunyai sekitar 400,000 orang.

Sasaran pengguna sebanyak sepuluh ribu orang dijangka dapat menghasilkan pulangan yang positif bagi syarikat ISP ataupun *Internet Service Provider* yang memberikan wyfi percuma namun apa yang diamalkan di sana kedua-dua syarikat ISP ini turut diberikan kontrak membekal perkhidmatan Internet dengan pihak kerajaan tempatan bandar Miyapolice. Prestasi connection wyfi percuma di Miyapolice dan Portland dilaporkan amat memuaskan. Model jaringan Internet ini dilaksanakan di bandar ini dilaporkan padat untuk memastikan kos pembekalan perkhidmatan Internet tidak meningkat tinggi serta di bantu dengan kerajaan tempatan bertindak sebagai *anchor tenant* kepada syarikat ISP tersebut. Model ini jika dirancang dengan teliti dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di bandar-bandar seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya, Shah Alam, Klang dan sebagainya. Kerajaan negeri harus mengkaji pelan yang sesuai dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia untuk memperkenalkan Internet jalur lebar ke kawasan luar bandar. Kemudahan asas Internet dapat dipertingkatkan menerusi pembinaan dan pemasangan interner Internet Wyfi hotspot atau Highwind bagi membolehkan rakyat di luar bandar turut mendapat kemudahan *access Internet*. Sehubungan dengan itu saya berharap projek Internet jalur lebar kerajaan negeri tidak akan membebaskan rakyat.

Buku Jingga turut menawarkan program Wyfi untuk kemudahan dan keselesaan rakyat menjalin *connectivity* dengan dunia luar.

Akhirnya Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, ini mungkin persidangan yang terakhir sebelum pilihanraya umum yang ke tiga belas. Sri Serdang pun masuk. Saya ulangi ini mungkin persidangan yang terakhir sebelum pilihanraya umum yang ke tiga belas. Kita tidak tahu bila tarikh pilihanraya umum mungkin Sri Serdang lebih arif kerana hubungan yang agak akrab dengan Rosmah dan lebih mengetahui tarikh pilihanraya. Mungkin saya tidak pasti. UMNO semakin gila. SPR terus menjadi kuda tunggangan UMNO. Amalan rasuah secara terang terangan *blatant* tatkala menjelang pilihanraya kecil dan pilihanraya negeri tidak mampu dikesan oleh SPRM dan juga SPR. Kenyataan Najib *you help me I help you* sewaktu kempen pilihanraya kecil Parlimen Sibn dan DUN Merlimau dilihat sebagai kenyataan yang bertanggungjawab oleh SPR dan SPR mengatakan tidak ada elemen rasuah politik. Pengerusi SPR jelas telah bertindak menghalalkan penyelewengan ini dengan berkata *I cooked. As I said, I'am not expert, I cant say this is definetly corruption, I do not know, you can collect evident leave it to the MACC*. Itu kenyataan Pengerusi SPR. Dia tidak tahu dia bukan pakar, dia tidak pakar rasuah. Nyata sekali SPR bertindak bagi mewakili kepentingan UMNO dan Barisan Nasional dan bukannya rakyat. Media yang tidak adil malahan memutar belitkan kenyataan Pakatan Rakyat dan membakar sentimen perkauman sempit menjadi hidangan harian media milik UMNO. Sistem yang dibina oleh keadilan yang diberikan nama sebagai *Sismec* telah

mengesan pelbagai bentuk penipuan dan watak pengundi hantu yang menjadi penyokong setia UMNO. Pengundi hantu pada satu ketika dahulu ditafsirkan sebagai orang yang sudah meninggal dibangunkan semula oleh UMNO untuk pergi mengundi. Tetapi dalam sistem yang kita bina ini kita dapat mengesan watak pengundi hantu ini sudah ada lapan *characters* atau lapan watak. Bukan sekadar mati hidup semula. Tetapi ada watak-watak yang lain sebagai contoh dalam lokaliti kampung Klang Gate Baru di Hulu Klang, rumah ibu saya No. 1E Kampung Klang Gate Baru, beliau tinggal berseorangan, tetapi dalam rumah itu ada lapan orang pengundi di mana sebahagiannya adalah orang Cina dan India. Bila pula saya ada adik beradik Cina dan India. Yang ada sahabat daripada Sekinchan sahaja.

PUAN SPEAKER : Silakan Sri Serdang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Siapa yang buat tu, kenapa tak buat bantahan Puan Speaker. Dah tahu tu begitu punya ramai, silap-silap Yang Berhormat Sekinchan yang memindahkan ke sana.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Aduan kita telah buat dan kita akan teliti sama ada tindakan akan diambil atau tidak. Kemudian ujud lagi watak hantu yang merupakan penyokong setia UMNO. Rumah-rumah di Kampung Klang Gate ini adalah rumah-rumah tradisional orang Melayu, sebuah-sebuah. Tetapi apabila dilihat dalam daftar pemilih SPR ciri-ciri alamat yang digunakan untuk daerah mengundi Kampung Klang Gate ialah ciri-ciri kondominium, Blok A tingkat 20, Unit 15. Sedangkan tidak ada satu pun bangunan di dalam daerah mengundi Kampung Klang Gate.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Baguslah bertambah pengundi Yang Berhormat. Apa salahnya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kalau mengikut tradisi pengundi hantu ini dia sokong UMNO. Sebab

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuduhan-tuduhan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tradisinya

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuduhan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tradisinya

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuduhan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : O.K. taka pa. Biasanya hanya hantu kenal hantu. Jadi dia tahu dia nak sokong siapa. Jadi ini banyak, banyak watak-watak.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Puan Speaker minta beri penjelasan:

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tak apa saya nak tamatkan, saya nak habiskan pukul satu. Minta maaf nanti tanya kawan-kawan yang lain. Makna banyak watak-watak hantu yang diwujudkan bagi menjamin kelangsungan dan kemenangan UMNO dan Barisan Nasional. Sebab itu kita akan teliti secara detail pengundi-pengundi yang dibawa keluar daripada Selangor itu satu. Sistem ini boleh mengesan *the migration of voters* daripada Selangor di bawah keluar, daripada keluar di bawah ke dalam. Kita akan kesan dan kita akan dedahkan. Yang kedua, Kerajaan Negeri juga harus memantau Jabatan Pendaftaran Negara kerana banyak sumber yang sah melapurkan Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan kad-kad pengenalan di luar

waktu pejabat dan di lokasi yang mencurigakan dan dihadiri oleh Ketua-ketua UMNO Cawangan untuk mendaftarkan dan mengeluarkan kad-kad pengenalan kepada pendatang-pendatang asing demi menjamin kelangsungan kuasa politik UMNO. Baru-baru ini berlaku di Sepang, kita akan dedahkan. Lokasinya, Ketua UMNO Cawangannya, Pegawai Jabatan Pendaftaran Negeranya yang hadir untuk mendaftarkan lebih daripada dua ratus pendatang asing mendapatkan kad-kad pengenalan. Kerana apa, kerana rakyat Malaysia tak sokong UMNO. Hanya orang asing sahaja sekarang yang menyokong UMNO dan Barisan Nasional. Pakatan Rakyat menyambut baik pendaftaran pengundi baru di Negeri Selangor seramai 130,97 orang sehingga suku ketiga 2010 yang kebanyakan di kalangan generasi muda. Daripada 130, 97 orang hanya 97 orang yang dilaporkan menyokong UMNO yang 130,000 akan menyokong Pakatan Rakyat. Insya-Allah. Program-program pendemokrasian rakyat yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri telah membantu menyuburkan demokrasi di negeri Selangor melalui penyertaan rakyat Negeri Selangor. Justeru itu Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif untuk bertemu dengan pengundi-pengundi baru melalui pelbagai pendekatan baru termasuk blog, *facebook* dan *twitter* selain daripada program-program lain yang dapat menjalin hubungan kerajaan dengan rakyat. Saya mendapati masih ada EXCO Kerajaan Negeri yang belum ada akaun *twitter* atau *facebook* untuk maksud ini. Percaya lah anak-anak muda hari ini sudah jelek dan jijik dengan laporan fitnah di dalam Utusan Malaysia dan TV3 yang terus memperbodohkan rakyat.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Kerajaan negeri perlu tabah. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar perlu sabar dan teruskan usaha murni menjaga kepentingan rakyat negeri Selangor. Kita boleh menyenaraikan banyak kejayaan yang sudah dicapai oleh pentadbiran Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat dalam tempoh tiga tahun jauh lebih baik daripada UMNO yang memerintah selama lima puluh tahun. Kejayaan Kerajaan Negeri Selangor hari ini ialah pentadbiran dan pengurusan ekonomi melalui tata kelola yang baik atau pun *good governess* dan bertanggung jawab demokrasi dalam pentadbiran juga semakin subur melalui penubuhan SELCAT yang amat ditakuti oleh Sungai Panjang dan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Kita juga telah membentuk jawatankuasa-jawatankuasa yang lain bagi menjamin keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pentadbiran negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sering menganjurkan forum dan dialog terbuka untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat. Pada 21 Mac 2011 Kerajaan Negeri telah berjaya melancarkan ARUS yang melambangkan hasrat kerajaan Negeri untuk pembangunan sosial ekonomi rakyat negeri Selangor. Melalui dasar merakyat ekonomi Selangor, kerajaan negeri telah mengembalikan sejumlah 700 juta ringgit terus kepada rakyat dalam tempoh tiga tahun melalui pelbagai program kebajikan tanpa membina sebarang mahligai untuk mana-mana pemimpin dalam Pakatan Rakyat. Alhamdulillah Negeri Selangor tidak muflis. Negeri Selangor tidak bankrap malahan pendapatan Kerajaan Negeri pada tahun ini terus meningkat kepada 1.6 bilion ringgit. Saya percaya insya-Allah kita mohon pertolongan daripada Allah SWT dengan program-program ini negeri Selangor akan kekal dengan Pakatan Rakyat dalam pilihanraya akan datang.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat samada di negeri Kelantan, Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Selangor Insya-Allah dua minggu lagi di negeri Serawak dan kemudian sampai ke Putrajaya adalah gerakan dakwah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat tentang hak-hak mereka sebagai rakyat yang bermaruah.

Kita juga telah membentuk jawatan-jawatankuasa yang lain bagi menjamin keupayaan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pentadbiran Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sering menganjurkan forum dan dialog terbuka

untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat. Pada 21 Mac 2011 Kerajaan Negeri telah berjaya melancarkan ARUS yang melambangkan hasrat kerajaan Negeri untuk pembangunan sosial ekonomi rakyat negeri Selangor. Melalui dasar merakyat ekonomi Selangor, kerajaan negeri telah mengembalikan sejumlah 700 juta ringgit terus kepada rakyat dalam tempoh tiga tahun melalui pelbagai program kebajikan tanpa membina sebarang mahligai untuk mana-mana pemimpin dalam Pakatan Rakyat. Alhamdulillah Negeri Selangor tidak mufliis. Negeri Selangor tidak bankrap malahan pendapatan Kerajaan Negeri pada tahun ini terus meningkat kepada 1.6 bilion ringgit. Saya percaya Insya-Allah kita mohon pertolongan daripada Allah SWT dengan program-program ini negeri Selangor akan kekal dengan Pakatan Rakyat dalam pilihanraya akan datang.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat samada di negeri Kelantan, Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Selangor insya-Allah dua minggu lagi di negeri Serawak dan kemudian sampai ke Putrajaya adalah gerakan dakwah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat tentang hak-hak mereka sebagai rakyat yang bermaruah. Politik hanya merupakan satu jujuk daripadanya. Sebab itu jangan menggunakan politik untuk mencerca, memaki hamun dan melemparkan fitnah yang menjadi dasar UMNO pada hari ini. Dalam pertarungan ini ada hambatan, ada kekangan dan serangan yang harus kita hadapi dengan cekat dan berani namun cabaran kita kepada rakyat adalah usaha-usaha yang berterusan untuk mengangkat martabat bangsa melalui tradisi keilmuan dan mempertahankan nilai-nilai yang murni dengan harapan itu saya doakan agar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan seluruh saf kepimpinan EXCO Kerajaan Negeri, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri, Dato' Pegawai Undang-Undang Negeri dan seluruh kepimpinan diberikan kekuatan untuk bersama-sama menghayati titah Tuanku membangunkan negeri Selangor yang kita cinta ini. Dengan kata-kata itu saya ingin mohon mencadangkan usul berkenaan. Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Ahli-ahli Yang Berhormat jam telah menunjukkan pukul 1.01 minit dengan itu saya menangguhkan dahulu dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.01 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan Kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera dan salam reformasi. Dalam Dewan yang mulia ini Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada Persidangan Pembukaan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Ke Dua Belas ini. Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari semalam yang menyeru kepada semua pihak agar menumpukan sepenuh perhatian kepada pembangunan Negeri Selangor dan semua Ahli-Ahli Dewan Negeri bukan sahaja wajib hadir pada setiap persidangan, malah harus turut mengambil bahagian perbahasan yang membawa kepentingan suara rakyat terutamanya suara dari peringkat akar umbi untuk diperbincangkan demi untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberi oleh rakyat. Justeru itu, sebagai Wakil Rakyat sama ada dari Kerajaan ataupun pembangkang, marilah kita ketepikan sebarang kepentingan peribadi dan juga kepentingan parti. Ayuh, sama-sama kita menggembelngkan tenaga untuk membangunkan negara, Negeri Selangor tanah air ku yang tercinta ini demi kepentingan dan kesejahteraan generasi kita akan datang.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Saya ingin mengambil kesempatan yang ada ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar Pakatan Rakyat bersama barisan EXCO dan seluruh jentera pentadbiran Negeri kerana telah berjaya menempuh cabaran getir dan ujian demi ujian sepanjang tiga tahun pentadbiran di bawah Kerajaan rakyat oleh Pakatan Rakyat. Suka duka, nikmat dan lazatnya perjuangan untuk mengangkat martabat rakyat Negeri Selangor telah berjaya kita harungi bersama. Sokongan dan dokongan rakyat Negeri Selangor yang telah berani buat pertama kalinya dalam sejarah tanah air bangkit menuntut perubahan dan mendukung agenda reformasi yang dibawa oleh Pakatan Rakyat. Sesungguhnya menurut kajian dan *servey* yang dijalankan oleh Medical Centre baru-baru ini lebih dari 65% rakyat Selangor yakin dengan hala tuju dan masa depan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Maknanya, dasar-dasar yang Kerajaan Negeri laksanakan selama ini memang berada di landasan yang betul. Di samping itu Kerajaan Negeri tetap komited dengan dasar dan agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) melalui program seperti Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, hadiah anak masuk universiti dan sebagainya yang telah berjaya dipraktikkan sejak tiga tahun yang lalu. Walaupun sebelum ini kita sering disindir, dipandang remeh kononnya tiada pengalaman dalam mengurus tadbir sebuah negeri maju iaitu Selangor. Malah apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita melaksanakan program pemberian air percuma 20 meter padu masih segar dalam ingatan kita bahawa kita dituduh akan bankrap dalam masa setahun. Syukur Alhamdulillah. Sehingga kini genap tiga tahun, rakyat Selangor terus menikmati program pemberian air percuma, 20 meter padu tanpa menghadapi sebarang masalah kewangan walaupun rundingan dan tawaran penstrukturan semula bekalan air masih terbantut angkara unsur-unsur sabotaj yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan secara terang-terang cuba menyebelahi dan mempertahankan kepentingan syarikat kroni konsesi iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. Tanpa mempedulikan hak rakyat Negeri Selangor. Sehingga kini, setiap bulan Kerajaan Negeri memperuntukkan RM11.5 juta untuk pembelian subsidi air kepada rakyat Negeri

Selangor. Dengan itu ternyata dakwaan kononnya Negeri Selangor akan bankrap, bankrap dengan izin. Bankrap, muflis dengan izin ya, tidak berlaku sebaliknya bantuan air percuma ini telah berjaya diperluaskan melalui pembelian kupon-kupon kepada penghuni flat dan pangsapuri. Dengan itu jumlah keseluruhan peruntukan tahunan sudah pasti melebihi RM150 juta setahun. Tolong bayangkan. Sebagai contoh, negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional iaitu negeri di sebelah utara, Perlis Indera Kayangan. Bajet tahunan, bajet perbelanjaan mengurus dan pembangunan setahun *piro?* Berapa? Lebih kurang RM160 juta, lebih kurang. Lebih kurang. Tapi di Selangor bertuahnya kita satu skim yang kita bagi pemberian air percuma pun setahun sudah mencecah RM150 juta. Ini dia berkat berada di Negeri Selangor Darul Ehsan. Sehubungan itu, fakta-fakta pencapaian cemerlang melalui berbagai usaha pembaharuan dalam sistem pentadbiran semakin hari semakin membuka mata rakyat. Usaha-usaha menerapkan nilai-nilai murni dan prinsip keupayaan, ketelusan dan juga kebertanggungjawaban telah membuahkan hasil dan keyakinan secara langsung terhadap pelabur-pelabur di mana mereka menaruh harapan dengan suasana dan iklim peluang pelaburan yang ada di Negeri Selangor. Buktinya, jumlah pelaburan domestik dan asing yang diperolehi oleh Negeri Selangor telah meningkat pada tahun 2010 di mana kita Selangor berada di kedudukan nombor *two*, nombor dua iaitu dengan sejumlah RM10.64 bilion di belakang Negeri Pakatan Rakyat, iaitu Pulau Pinang yang memperoleh jumlah pelaburan sebanyak RM12.23 bilion. Sebanyak 27,865 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan bagi menampung permintaan bukan sahaja dari rakyat Negeri Selangor tetapi ramai rakyat negeri lain telah berpusu-pusu berhijrah ke Negeri Selangor bagi merebut peluang pekerjaan yang sedia ada. Tidak keberatanlah boleh kita sifatkan Negeri Selangor ini lubuk emas umpama syurga pekerjaan. Banyak pekerjaan yang disediakan untuk bukan rakyat Negeri Selangor tapi ramai rakyat negeri lain cukup suka datang ke Negeri Selangor.

Puan Timbalan Speaker,

Pada masa yang sama saya juga mendapati amalan-amalan yang sering dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu banyak menjurus kepada pembaziran dan pemborosan. Rasuah, penyelewengan dan kepincangan sama ada dalam aspek pengurusan dan pembangunan seperti apa yang sering saya bangkitkan dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini, iaitu projek pembaziran ala gajah putih ciptaan Yang Berhormat Sungai Panjang. Walaupun dia tak datang tapi kita tetap rindu dengan Yang Berhormat Sungai Panjang. Kalau tanpa Sungai Panjang dari pihak mewakili pembangkang ini cukup lesu, cukup lesu. Penggantinya Seri Serdang 30% pun tak sampai pencapaian KPI Sungai Panjang.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Projek gajah putih ciptaan Sungai Panjang ini walaupun saya pernah sifatkan Sungai Panjang ini raja kepada projek gajah putih tapi kita telah di bawah Pakatan Rakyat dalam tiga tahun kita berjaya cegah dan berhentikan projek gajah putih ini. Faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan tersebut selain daripada ketegasan dan pendirian kukuh Kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar yang patuh kepada amanah dan juga tanggungjawab yang diberikan kepada rakyat serta mendukung prinsip ketelusan dan seterusnya diperkuatkan dengan wujudnya beberapa jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas Dewan khususnya Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan mengenai kecekapan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT dan juga jawatankuasa lain seperti Jawatankuasa Pilihan khas Pejabat Daerah dan Tanah. Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai PBT. Jawatankuasa Pilihan Khas ABAS iaitu anak-anak syarikat. Peranan utama kesemua jawatan tersebut adalah untuk membantu pihak Kerajaan Negeri memantau selia dan sekali gus memberi cadangan dan syor-syor penambah baik terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti untuk memantapkan dan memperkasakan pentadbiran serta pengurusan Kerajaan Negeri.

Kita sedia maklum bahawa melalui beberapa sesi pendengaran awam *public hearing* yang dikendalikan oleh SELCAT telah berjaya menarik perhatian rakyat Selangor dan rakyat Malaysia dan membongkarkan berbagai kelemahan dan kepincangan serta salah guna kuasa yang dilakukan oleh kakitangan Kerajaan, Jabatan-jabatan dan Agensi Kerajaan, anak syarikat serta individu termasuk pemimpin-pemimpin politik sekalipun.

Puan Timbalan Speaker,

Sempena sambutan tiga tahun pentadbiran Pakatan Rakyat, Negeri Selangor telah menjadi lebih bermakna dan bersejarah apabila satu berita yang sangat menggembirakan kita semua selaku Ahli Dewan Negeri Selangor di mana pada tanggal 21hb. Mac yang lalu, Dewan Negeri Selangor telah berjaya mendapat perakuan mahkamah bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu SELCAT merupakan jawatankuasa yang sah mengikut undang-undang di samping itu Mahkamah Shah Alam dalam keputusan penghakimannya juga bersetuju bahawa keputusan yang dibuat oleh Dewan Negeri Selangor dilindungi oleh Perkara 72 dan Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, saman yang dikemukakan oleh 3 Ahli Dewan Negeri dari pihak pembangkang iaitu Yang Berhormat Sungai Air Tawar, airnya cukup tawar, Yang Berhormat Morib dan juga Yang Berhormat Kuala Kubu, Kuala Kubu ya telah ditolak oleh Mahkamah. Pada masa yang sama Mahkamah telah mengesahkan enakmen penghinaan Dewan 2009 yang diluluskan oleh Dewan Negeri adalah undang-undang yang sah tanpa sebarang pertikaian. Justeru itu sesiapa yang dipanggil oleh Jawatankuasa SELCAT untuk tampil sebagai saksi sekiranya ingkar atau sengaja tidak mahu hadir dengan seribu satu macam alasan, maka bolehlah dikenakan tindakan dan didakwa di bawah peruntukan enakmen, Enakmen Penghinaan Dewan 2009 jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara untuk tempoh yang boleh dilanjutkan kepada 12 bulan ataupun dengan hukuman denda tidak lebih dari RM5,000.00 atau kedua-duanya sekali. Dalam konteks ini jangan kita lupa isteri Mantan Menteri Besar, Yang Berhormat Sungai Panjang iaitu Puan Siti Zaharah Kechik telah didapati gagal *orak teko*, tak datang ya dengan izin menjadi saksi sewaktu dipanggil oleh Jawatankuasa SELCAT. Oleh yang demikian, saya mendesak pihak Peguam Negara agar dapat menjalankan tugasnya dengan secara profesional dan tidak pilih kasih ataupun *double standard* memandangkan laporan polis telah dibuat oleh Setiausaha Dewan pada 4hb. Mei, 2009 di Balai Polis Seksyen 11, Shah Alam. Jika dikira laporan polis tersebut sampai hari ini, tempoh masa sudah sampai 1 tahun 10 bulan. Persoalannya hendak tunggu apa lagi? Hendak tunggu apa lagi? Sedangkan undang-undang Enakmen Penghinaan Dewan sudah diperakukan oleh mahkamah. Jikalau perkara yang sama berlaku di negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional di mana ada Ahli Dewan Negeri ataupun isterinya dari Pakatan Rakyat yang tidak hadir atau ingkar

YB TUAN WONG KOON MUN : Puan Speaker, Puan Speaker. Boleh minta celah sikit?

YB TUAN NG SUEE LIM : Ha, Kuala Kubu dia bawa saman tadi. Itu sebab kena tolak tadi ye? Boleh, boleh.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan Kuala Kubu.

YB TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih kepada Puan Speaker. Seperti mana dikatakan oleh Sekinchan bahawa SELCAT adalah satu ahli jawatankuasa yang begitu sempurna yang begitu *perfect* dan begitu tulus dan lulus. Bagaimana isu pencurian pasir daripada Kumpulan Semesta sampai hari ini masih tidak di selesai? Tidak ada keputusan? Yang sehingga apabila kita cadangkan soalan-soalan pertanyaan tidak boleh di bincang

ataupun perkara ini tidak boleh di bahas dalam Dewan. Saya hendak tanya bagaimana kalau katakan kecekapan bagaimana keputusan isu kecurian pasir?

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Kubu yang mana saman beliau sudah ditolak. Saya kena mengaku di sini Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, tiada undang-undang mana satu pun undang-undang di dunia ciptaan manusia ini sempurna melainkan undang-undang Tuhan. Ini yang saya faham, ini yang saya faham. Tapi kalau Kuala Kubu dia tak faham sebab dia sesat dalam kumpulan jahil. Ha, ini yang saya faham.

YB TUAN WONG KOON MUN : Tadi cakapan awak seolah-olah SELCAT begitu sempurna.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tidak, saya kata dia sudah diperakukan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Tapi awak tulis.

YB TUAN NG SUEE LIM : Kalau Kuala Kubu salah faham, tak reti bahasa, tak ngomong jowo. Goblok kena orak reti dengan izin.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, 36(6) Puan Speaker. Sangkaan jahat. Saya minta sahabat saya itu tarik balik. Tak boleh panggil goblok ya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ok, saya, saya tarik balik sendirilah ya. Itu perkataan yang tidak digunakan untuk Kuala Kubulah sebab dia agak jahil kita tak pakai perkataan itu. Saya tarik balik.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Maknanya SELCAT ini sudah diperakukan oleh mahkamah. Mahkamah dah *justified*. Maknanya kita kena setuju. Oleh yang demikian, kalau perkara yang sama tadi saya bandingkan. Kalau berlaku di Negeri Kerajaan Pakatan Rakyat di mana ADUN nya di kalangan Barisan Nasional seperti di Pahang ke contohnya, contohnya di Melaka ke, Negeri Hang Tuah kononnya. Ada ADUN daripada Pakatan Rakyat yang tidak hadir apabila dipanggil oleh satu jawatankuasa seperti SELCAT ini di Melaka. Percaya tak kalau laporan polis sudah dibuat, malam itu bersama rumah sekali ditangkap masuk lokap ataupun ditahan. Malam itu bukan sahaja orangnya, bersama rumah sekali ditangkap masuk lokap ataupun ditahan. Malam itu bukan sahaja orangnya bersama rumahnya akan dibawa. Itulah keadaan yang berlaku di Malaysia. Zaman apa, zaman edan namanya.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Maka dengan itu saya mintalah pihak Peguam Negara, cukuplah tunjukkan kecekapan kamu kepada rakyat seluruh Malaysia. Jangan pilih kasih. Jangan *double standard*. Dan jangan pada masa yang sama saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyahut apa yang diserukan yang diminta oleh Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa, ketua kita dalam sidang Dewan ini ketua BBC kita di mana pihak polis juga harus berlaku profesional dalam konteks memberi ceramah, permit ceramah di Negeri Selangor ini. Saya difahamkan kami ini Pakatan Rakyat daripada PAS, DAP, PKR merupakan parti yang sah. Bukan sah lagi parti didaftar, bukan komunis tetapi ceramah, permit-permit ceramah yang kita minta sering kali diganggu dan dibatalkan pada saat-saat akhir dan lebih malang lagi permit ceramah tidak diberikan kepada Pakatan Rakyat terutamanya di kawasan terbuka. Kawasan persendirian terbuka pun tidak diberikan. Hanya boleh masuk ke dalam dewan. Sedangkan di Perak, negeri lanun yang saya

sifatkan kerana krisis rampasan kuasa secara lanun yang diketuai oleh ketua lanun Malaysia kita, satu Malaysia satu lanun. Tempoh hari kita masih ingat segar dalam ingatan kita siapa lakukan kerja itu Tuhan akan balas bala itu pada akhirat nanti. Dan saya nampak di sini di mana polis di Perak boleh bagi ceramah terbuka. Di Johor, Darul UMNO pun sekali pun. Itu dulu.

YB TUAN YAP EE WAH : Puan Timbalan Speaker.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tetapi sementara waktu sahaja.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek ingin mencelah.

YB TUAN NG SUEE LIM : Sungai Pelek?

YB TUAN YAP EE WAH : Saya hendak tanya. Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Terima kasih Sekinchan. Tadi Sekinchan sebut Pakatan Rakyat adalah sebuah parti yang sah. Dah 3 tahun dekat Negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan. Tetapi sehingga hari ini tak ada satu logo yang keluar di atas Pakatan Rakyat untuk daftar dan bertanding pada Pilihan Raya 13 yang akan datang. Di sebaliknya, sebaliknya Barisan Nasional adalah satu parti politik yang sah yang didaftar di bawah dacing. So, inilah menandakan apa yang dicakap oleh Sekinchan tak sama apa yang sebenarnya. Ini yang saya hendak cakap. Parti Pakatan Rakyat tidak sah. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Sekinchan sekejap.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya, saya beri balas kepada Yang Berhormat Sungai Pelek daripada MCA ini. Pakatan Rakyat tidak sah punca dia satu sahaja. Kerana ketidakadilan dan kezaliman yang dilakukan oleh Barisan Nasional. Dan seterusnya saya bagi laluan ya. Ada permintaan daripada Bukit Antarabangsa untuk jawab.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Ia, Bukit Antarabangsa minta untuk mencelah ya?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ha, mencelah. Terima kasih Sekinchan. Saya hendak, hendak mencelah sedikit dan respons kepada Sungai Pelek. Nak berbahas dalam Dewan ini kena ada fakta. Tuanku telah bertitah masuk bahas berdasarkan kepentingan rakyat dan kepentingan negeri. Jadi fakta itu kena betul. Pakatan Rakyat dah kemukakan untuk mendaftar

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti, nanti, nanti dulu.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Boleh saya

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Belum habis lagi. Sabar dulu. Pakatan Rakyat ini faktanya. Kita dah kemukakan untuk permohonan didaftarkan sebagai sebuah parti. Dah 2 tahun, ROS tak luluskan. *So don't blame us. You blame your Federal Government.* Nanti belum habis.

YB TUAN YAP EE WAH : Tak apa saya berdiri, saya berdiri.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tak boleh berdiri. Ikut peraturan tak boleh, kena duduk. Dahlah tak faham, undang-undang pun tak reti, duduk.

YB TUAN YAP EE WAH : Puan Timbalan Speaker punya kuasa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tapi saya ikut peraturan, duduk. Saya belum habis.

YB TUAN YAP EE WAH : Bukan kuasa daripada Bukit Antarabangsa.

YB PUAN SPEAKER : Kalau dah kata saya diberi kuasa, jadi saya minta Sungai Pelek duduk ya. Ha, terima kasih, duduk.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : 2 tahun kita kemukakan permohonan tidak diluluskan. Tetapi parti kitar, bukan kita ni, kitar. Parti kitar yang di kitar semula ini *submit* seminggu, lulus. Ini menunjukkan kezaliman yang luar biasa pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Jadi jangan salahkan kita. Kita dah kemukakan dua tahun tidak diluluskan. Tetapi mana-mana individu yang lompat, yang cerca kita dalam tempoh seminggu boleh diluluskan. Di mana keadilan yang hendak ditegakkan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan hendak beri laluan kepada Sungai Pelek?

YB TUAN NG SUEE LIM : Dah cukup dah jawab dah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Hendak teruskan?

YB TUAN NG SUEE LIM : Kawan saya dah bantu daripada terima kasih kepada Bukit Antarabangsa kerana telah memperincikan

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker, minta laluan

YB TUAN NG SUEE LIM : dan memperkuatkan hujah tadi.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker minta laluan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh Taman Templer, alamak ini yang ada bakal calon untuk Ketua Pembangkang. Ok, kita bagi.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker, terima kasih Sekinchan. Saya hanya hendak bertanyalah kepada YB Sekinchan. Saya amat setuju dengan pandangan beliau dan pandangan YB Bukit Antarabangsa tetapi bukankah Tuanku Sultan kelmarin memaklumkan bahawa kita sebagai Ahli Dewan di mana saya tengok permulaan YB Sekinchan ini cukup cantik. Memang saya pun rasa terpanggilah bukan terpanggil masuk belah sana tetapi terpanggil dengan seruan beliau untuk membincang perkara-perkara yang membawa manfaat kepada rakyat. Tapi tak sampai dua minit dia dah pusing dah. Dia memang kerja dia tiga tahun hentam sahaja. Saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan, mencela. Kita sekarang ini dah bukan Kerajaan Negeri, betul tetapi sekarang ini apabila Pakatan dah jadi Kerajaan Negeri makan bincanglah perkara-perkara dalam masa yang singkat. Bukan lama sangat, seminggu dua minggu aje bincang perkara-perkara yang boleh memanfaatkan rakyat maka dah jadi negeri, Kerajaan Negeri bincanglah perkara yang baik. Jadi maka saya berharaplah pertanyaan saya boleh tak YB kalau boleh tumpukan kepada perkara-perkara yang boleh membawa manfaat dan saya pun selalu kempen bukan tak kempen. Selalu kempen untuk YB Sekinchan jadi EXCO tapi Menteri Besar tak dengar-dengar juga ya. Jadi kalau

macam inilah perangai YB Sekinchan mungkin saya pun tarik baliklah. Tapi tak apa saya beri peluang sekali lagi.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih rakan saya daripada Templer. Walaupun kita berlain kiblat tapi kita banyak persamaanlah. Saya ambil maklum apa yang diseru oleh Taman Templer tapi kadang-kadang inilah kadang-kadang dalam Dewan ini ada sedikit gangguan daripada teman itu karang kita kena layanlah ye. Kalau tidak mereka tidak seronok pula dia tak ada jawapan untuk mereka, tidak memenuhi jawapan mereka. Seterusnya. Oleh itu sekali lagi saya ingin memberi pujian dan kredit kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana dorongan dan sokongan beliau dan juga gigih, usaha gigih yang dilakukan oleh Yang Berhormat Dato' Speaker telah berjaya membawa agenda pembaharuan dan *reform* untuk memperkasakan peranan institusi Dewan Negeri Selangor sebagai Dewan nombor *one* di Malaysia dan setaraf dengan Dewan-Dewan di Negara-dewan Commonwealth. Malah taraf Dewan kita lebih tinggi, lebih *powerful* daripada Parlimen. Itu yang saya nampak.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker,

Ada orang sakit hati. Ini realiti dan hakikat yang tidak boleh disanggah. Kita hendak sanggah dengan hujah. Ialah, realiti. Tapi apa nak buat. Memang, memang, memang begitulah. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menaikkan elaun Guru-guru KAFA sebanyak RM300.00 kepada seramai 3,935 orang Guru-guru KAFA yang mengajar di Sekolah Rendah Agama di seluruh Negeri Selangor dengan tambahan RM300.00. Ini menjadikan elaun bulanan mereka adalah RM1,300.00. Maknanya pertambahan kali ini merupakan yang kedua dalam tempoh 3 tahun. Sebelum ini lebih kurang RM500.00, kita tambah lagi RM500.00 sebelum Kerajaan baru kita naik, kita tambah. Sebab kita naik kita tambah dan ini kedua kita tambah RM300.00. Jadi RM1,300.00. Pertambahan 30% ini bukan sahaja menunjukkan kepedulian Kerajaan Negeri kepada semua tenaga pengajar yang bekerja dan berkhidmat dengan gigih tetapi ia juga adalah untuk, untuk mengurangkan bebanan harga barangan dan juga kos saraan hidup yang semakin tinggi. Mana mungkin, mana mungkin Guru-guru KAFA dapat meningkatkan kualiti kerja mereka sekiranya masalah asas iaitu kos kehidupan harian enggak bisa diselesaikan. Mutakhir ini rakyat semakin yakin dan menaruh harapan terhadap keupayaan pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat sama ada di Negeri Selangor, Pulau Pinang, Kedah mahupun di Kelantan. Rumusan tawaran Pakatan Rakyat melalui buku jingga. Ini buku jingga. Suatu ketika dulu kata buku merah ya. Buku jingga yang merangkumi pembaharuan dalam aspek ekonomi, politik dan juga sosial merupakan asas alternatif, ekonomi alternatif segala janji dan tawaran kita yakin memang bisa direalisasikan oleh Pakatan Rakyat apabila rakyat memberi mandat kepada kita, pada Pilihan Raya Umum 13 yang akan datang.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Pelek hendak mencelah lagi.

YB TUAN NG SUEE LIM : Hendak mencelah lagi? Bagilah tak apa.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Sekinchan, terima kasih Puan Speaker. Apa yang disebutkan 4 negeri di bawah Pakatan Rakyat ini memang semakin mendapatkan sokongan daripada rakyat jelata. Saya ada satu pertanyaan. Setuju tak Sekinchan apa yang dilakukan dekat Kelantan tak boleh jual loteri dekat kedai-kedai itu apa "*stand*"... apakah "*stand*" DAP, apakah "*stand*" PKR di negeri yang lain sedangkan saya baca surat khabar Karpal Singh cakap tak betul, Kelantan Nik Aziz tak betul, Lim Kit Siang cakap tak betul, Anwar Ibrahim cakap tak betul. So saya hairanlah. Macam mana persefahaman di antara tiga parti. Jadi saya tak tahu. Mungkin di Negeri Selangor akan dilakukan. Saya tak tahu. Ok, terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih YB,Sg. Pelek yang cukup prihatin terhadap loteri ini, terhadap judi ini sebab judi dengan mereka bagaikan apo.... darah dengan daging. Saya nak bagi penjelasan soalan tadi kalau tidak dijawab takut nanti pula tak puas hati. Soal dengan ada percanggahan pendapat itu perkara biasa tapi itu telah diperbesarkan telah di gempur gempurkan oleh surat khabar khususnya surat khabar Utusan Melaya dan media media arus perdana TV3 dan sebagainya yang di kawal oleh Barisan Nasional memang saya akur memang saya setuju ada sedikit percanggahan. Ini biasa masalah rumah tangga. Suami isteri kadang-kadang bergaduh pagi malam dah baik. Ini perkara rumah tangga, biasalah. Jadi masalah loteri ini, saya nak bagi tau satu, penjelasan YB Sg. Pelek ini, loteri ini, saya sendiri bagi pihak saya, saya di Sekinchan ini saya tak setuju loteri, kalau loteri kebajikan saya setuju. Kebajikan untuk nak cari dana nak tolong orang susah, orang sakit, orang sakit kritikal dan sebagainya, saya setuju. Tetapi kalau loteri semata-mata untuk dapatkan fulus untuk perkayakan tauke-tauke besar kalau loteri macam itu saya rasa tak perlulah. Itu pandangan saya, pandangan saya. Tapi kalau Sg. Pelek nak perjuangkan loteri sebab judi dah sinonim dengan Sg. Pelek, saya pun tak bantahlah. Ha ni yang saya nak tegaskan di sini.

YB TUAN YAP EE WAH : Saya tidak menggalakkan okey, saya cuma tanya pendapat pada Sekinchan, apa pendapat dia. Saya tidak menegaskan di sini tadi, saya menegaskan bahawa saya tidak menggalakkan judi. *Sorry, thanks.*

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasihlah Sg. Pelek. Walaupun dia daripada MCA tapi dia juga tidak menggalakkan. Maknanya dia setuju dengan pandangan saya jugalah. Cuma dia nak mainkan isu saja demi kepentingan politik sajalah.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya nak bertanya dengan Sekinchan adakah YB Sekinchan bersetuju dengan saya bahawa perbezaan pendapat ini dalam Pakatan Rakyat adalah satu perkara biasa. Dan apa yang berbeza di antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional ialah di Pakatan Rakyat kita mengutamakan kemufakatan. Ketiga-tiga parti itu adalah mempunyai status atau kedudukan yang sama. Kalau di Barisan Nasional speaker YB Sekinchan bahawa yang menjadi ketua yang membuat keputusan ialah UMNO, tak lain tak bukan UMNO sahaja. Seperti apa yang dilakukan atau apa yang dilemparkan terhadap Presiden MCA. Apabila Presiden MCA kata sikit saja UMNO akan hentam dan minta MCA tarik balik. Dan lihat apa yang jadi pada MCA pada masa sekarang. Adakah YB bersetuju dengan saya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kg. Tunku. Saya cukup bersetuju bukan seratus peratus saya bersetuju tetapi 101% saya setuju YB Puan Timbalan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta sedikit tambahan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ada lagi tambahan? Ada lagi tambahan.

YB TUAN LAU WENG SAN : YB Sekinchan, maklum atau tidak bahawa keputusan kerajaan Negeri Kelantan ini akan dinilai kembali dan ini adalah apa yang diadakan oleh Menteri Besar Negeri Kelantan. Adakah YB Sekinchan cukup tahu bahawa di Negeri Selangor ini Presiden PAS atau Exco Kerajaan Negeri juga telah mengatakan bahawa pelaksanaan ini mungkin tidak sesuai di Selangor kerana penduduk di Negeri Selangor adalah berbilang kaum. Adakah YB Sekinchan tahu tentang perkara ini. Kalau tahu maka saya rasa ini telah menunjukkan perbezaan antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional dan perbezaan antara DAP dengan MCA.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya terima kasih Kg. Tunku. Memang kita dalam konteks ini perbincangan tentang soal loteri dan judi ini Pakatan Rakyat, pendirian Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional jauh berbeza, jauh berbeza rakyat tak faham bagaimana kita tolak judi bola dan sebagainya kita tolak judi bola tapi orang lulus judi bola walaupun Islam, ini peliknya. Islam bagi sains. Saya bukan Islam, saya nak minta jawab orang-orang daripada Barisan Nasional, tolong jawab orang-orang Islam. Saya bukan Islam, saya tak sokong judi tapi yang Islam saya tahu, mereka ni sains. Sains lulus judi bola. Berani kalau saya ditartibkan oleh YB Meru dia kata berat kena jawab di akhirat. Ini tak apalah, biar itu perkara lalulah. Tapi bagi soal MCA dengan dalam perkongsian kuasa MCA dalam Barisan Nasional ini kian hari kian malang. Kian hari kian malang sebab apa.....Nanti dulu.... saya bagi sedikit nasihat dulu, sedikit petunjuk dulu. Baru-baru ini saya baca surat khabar, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri siapa dia.... Nazri...Dato Nazri dia kata MCA tidak mewakili Cina, satu. Kedua, MCA bagaikan isteri yang dizalimi tetapi malu nak minta cerai. Masya-Allah.... ada perkara macam itu.... aa...dengan izin...tapi dia minta pergi...taka pa....

YBTUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang. Saya nak jawab pada Sekinchan. Ini ada percanggahan antara MCA dengan UMNO, ini ada masalah induk. Kita boleh selesai dengan "*smile*". Tetapi ini isu loteri adalah isu kepentingan rakyat. Ha..itu kena tahu. Pada pandangan saya satu kerajaan bawah Pakatan Rakyat dia boleh dua polisi. Satu polisi di Kelantan bahawa judi diharamkan. Kalau satu polisi di Selangor, di Selangor lain. Saya nak tanya kalau untuk seorang lelaki dia ada tenaga yang luar biasa bolehkah dia pergi cari pelacuran.... kerana dia ada tenaga luar biasa, bolehkah dia pergi cari pelacuran. Itu polisi yang bercanggah. "*Double standard policy*". Maka saya harap sebagai satu kerajaan, kena ada satu polisi yang jelas supaya rakyat selesa. Samada penjualan loteri boleh dibenarkan Kelantan atau tidak. Itu sebab rakyat tidak akan pilih Pakatan Rakyat kerana tiada satu polisi, satu tuju hala yang jelas maka di *election*.....(tidak jelas) kalah teruk. Itu satu amaran bukan syok sendiri, itu satu amaran. Sekian, terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH : Puan Speaker, saya nak jelaskan apa yang Sekinchan kata sebentar tadi YB Nazri. Kenyataan itu dikeluarkan di atas diri sendiri dan tidak menunjukkan itu daripada Barisan Nasional, keputusan Barisan Nasional. Keputusan dia sendiri. Bukan daripada Barisan Nasional. So, jangan silap. Jangan sebut macam tu. Saya tak setuju dengan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih YB Sg. Pelek. Tapi dalam *interview* tersebut kalau Bahasa Cina saya mungkin saya perlu minta pertolongan daripada Kg . Tunku. Dia tak ada sebut "ini pandangan peribadi saya"....tak ada...dia mewakili atas kapasiti sebagai Y. B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan rakan Komponen Barisan Nasional kecuali Dato' Nazri ini adalah ahli kita ... kita yang kita tu...lain cerita.

YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Puan Speaker.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia minta laluan.....

YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Sekinchan saya cuma ingin mencelah. Saya rasa kita tak patut hiraukan rakan-rakan MCA kita yang *obsess* dengan loteri di Kelantan sebab kita bertitah di Dewan Negeri Selangor.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih YB Seri Setia, saya rasa cukuplah untuk soal loteri sebab MCA nak perjuangankan loteri kononnya kepentingan rakyat saya yakin dan percaya tidak kira Melayu, Cina.....

YB TUAN YAP EE WAH : Saya ... saya nak Sekinchan tarik balik "MCA memperjuangkan loteri. Saya...saya ... tak...

YB TUAN NG SUEE LIM : Sebentar tadiSg.Pelek dan Sekinchan bertegang leher.....Puan Speaker: Sg. Pelek, sebelum ini saya bagi peluang untuk awak bercakap, tetapi sekarang awak sudah tidak menghiraukan peraturan. Kalau nak bercakap minta kebenaran daripada Sekinchan. Sekarang ni dia tak bagi awak bercakap, awak kena duduk. Sambung semula Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin nyatakan di sini tidak kira rakyat di negeri mana sama ada Melayu , Cina, India, Kadazan , Iban, Dusun, semua sekalipun, rakyat Malaysia, mereka tidak menganggapkan hak loteri ini kepentingan rakyat, tidak. Ini pada sikap setengah individu yang suka judi itu saja. Itu tabiat masing -masing , ini saya nak kena jelaskan di sini dan seterusnya , YB Puan Timbalan Speaker, oleh kerana takut dan khuatir dengan tawaran Buku Jingga dan keupayaan masa depan Pakatan Rakyat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri sudah berulang kali menyindir ... mengkritik kandungan -kandungan dalam Buku Jingga termasuk tawaran menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 setiap bulan untuk menghargai peranan dan sumbangan sebagai pendidik bangsa pada cikgu-cikgu. Menurut mereka sekiranya tawaran ini dilaksanakan , Negara kita akan "bankrap".... bankrap dengan izin. Persoalannya betulkah kita akan bankrap. Saya yakin rakyat sudah mempunyai jawapan di dalam hati mereka. Baru-baru ini di negeri Selangor tadi saya dah tegaskan . Di Negeri Selangor Y.A.B Tan Sri selaku Menteri Besar kita dah bagi kenaikan gaji elaun guru -guru KAFA RM300. Itu negeri . Walaupun kita kewangan tidak begitu besar seperti di peringkat Persekutuan yang telah mendapat kutipan hasil yang tinggi di Negeri Selangor tetapi hanya pulangan 2.9% kepada kita, kita dengan kekangan kewangan yang ada, dengan kewangan yang ada kita mampu bagi 300 kenaikan. Itu pun boleh kita lakukan . Apatah lagi dalam Buku Jingga 500. Kalau kita dituduh akan bankrap tidak mungkin . Bagi saya yang akan membankrapkan negara hanya satu iaitu negara ini terus diperintah oleh Barisan Nasional yang korup, yang tiris yang bocorkan kontrak, rasuah dan sebagainya . Billion-bilion harga ketirisan, kebocoran projek berlaku . Ini menyebabkan Negara akan bankrap . Kalau bagi 500 kepada rakyat Insya-Allah tak bankrap. YB Puan Timbalan Speaker, saya yakin , saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada EXCO jawatankuasa tetap hal ehwal wanita iaitu Y. B. Batu Tiga kerana telah berusaha keras dalam menjayakan satu program yang cukup bermakna iaitu Skim Kesihatan Wanita. Kita sedia maklum wanita merupakan aset penting dan nadi penggerak kepada Negeri Selangor untuk terus maju ke hadapan. Justeru itu fakta memberitahu kita kaum wanita yang berumur 35 tahun ke atas mempunyai risiko tinggi berkemungkinan diserang penyakit kanser payudara ataupun "*breast cancer*" dengan izin . Maka dengan itu kesedaran terhadap implikasi penyakit tersebut mesti diberi penerangan awal, sebaran yang seluas -luasnya demi untuk menyedarkanmenyedarkan kaum wanita supaya mengambil langkah awal sebelum terlambat iaitu mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Memandangkan kos untuk membuat pemeriksaan penyakit ini menerusi kaedah pemeriksaan mammogram adalah amat tinggi manakala bukan semua hospital kerajaan yang ada sekarang ini menyediakan perkhidmatan pemeriksaan tersebut maka Kerajaan Negeri yang amat prihatin terhadap kesihatan wanita di negeri Selangor ini lantas telah mengambil inisiatif melaksanakan skim kesihatan wanita dengan memberi pemeriksaan mammogram secara percuma melalui pendaftaran di semua pusat-pusat khidmat masyarakat dan pejabat Dewan Negeri . Untuk

makluman Dewan Yang Mulia ini, kos pemeriksaan mammogram bagi setiap orang adalah dianggarkan lebih daripada RM150, kita bagi percuma. Setakat ini reaksi, respons yang saya terima daripada masyarakat khususnya kaum ibu, kaum wanita adalah cukup positif dan menggalakkan. Malah mereka amat gembira dan sanjung terhadap langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sehingga ada yang mengatakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat bukan sahaja mesra rakyat tetapi mesra wanita. YB Puan Timbalan Speaker, sasaran Kerajaan Negeri untuk menetapkan kutipan hasil cukai dan urus niaga berkaitan dengan tanah pada tahun ini iaitu sebanyak RM152 juta pasti akan dapat mencapai sasaran tersebut memandangkan ramai di antara Pegawai Daerah dan Tanah kita bersama dengan kaki tangan telah bekerja keras bukan sahaja memberi perkhidmatan yang makin bertambah baik kepada pelanggan, mereka juga berjaya mengembalikan keyakinan rakyat tentang keberkesanan mutu perkhidmatan jalinan hubungan baik di antara jawatankuasa pilihan khas mengenai pejabat Daerah dan tanah (PADAT) dengan semua PTD hubungannya semakin baik. Pemantauan yang kita lakukan dan laporan-laporan yang saya terima telah menunjukkan petanda positif di mana peningkatan kutipan cukai semasa dan tertunggak ini yang kita patut beri pujian. Dan Kerajaan Negeri juga memberi insentif, insentif kepada pegawai-pegawai ataupun Pejabat Daerah dan Tanah yang telah mencapai sasaran dengan ganjaran RM100,000.00. Saya nampak dalam konteks ini 100,000 ni patut juga ditambah agak kurang saya rasa, kena bagi 200,000 tahun inilah, kalau boleh, ataupun tahun hadapan supaya galakan lebih untuk suntikan semangat mereka kutip cukai semasa lebih lagi tinggi dan tunggakan lebih tinggi dan hasil untuk negeri Selangor akan bertambah dan dapat kita laksanakan lebih banyak program kebajikan untuk rakyat. YB Puan Timbalan Speaker, kita sedia maklum bahawa pihak Kerajaan Negeri cukup tegas dalam isu pembalakan seperti yang disebutkan oleh Y.A.B dan Exco pada pagi tadi. Pembalakan secara haram sebelum ini agak berleluasa dan tidak terkawal. Demi untuk memelihara keluasan kawasan hijau dan khazanah hutan supaya generasi kita akan datang dapat hidup dalam suasana persekitaran yang nyaman dan kualiti alam sekitar yang terjamin. Oleh itu Kerajaan Pakatan Rakyat melalui Exco Pertanian dan Exco Alam Sekitar cukup prihatin dan tegas tidak berkompromi terhadap sebarang aktiviti pembalakan. Pembalakan kesemuanya telah diberhentikan dan dibekukan. Dengan kata lain, kerajaan negeri tidak membenarkan sebarang aktiviti pembalakan. Walau bagaimanapun saya dan rakan-rakan dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor iaitu PAC telah berkesempatan turun padang, turun padang dan mengadakan lawatan serta tinjauan di kawasan-kawasan hutan khususnya di hutan Simpan Paya Gambut Raja Musa Kuala Selangor, susulan daripada penemuan Ketua Audit Negara tahun 2008. Setelah lawatan tersebut bersama pihak Audit dan juga Pegawai Perhutanan saya mendapati ada sedikit ruang untuk pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan semula dasar tersebut membekukan semua aktiviti pembalakan memandangkan kaedah yang disebutkan oleh Y.A.B Tan Sri pagi tadi ataupun Exco kita iaitu Sistem Tebangan memilih ataupun *Selective Management System (SMS)* merupakan kaedah penebangan secara sistematik mengikut giliran dan hanya kayu balak yang matang sahaja boleh ditebang. Dengan ini ia selaras dan juga mematuhi serta diiktiraf oleh dunia sebagai satu kaedah pengurusan hutan yang terbaik dan mesra alam. Menurut laporan daripada Jabatan Perhutanan sekiranya pokok yang telah matang tidak ditebang ia akan menjejaskan anak-anak pokok kecil yang lain tumbuh dengan baik kepada saiz pasaran dan seterusnya dapat menjana sebahagian ekonomi negeri dan juga mewujudkan peluang pekerjaan khususnya dalam industri yang berasaskan kayu-kayan. Tujuan saya membangkitkan perkara ini kerana pihak saya telah menerima banyak aduan dari syarikat-syarikat yang sebelum ini diluluskan lesen pembalakan di kawasan hutan paya gambut dan banyak kerja-kerja persediaan awal dan bayaran juga sudah dijelaskan kepada Jabatan Perhutanan Negeri akan tetapi di bawah Kerajaan yang baru telah membekukan operasi mereka tanpa memberi jawapan dan maklum balas kepada syarikat tersebut. Saya difahamkan mereka tak akan mengemukakan saman terhadap kerajaan Negeri. Oleh sebab itu saya sekali lagi menyeru pihak Kerajaan Negeri agar dapat menimbang

semula cadangan dan permintaan tersebut supaya segala pertikaian yang timbul diatasi dengan kaedah “win win situation” ataupun menang-menang. Puan Timbalan Speaker, dalam usaha kita mengemaskini dan menjalankan pengauditan terhadap semua anak-anak syarikat Negeri supaya dapat menghindarkan daripada sebarang unsur salah guna kuasa dan pembaziran izinkan saya membangkitkan tentang bagaimana keadaan dan penyiasatan terkini terhadap beberapa permasalahan yang berlaku bukan sahaja di dalam Yayasan Selangor tetapi juga Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor(PKNS). Pada Sidang Dewan Negeri Selangor yang lepas saya bersama YB dari Hulu Klang telah membangkitkan permasalahan dan mempertikaikan tentang cara PKNS membelanjakan wang menaja program-program yang tidak memberi manfaat kepada pembangunan dan kemajuan PKNS. Contohnya penajaan majlis makan malam bersama Astronaut. Kononnya untuk mempromosikan pelaburan di Science Park. Ini yang saya pertikaikan pada Sidang Dewan yang lepas apa hubung kait Astronaut dengan Science Park dan bila kita nak bina rumah di bulan. Seterusnya walau bagaimanapun suatu perkara yang penting ingin saya bangkitkan tentang satu laporan di Selangor Times, satu laporan di surat khabar Selangor Times RM pada yang bertarikh 31 Disember 2 Januari di mana PKNS akan melaksanakan projek pembangunan sejumlah 14 bilion pada tahun 2011 yang akan datang. Saya juga berasa bangga tentang kemampuan pihak PKNS membuat pembangunan yang berjumlah skala besar demi menjana pertumbuhan ekonomi negeri Selangor. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa PKNS Holdings adalah anak syarikat PKNS di mana Pengerusinya ialah juga iaitu Pengurus Besar Tuan Osman Omar, PKNS Holdings juga akan diberi sepenuh tanggungjawab untuk membangunkan kesemua projek yang bernilai 14 bilion. Buat masa ini dana sebanyak 6 bilion sudah dimasukkan ke dalam PKNS Holdings pada masa yang sama PKNS Holdings sehingga kini masih belum mempunyai Pengurus Besar dan pentadbirannya tidak begitu teratur dan tersusun. Saya difahamkan PKNS Holdings akan menyalurkan projek-projek pembangunannya kepada Worldwide selaku anak syarikat PKNS Holdings. Setelah diperhalusi syarikat Worldwide ini dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan juga Pengarah, Pengarahnya ialah Tuan Osman Omar juga. YB Puan Timbalan Speaker, persoalannya kenapa hanya PKNS Holdings sahaja memonopoli kesemua projek pembangunan yang nilai sebanyak RM14 bilion sedangkan PKNS masih mempunyai banyak lagi anak syarikat lain seperti PECB, Selangor Industry Corporation (SIC), PIB dan lain-lain lagi. Adakah mereka ini tidak mempunyai pengalaman dalam pembangunan dan sebaliknya lebih memeranjatkan saya apakah asas dan munasabahnya PKNS Holdings dapat membolot kesemua projek tersebut. Dalam konteks ini siapakah yang akan memantau pengurusan anak syarikat PKNS Holdings dan juga anak kepada anak syarikat itu iaitu cucu syarikat seperti Worldwide. Memandangkan YAB Tan Sri Dato Menteri Besar begitu sibuk dengan berbagai urusan apakah tidak wujud unsur-unsur “*conflict of interest*” di mana pegawai Kewangan Negeri sebagai ahli lembaga PKNS dan pada masa yang sama juga sebagai Pengerusi Worldwide serta beliau juga adalah Pengerusi kepada Jawatankuasa Kewangan PKNS yang mana semua rancangan pembangunan Pelaburan dan kerjasama *joint venture* mesti diluluskan di jawatankuasa tersebut. Tujuan saya melontarkan kesemua persoalan ini bukan kerana nama tetapi atas dasar tanggungjawab dan amanah kita sebagai Ahli Dewan Negeri dan prihatin terhadap perjalanan dan pengurusan anak syarikat negeri yang berteraskan prinsip ketelusan. Sekiranya laporan audit telah mengesahkan terdapat sesuatu urusan yang bercanggah dengan peraturan PKNS sewajarnya tindakan wajib dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesilapan. Kita tidak mahu dua atau tiga individu sahaja yang berkuasa menentukan projek pembangunan tanpa ada pemantauan yang lebih berkesan dan menyeluruh. YB Puan Timbalan Speaker, satu lagi perkara yang cukup mustahak ingin saya lontarkan untuk makluman Dewan yang mulia ini mutakhir ini hangat diperbincangkan tentang sesuaikah bersedikah Negara kita membina loji jana kuasa nuklear. Ekoran tragedi yang berlaku di Negara Jepun baru-baru ini di mana selepas berlaku gempa bumi dan juga tsunami telah menyebabkan letupan di loji janakuasa nuklear dan sekali gus menyebabkan kebocoran dan

radiasi yang dahsyat. Saya tidak yakin terhadap kepakaran dan keupayaan Negara kita. Bukan kerana tidak patriotik tetapi berdasarkan cara dan pendekatan kerajaan Barisan Nasional mengurus tadbir yang ternyata cukup lemah dan korup. Kita wajar bersyukur kepada Tuhan Yang Maha kuasa kerana sentiasa diberkati dan dihindari dari berbagai musibah dan juga malapetaka seperti gempa bumi, tsunami dan sebagainya. Namun begitu tiada jaminan yang akan kekal abadi. Rakyat sering dikejutkan dengan drama dan peristiwa pelik bin ajaib angkara kelemahan dan kepincangan sistem pengurusan dan pemantauan maka telah berlaku insiden-insiden seperti jambatan yang baru siap MRR2 pun boleh retak, bumbung stadium runtuh bukan kerana gempa bumi, bangunan baru mahkamah Jalan Duta bocor selepas hujan dan juga parlimen bocor selepas hujan justeru itu apakah jaminan keselamatan rakyat kita apabila cadangan pembinaan loji nuklear itu seperti perancangan yang dilakukan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air KTTTHA pada tahun 2021 ini. Sehubungan itu saya meminta Y.A.B Dato Menteri Besar kita tolong nyatakan dan perelaskan bagaimana pendirian Kerajaan Negeri terhadap desas-desus cadangan tersebut. Sesungguhnya saya memang tidak yakin pada Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang tidak telus dan berkiblatkan semangat Zionis oleh itu demi masa depan generasi kita di Negeri Selangor wajar kita tolak loji jana kuasa nuklear. Puan Timbalan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B Dato Menteri Besar dan seluruh barisan Exco kerana telah banyak membantu DUN Sekinchan dalam soal menyelesaikan permasalahan isu tanah yang tertangguh selama lebih 30 hingga 50 tahun tanpa ada sebarang keinginan dan kekuatan untuk diselesaikan oleh Kerajaan sebelum ini. Sebelum saya pergi *detail* tentang masalah tanah di Sekinchan ini saya ingin nyatakan baru-baru ini BN ataupun Barisan Nasional tidak yakin dengan kekuatan mereka sendiri takut kepada bayang-bayang mereka akan terus tersungkur bukan saja di Selangor malah di peringkat Putera Jaya oleh itu mereka telah menggunakan berbagai taktik kotor....

YB DATO' DR. MOHAMAD SATIM DIMAN : YB Puan Timbalan Speaker nak minta laluan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sri Serdang

YB DATO' DR. MOHAMAD SATIM DIMAN : Terima kasih YB Sekinchan. Kita tak takut dengan bayang-bayang. Apa nak takut dengan bayang-bayang, dah terbukti dah Pilihanraya Kecil di Hulu Selangor sendiri terbukti bahawa Pakatan Rakyat di negeri Selangor kalah. Itu baru pilihanraya di peringkat parlimen. Jadi apa lagi yang kita nak takut bayang-bayang. Malah diikuti dengan pilihanraya-pilihanraya kecil yang lain-lain, Merlimau, Tenang, Kerdau, mana lagi cuba sebutkan salah satu lepas ni, Sarawak....Sarawak ya.....Insyallah Barisan akan menang. Jadi tak ada masalah soal nakitulah "indicator" di Pilihanraya Hulu Selangor, sampai calon pun jadi "kita" lah....apa tadi YB Bukit Antarabangsa kata..."kitar".....haa....tu tamparanlah pada Pakatan Rakyat.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Ketua Pembangkang kita Sri Serdang. Ya terima kasihlah, biarlah Barisan Nasional terus mabuk dalam kemenangan di Pilihanraya Kecilkita biarkan. Yang pentingnya saya nak tunjukkan di sini, saya nak nyatakan mereka gunakan taktik kotor, jijik dan tidak bertamadun termasuk kini mereka menjadi "parti penyebar fitnah". Kenapa saya berkata begitu, mereka sekarang ni bukan saja menjadi agen, tetapi juga menjadi Pengarah Filem Lucah...ya....dan boleh tolong sangkalkan kalau itu tak ada kaitan dengan UMNO.....tolong sangkal sebab dia bukan ahli DAP....ha...ini tolong sangkal...

YB PUAN GAN PEI NEI : Puan Speaker, minta penjelasan pada Sekinchan....saya ingin bertanya pada YB Sekinchan, saya rasa bukan saja UMNO kena sangkal, kalau betul itu tidak melibatkan UMNO kita minta pimpinan UMNO, MCA, MIC pergi buat laporan polis tangkap orang yang terlibat tu termasuk Rahim Thamby Chik tu...

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Rawang....terima kasih Rawang...dan seterusnya, saya ingin tegaskan mereka kini selain daripada penyebar fitnah.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker....boleh bagi laluan.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya...tanya saya....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak saya minta tuan speaker boleh.....

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya yang bagi...ini...ini...ruangan saya, saya yang bagi....Minta izin daripada Timbalan Speaker,

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta izin untuk bagi laluan oleh Sekinchan.....

YB TUAN NG SUEE LIM : Aa..ok..ok...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok...silakan Sg. Burong...

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tadi Sekinchan ada sebut ya...bahawa pengarah filemya...lakonan video seks, itu nak tahu siapa dia punya Pengarahnya, saya pun ingin bertanyalah agak-agaknya siapa pelakon dia, mengapa ada orang terkejut membuat penafian dan sebagainya. Boleh mendapat penjelasan tak, terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sungai Burong, benda apa yang saya tegaskan tadi Pengarah ini Polis tengah membuat siasatan yang pentingnya kalau dalam Islam ini saya difahamkan ini soal khazaf. Jadi orang nak tuduh siapa-siapa ada individu dalam situ, ini penting, ini tuduhan berat kena bukti. Dalam Mahkamah Syariah dia perlu ada empat saksi kurang-kurangnya ini yang saya difahamkan. Ya saya beritahulah sedikit tarbiah kepada Sungai Burong dan seterusnya. Cukup-cukup. Saya bagi Seri Muda.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan ada hak untuk memberi sesiapa yang dia pilih ya.

YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Biar saya tanya kepada Sekinchan, saya nak menyambung kepada apa yang sudah Sekinchan perelaskan. Laporan Polis sudah dibuat kepada orang yang menerbitkan, orang yang menayang ataupun orang yang menyiarkan Dekstrosa Seri Negara. Persoalan sekarang ini ialah kenapa Polis lembab lebih lambat daripada kura-kura untuk siasat. Ada seseorang daripada Barisan Nasional boleh jawab. Kalau kes yang melibatkan Pakatan Rakyat Bukit Antarabangsa, kes baru lapor tengah malam hantar notis. Kes saya baru sedikit tengah malam tunggu dekat rumah, lima hari lima malam boleh ditunggu tetapi kenapa kes Datuk T ini lembab, saya nak jelaskan lembab lebih lembab daripada kurang-kura nak ambil tindakan. Kura-kura pun lari lebih laju daripada Polis ambil tindakan pada orang UMNO ini. Kenapa ada *double standard* jawab itu dulu.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker boleh bagi laluan untuk saya bertanya kepada Seri Muda.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya saya beri laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan memberi laluan kepada Sungai Burong.

YB TUAN NG SUEE LIM : Cukuplah penjelasan daripada Seri Muda. Cukuplah saya sudah rehat. Cukuplah, kita ke tempat lainlah. Cukup-cukup. Kita pergi ke tempat lain. Apa yang saya ingin nyatakan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan, Permatang mohon boleh ke *first time*.

YB TUAN NG SUEE LIM : Cukuplah, *first time* nanti dulu, dia kena sabar dulu, ikut giliran sabar dulu ya. Ok. Seterusnya tentang taktik jijik ini saya ingin membongkarkan dalam Dewan yang mulia ini apa taktik kotor selain daripada apa yang saya nyatakan tadi. Baru-baru ini saya dimaklumkan Barisan Nasional, UMNO sedang melakukan satu kerja jijik. Kerja dia saya anggapkan dia satu kerja pengkhianatan kepada Negara. Mereka tengah melakukan projek apa, projek MY KAD, seperti yang disebutkan oleh Antarabangsa pagi tadi. Projek MY KAD kepada siapa MY KAD ini diberi, kepada pendatang-pendatang asing yang bekerja di restoran-restoran, India Muslim. Nak cabar, ke tak nak cabar tolong. Cabar ya India Muslim. Dan baru-baru ini saya difahamkan satu perjumpaan lebih dua ribu orang dikumpulkan di Seksyen 7 Shah Alam tempatnya sesiapa nak tahu, saya boleh beritahu, Seksyen 7 Shah Alam diketuai oleh seorang orang kuat daripada KIMA dan juga Pengusaha, Naib Presiden daripada seorang pengusaha Restoran India Muslim Malaysia. Tengah isi boring di atas pejabat mereka lebih kurang dua ribu orang. Saya nak beritahu dua ribu orang sebab mereka isi pekerja-pekerja Restoran India Muslim, ada yang ada PR, ramai yang tiada PR, hanya dengan passport masuk sahaja dan sokongan dengan syarat utamanya sokongan UMNO. Ini yang berlaku di Seksyen 7 dan peliknya alamat yang ditukar ke Pulau Pinang satu Parlimen. Di Pulau Pinang satu Parlimen ditukar untuk menjadi pengundi di situ untuk selamatkan calon Menteri di situ. Ini dia yang saya nampak dan saya dapat berita dan mendapat maklumat di situ. Saya nak Tanya dulu kita dikejutkan dengan satu buku di Sabah buku dia Projek MY KAD Mahathir. Siapa Mahathir mantan Perdana Menteri siapa dia Pengerusi Presiden UMNO dahulu. Ya Mahathir UMNO ialah UMNO tak kenal ke? Dia bukan parti kita tapi dia UMNO, buat IC, bagi IC dengan kerjasama siapa memperkudakan Jabatan Pendaftaran Negara. Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara datang ke Pejabat KIMA tolong sangkal perkara ini. Kenapa kita berpolitik nak mengekalkan kuasa sanggup kita gadai maruah Negara kepada orang asing dengan tukar MY KAD ini. Jadi Ahli-ahli Dewan ini kita kena bertaubatlah, jangan buat kerja-kerja yang macam ini. Kalau kes macam ini Pakatan Rakyat, ISA. Kalau Pakatan Rakyat malam itu dicekup, kalau Pakatan Rakyat kita kena bertaubat jangan buat kerja yang boleh mengkhianati Negara, istighfarlah kepada Tuhan, bertaubat saya mintalah kawan-kawan daripada Barisan Nasional ini dan seterusnya saya nak sambung soalan MY KAD kerana MY KAD ini memang cukup berat. Saya minta segera berhentikan kerja-kerja jijik ini untuk menang pilihan raya guna tukar MY KAD bagi warga asing.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya bagi lima minit untuk menggulung.

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh, lima minit ya.

TUAN SPEAKER : Dah satu jam tiga puluh enam minit. Lebih banyak lagi daripada Ketua PBC jadi saya rasa sudah cukup.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ok, saya ambil maklum Tuan Speaker.

YB DATO' MOHAMAD SATIM B. DIMAN : Agaknya dia nak menjadi Ketua PBC.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ok, saya tak bagi laluan lagi, sudah habis masa sudah cukuplah. Ok soal tanah di Sekinchan ini, Kerajaan telah menyelesaikan lebih lapan puluh lima peratus masalah tanah di Daerah Sabak Bernam khususnya Sekinchan. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih. Yang pentingnya perkara yang saya ingin bangkitkan adalah tentang pembangunan-pembangunan yang bakal dilakukan di DUN Sekinchan ini, dulu kalau sebelum ini MCA, Barisan Nasional tuduh bahawa Pakatan Rakyat ataupun pembangkang tidak membawa pembangunan yang dapat membawa pembangunan hanya mereka sahaja. Mereka sahaja sinonim dengan pembangunan lain orang tidak boleh pembangunan. Tapi hakikat sekarang ini selepas tiga tahun kita memerintah di Negeri Selangor ini, Sekinchan ada satu projek membina projek pembinaan pangsapuri sebanyak dua ratus lapan puluh unit di DUN Sekinchan dan juga beberapa projek perumahan yang diusahakan oleh Syarikat Swasta. Pada masa yang sama juga Sekinchan dapat perhatian oleh pelabur-pelabur daripada tempatan. Seorang anak tempatan daripada Parit 7 telah mengusahakan dan berjanji akan melaburkan dana sebanyak empat juta di Pantai Derang Sekinchan untuk apa, untuk membina sebuah Restoran Ikan Bakar Sekinchan. Dan akan mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di DUN Sekinchan ini dan seterusnya usaha DUN Sekinchan untuk mempromosi DUN Sekinchan ini sebagai satu destinasi pelancong agro-tourism yang unik di Negeri Selangor telah mendapat sambutan hangat melalui usaha dan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Sekarang ini terdapat satu syarikat perfileman daripada Singapura iaitu Media Cop telah memilih Sekinchan sebagai tempat penggambaran, tempat destinasi pembikinan filem mereka. Mereka yakin dengan keindahan DUN Sekinchan, Sawah Bentang yang terbentang luas bagaikan lautan bersama dengan perkampungan Nelayan tradisional bersama dengan berkembangnya industri Burung Walit dan sebagainya. Inilah uniknya Sekinchan dan mereka pilih Sekinchan untuk buat filem drama episode tiga puluh episode dan sekarang ini sedang ditayang di NTV7 jam sepuluh malam setiap malam daripada 10.00 malam hingga 11.00 malam mulai Isnin hingga hari Khamis dan tajuk kepada filem tersebut adalah *The side of life* bahasa cina dengan izin dan sekarang ramai pelancong-pelancong oleh kerana sebarang daripada filem tersebut ramai pelancong datang ke Sekinchan sehingga hotel-hotel pun tidak cukup kawasan tempat penginapan dan inilah yang berlaku di Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Ini sudah macam iklan ini. Ini perbincangan.

YB TUAN NG SUEE LIM : satu minit sahaja. Ini masa keemasan. Satu minit untuk tayangan Ya saya harap tahun ini akan lebih banyak peruntukan daripada Yang Berhormat EXCO pelancongan dari Bukit Lanjan dan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar dapat menyalurkan lebih banyak dana untuk ceriakan DUN Sekinchan untuk menaiktaraf infrastruktur supaya Sekinchan akan lebih menarik lebih ramai pelawat ke DUN Sekinchan. Akhir sekali saya ingin bincangkan lagi sedikit tentang sebelum saya tutup tentang masalah yang dihadapi oleh Nelayan Pesisiran Pantai khususnya Nelayan permit B dan permit C. Baru-baru ini mereka mintalah selama ini lebih lima belas tahun mereka minta supaya mereka memohon supaya dibenarkan dua orang pekerja asing diupah secara sah oleh mereka untuk membantu bekerja di laut menangkap ikan, memandangkan tenaga kerja tempatan tidak begitu berminat tetapi sehingga hari ini Kementerian Pertanian di bawah MKIM pun tidak memberi respons dan sekarang mengenakan satu syarat baru di mana nelayan-nelayan di pesisiran pantai

Sekinchan. Di Sekinchan, di Sungai Besar, Tanjung Karang mereka menghadapi masalah terpaksa menukar kadar atau GPS dipaksa tukar kalau tidak tukar permit B RM4,000.00 kalau tidak tukar lesen tidak akan diperbaharui dan permit C RM6,000.00 lebih alat tersebut untuk kesan di mana bot itu berada. Kalau tidak tukar lesen juga tidak akan diperbaharui. Ini antara bebanan yang mereka merungut sampai hari ini dan seterusnya Kerajaan Pusat hanya akan meluluskan permintaan mengambil pekerja asing secara sah dengan syarat menambah lagi tiga batu nautika daripada lima batu nautika tambah sampai lapan nautika. Inilah antara permasalahan yang ujud, saya harap pihak EXCO Kerajaan Negeri dapat menulis surat memanjangkan perkara ini GPS ini dan syarat menambah lagi tiga batu nautika ini supaya ada satu perbincangan di antara Nelayan dengan kementerian sebelum sesuatu undang-undang dikuatkuasakan supaya kesannya tidak mendalam kepada Nelayan kerana mereka cukup susah untuk cari nafkah hidup mereka. Satu lagi baru-baru ini banyak Tuan Bendang sistem hubungan Internet jalur lebar di DUN Sekinchan ini yang diberi perkhidmatan oleh disalurkan oleh TM Net tidak mencapai tahap kepuasan di mana permintaan permohonan-permohonan dibuat terpaksa menunggu lima bulan atau lapan bulan tidak ada jawapan kerana kabel dan sebagainya belum siap dan seterusnya. Oleh yang demikian saya meminta syarikat Kerajaan Negeri mengambil tindakan susulan dapat memantau perkara ini berlaku di Sekinchan kerana ramai pelancong yang datang Sekinchan perlu akses Internet untuk mengetahui persekitaran dunia global yang berlaku dan juga anak-anak yang sedang belajar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik mereka. Mereka perlu melayari Internet untuk mencari bahan-bahan yang mereka perlukan akses Internet gak bias nama terbantutlah pelajaran mereka. Inilah yang saya minta. Akhir sekali saya sekali lagilah mendoakan agar Kerajaan Pakatan Rakyat kini terus dipertahankan dan terus juga memberi kebajikan memperjuangkan hak rakyat. Akhir sekali saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Seri Serdang

YB DATO' MOHAMAD SATIM B. DIMAN : Terima kasih Tuan Speaker *Assalamualaikum warahmatulhiwabarakatuh*, Salam Sejahtera, Selamat petang dan salam satu Malaysia. DUN Seri Serdang amat berterima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri kedua belas. Dan bagi pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bagi Barisan Nasional saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan yang sentiasa prihatin di atas perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ini dan sentiasa mengambil berat hal ehwal keselamatan serta pembangunan Negeri Selangor, Saya nampak pada hari ini Sahabat saya Bukit Antarabangsa begitu hebat sekali daripada perbahasannya banyak sekitar dalam soal-soal persekutuan, Syabas saya ucapkan kerana hal maklum bila menjadi Timbalan Presiden sudah barang tentu tiket itu mesti di atas jangan di bawah jadi cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri itu lebih baik daripada menjadi Menteri Besar. Dan saya ingatkan pula kalau boleh jangan asyik kita meneguk di atas sahaja jalan ke atas takut tersepak tunggul di bawah. Mananya begini Tuan Speaker kita tengok pada yang berlaku di Selangor 3 tahun ini, pada 5 dan 6 Mac 2011 yang lalu Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor telah mengadakan karnival Sambutan 3 Tahun memerintah Negeri Selangor dengan tujuan untuk mendedahkan dan berkongsi kejayaan sepanjang 3 Tahun mentadbir Negeri Selangor walaupun perbelanjaannya besar tapi malang sambutan rakyat tidak menyeluruh dan sangat dingin. Hanya lebih kurang 1,200 orang hadir pelancaran tersebut apatah lagi dalam majlis itu juga dilancarkan Buku Jingga. Jadi Barisan Nasional tambah sikit Tuan Speaker Y di hujung jingga.. Selepas 3 tahun memerintah rakyat juga berhak untuk menilai prestasi Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor yang banyak membuat janji semasa Pilihan raya dahulu. Selepas dapat kuasa terus membuat berbagai-

bagai janji manis yang hingga sekarang belum dapat hasilnya, baru-baru ini macam buat janji mat jenin melalui buku jingga tadi, Program 100 hari Pakatan Pembangkang atau Pakatan Rakyat Negeri Selangor di peringkat Federal jika memerintah selepas Pilihan Raya UMUM yang Ke 13. Dalam konteks Negeri Selangor saya ingin membangkitkan beberapa janji Pakatan ini yang belum nampak hasilnya boleh dipersoalkan keberkesanannya atau menghadapi kontroversi selepas 3 tahun memerintah.

1. Diskaun cukai pintu sebanyak 20% untuk premis kediaman dan 100% untuk letak *parking* perniagaan. Bila hendak dilaksanakan difahamkan akan dilaksanakan dekat-dekat Pilihan Raya UMUM yang ke13 atau PRU ke 13. ini maksudnya hanya setakat pancing undi rakyat. Kalau betul mampukah kerajaan PBT-PBT buat demikian sedangkan beberapa PBT hendak bayar bil Alam Flora pun tidak ada duit. Contohnya Majlis Daerah Kuala Selangor yang terpaksa memohon geran dan pinjaman RM2 juta daripada kerajaan negeri dan Majlis Daerah Sabak Bernam sebanyak 0.8 juta pada tahun 2010.
2. Tiket Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor sebanyak RM50 bilion yang diisytiharkan pada tahun 2009. pada hasilnya sekarang, kalau Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan Persekutuan dapat meningkatkan KDNK daripada 60% pada 7.2% pada tahun 2010 sejauh manakah Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor telah dilaksanakan dan dapat membantu pertumbuhan ekonomi di Negeri Selangor khususnya KDNK dari tahun 2009, 2010 dan 2011. dalam Pembentangan Bajet 2011 yang lalu Kerajaan Negeri tidak sentuh langsung perkara ini termasuklah unjurkan KDNK negeri. Mengapa?. Bagaimana pula dengan projek pemulihan Sungai Klang yang telah diisytiharkan pada 23 Mac 2010 sebanyak RM50 bilion setakat mana kemajuan kerja, keempat-empat syarikat yang telah dipilih oleh kerajaan negeri untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang ini. Kerajaan Negeri telah berjanji untuk mempamerkan perancangannya dan jadual projek tersebut tetapi tak nampak apa-apa pun hingga sekarang. Yang diheboh-hebohkan baru-baru ini ialah pembersihan Sungai Damansara di kawasan Persimpangan Lebuhraya berhampiran Tol Bukit Jelutong dan laporan kecurian pasir di kawasan tersebut.
3. Subsidi Air Percuma sebanyak 50 liter padu pertama memang benar Kerajaan Negeri telah memenuhi janji-janji tersebut sebenarnya terpaksa terus berjanji tersebut walaupun menanggung kos tinggi kerana janji-janji ini sangat dekat dengan hati rakyat. Tetapi masih banyak lagi rakyat yang berpendapatan rendah belum dapat menikmatinya. Terutamanya mereka yang tinggal rumah-rumah pangsa kos rendah dan meter airnya masih induk dan masih belum selesai kerja-kerja pemasangan meter berasingan dan bersendirian. Contohnya penduduk rumah pangsa di Pandamaran Klang telah berdemonstrasi dengan kerajaan negeri masih mendiam diri. Rakyat hendak tanya sejauh mana kemampuan kewangan KDNK dan kerajaan negeri membiayai subsidi tersebut. Pada tahun 2009 kerajaan terpaksa membayar geran dan meminjam kepada KDAB sebanyak RM150 juta. Pada tahun 2010 Dewan yang mulia ini telah memperuntukkan bajet RM74 juta. Kesannya kerajaan negeri telah mengalami defisit belanjawan sebanyak RM65 juta pada tahun 2009 dan subsidi ini merupakan salah satu faktor utama defisit belanjawan yang akan dialami pada tahun 2010. Demi prinsip ketulusan selalu ditekankan oleh kerajaan negeri rakyat mahu tahu setakat ini berapakah jumlah subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan. Kesan kepada kewangan kerajaan negeri dan kemampuan kewangan kerajaan negeri sendiri pada masa-masa akan datang.

4. Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Dalam usaha memancing rakyat Kerajaan Pakatan rakyat di Negeri Selangor telah melancarkan program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor ataupun MES melalui bajet 2009 dan bajet 2010 bertemakan Negeri Maju rakyat Sejahtera, serta bajet 2011 bertemakan Hasil Negeri Untuk Rakyat. Slogan-slogan di atas hanya omong-omong kosong sahaja realitinya bagaimana orang kata cakap tak serupa bikin. Sebagai contoh ini sebagai contoh isu bonus dan sumbangan Syarikat Kumpulan Semesta Sdn Bhd ataupun KKSB dalam tempoh setahun pertubuhannya 26 Mac 2009 hingga 30 Jun 2010 KKSB telah membayar purata 6 bulan bonus sebanyak RM 641 ribu 113.85 kepada 45 orang warga kerja termasuk Ahli Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif iaitu sebanyak RM1426 setahun atau RM187 sebulan setiap seorang. Pengerusi mendapat RM48 ribu 6 bulan gaji. Pengarah Eksekutif mendapat RM82 ribu 6 bulan gaji. Penasihat pun mendapat bonus sebanyak RM30 ribu 6 bulan gaji. Daripada pendapatan pentadbiran KKSB pada tahun 2009 hanya sebanyak lebih kurang RM4.67 juta sahaja. Bayaran kepada Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif tidak termasuk bonus ialah sebanyak RM527.398 ribu lebih kurang 11.3%. Sementara sumbangan kepada Kerajaan Negeri hanya sebanyak RM1.39 juta atau 16.9%. Bukankah statik ini jelas membuktikan bahawa rakyat dibelakangkan tetapi Pegawai dan Lembaga Pengarah diutamakan. Bertentangan dengan tema bajet Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor dan hasil negeri untuk rakyat ini juga dikatakan cakap tak serupa bikin.
5. Bagaimana janji-janji yang belum dilaksanakan dalam manifesto Pilihan Raya yang ke12 dahulu. Seperti berikut:
 1. Negeri Berkebajikan Tabung RM100 RM1 anak kelahiran Selangor bantuan RM75 sebulan setiap anak ke nursery. Bantuan RM50 sebulan setiap anak ke prasekolah. Bantuan anak-anak muda untuk dirikan rumah tangga ini yang kita dengar ada seorang baru sahaja buat majlis perkahwinan sudah ditaja dengan lebih 50 ribu. Elaun ibu tunggal yang layak, elaun suri rumah menjaga sepenuhnya anak kecil. Bantuan setiap rakyat Selangor untuk mendapatkan kediaman Selangor. Kesihatan rakyat pula sebulan cuti kepada wanita kematian suami. Perubatan percuma warga emas 50 tahun ke atas dalam buku laporan urus tadbir Selangor dasar program dan fakta Kerajaan Selangor akan melaksanakan mana-mana janji yang belum dilaksanakan dalam fasa 3 dan 5 melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor pada tahun 2010, 2012 dan 2013. Mula-mula menghadapi PRU ke 13. Kita sama-sama melihat apa yang akan berlaku nanti. Tuan Speaker urus tadbir berwibawa tetapi yang paling penting yang hendak saya fokus di sini janji untuk mewujudkan urus tadbir yang berwibawa *good governance (dengan izin)*. Memastikan pentadbiran yang tulus, berdisiplin, berintegriti, bertanggungjawab dan urus tadbir baik di semua peringkat perkhidmatan kerajaan. Soal integriti bukan sahaja di dalam pimpinan kerajaan dan parti, tetapi juga melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di bawah pentadbirannya.
 2. Penggunaan wang Kerajaan melalui Menteri Besar *incorporated* atau Menteri Besar diperbadankan untuk membiayai ini hendak tanya untuk membiayai penginapan 500 orang perwakilan Kongres Parti Keadilan Rakyat pada 26 hingga 28 November tahun 2010 di Hotel Armada Petaling Jaya. Tempah 100 bilik melalui Pejabat YAM Menteri Besar dibiayai oleh Menteri Besar *incorporated* tarikh masuk pada 25 November 2010, tarikh keluar pada 29 November 2010. Jumlah pembayaran sebanyak RM850 ribu. Dibayar oleh MBI melalui cek AIBB

No.000537 bertarikh 24 November 2010. Y.B Ijok menafikan menggunakan wang kerajaan negeri. Para perwakilan berkenaan bukannya anggota Ahli Keadilan tetapi hanya kumpulan rombongan bukan pertubuhan kerajaan dari Sabah dan Sarawak, termasuklah suku Penan yang mengadakan lawatan melihat kemajuan di Negeri Selangor. Sungguh mewah rupanya Negeri Selangor menyediakan 100 bilik kepada mereka selama 4 hari sempena kongres Parti Keadilan Rakyat. Mengapa datang semasa Kongres PKR? Bukankah semua orang sibuk dengan kongres berkenaan? Kalau betul bukannya ini salah satu penyalahgunaan kuasa. Jawapan Yang Amat Berhormat menteri Besar boleh dipersoalkan tapi saya yakin itu adalah untuk perwakilan PKR atau Parti Keadilan Rakyat yang Timbalan Presidennya ialah daripada Bukit Antarabangsa. Kita serahkan kepada SPRM untuk buat siasatan apakah rasionalnya menaja rombongan yang begitu besar untuk menjadi pemerhati kongres PKR sama ada kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar betul atau sebenarnya untuk perwakilan rasmi kongres Parti Keadilan Rakyat. Kita yakin itu adalah untuk kongres Parti Keadilan Rakyat. Yang ketiga, manifesto pembangkang, hentikan pembaziran dan hentikan projek-projek membazir dan rugi. Apa yang berlaku, terdapat banyak program yang membazir dijalankan bukan sahaja oleh Kerajaan Negeri tetapi juga agensi-agensi dan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Pada tahun 2010, Yayasan Selangor telah membelanjakan RM 947,676.00 untuk tiga program jamuan yang besar sedangkan wang tersebut boleh digunakan untuk kepentingan pelajar-pelajar di bawah jagaannya. Pada 21.2.2010 majlis berbuka puasa 167,400, 4.10.2010 jamuan Hari Raya Aidil Fitri 380,666.00, 5.11.2010 Sambutan Ulang Tahun ke 40 Yayasan Selangor 399,810.00. Jumlah besar 947,876.00. Untuk pakaian dan cenderahati sahaja, berbelanja sebanyak RM191,800.00, Majlis Berbuka Puasa, cenderahati RM 77,000.00 dan Ulang tahun Yayasan RM untuk cenderahati sahaja 114,800.00. Jumlah bonus Yayasan Selangor untuk ahli pemegang amanah dan kakitangan berjumlah 921,074.90 atau 2.8% daripada belanja operasi dan mengurus. Dua bulan bonus terlalu tinggi, kalau nak beri bonus memadai satu bulan sahaja. PKNS, PKNS pula telah lari dari matlamat asal penubuhannya. Pada 8 hari bulan Oktober tahun 2010, PKNS dan anak-anak syarikatnya telah menaja Jamuan Makan Malam Angkasawan Negeri, Negara sempena perkahwinan, itu yang saya sebut tadi, sempena perkahwinan Angkasawan Negara dengan berbelanja sebanyak RM 520,000.00 untuk 500 orang setahun iaitu sebanyak RM 1,040.00 untuk setiap tetamu yang hadir. Sumbangan PKNS 400,000.00, SACC Shah Alam anak syarikat PKNS 60,000.00, PKNS Holdings 60,000.00. Ah itu lah jumlahnya 520,000.00 keseluruhannya. Macam mana Yang Amat Berhormat selaku Pengerusi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Pengerusi PKNS boleh dibenarkan pembaziran seperti ini. Ini baru merupakan dua contoh pembaziran di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah merupakan Pengerusinya. Banyak lagi program-program yang membazir termasuklah program-program kerajaan Negeri yang digunakan untuk tujuan politik. Keempat manifesto untuk memastikan Kerajaan lebih telus berintegriti dan bertanggungjawab selaras dengan prinsip urus tadbir berwibawa. Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu mendabik dada bahawa pentadbirannya adalah telus dan bertanggungjawab kepada rakyat. Cakap sahaja, orang kata cakap tak serupa bikin. Ada 3 kes yang boleh kita persoalkan. Kes pencerobohan dan penemuan kamera video pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Walaupun pagi tadi Yang Amat Berhormat telah jawab tetapi kita masih tidak puas hati, mengapa mesti ada satu jawatankuasa khas. Kalau benar-benar

percaya dan yakin buat laporan Polis, dah di bentang Polis tahu, Jawatankuasa yang dilantik tahu, rakyat tahu, pameran apa sebenarnya yang berlaku dalam kamera itu.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Yang Berhormat nak mencelah.

TUAN SPEAKER : Ya, Sri Muda ada apa? Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Terima kasih Seri Serdang. Bila sebut laporan Polis ini saya nak sebut Seri Serdang, Bukit Antarabangsa pun sudah sebutkan, Sekinchan juga sudah sebutkan. Laporan Polis ini kalau Pakatan Rakyat yang buat, kalau *against* Pakatan Rakyat dengan izin memang cepat, tapi kalau kita buat laporan Polis kepada penyokong UMNO, pendokong UMNO, pengampu Barisan Nasional, langsung tak ambil. Ini nak buat laporan Polis kepada kita untuk siasat, ini benda tak ada pun esok jadi ada. Jadi tak wajar buat laporan itu sebab kita tahu kejadian jenayah itu pun bukan kerana Polis cekap sangat walaupun ada kecekapan di situ. Orang malas nak lapor ke Polis sebab apa banyak karenah, dah tu siasatan tak dibuat dengan telus, banyak benda yang tak sepatutnya berlaku diadakan. Sebab apa, sebab dekat balai Polis tu pun tulis 1 Malaysia Rakyat Didahulukan, itu sebab dia.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ceh rakan saya Sri Muda, berani kerana benar, takut kerana salah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker mintak laluan ya.

TUAN SPEAKER : Ya.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : YB Seri Serdang, Saya nak bertanya kepada YB Ketua Pembangkang, adakah bersetuju bahawa saudara Sri Muda menghina institusi Polis kerana kalau dia ber katakana begitu, maka Polis yang telah ini satu rakyat Selangor melihat ni mengatakan bahawa Polis langsung tak menjalankan tanggungjawab. Mereka telah bertungkus lumus untuk berkorban untuk rakyat ini dan banyak masalah-masalah yang mereka telah selesaikan tapi saya rasa dengan mengeluarkan kata-kata sebentar tadi dia telah menghina institusi Polis dan menghina Polis-polis yang ada di Malaysia ini. Setuju tak?

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Tuan Speaker, biar saya jawab. Ketua Pembangkang tak boleh jawab pun bukan bidang dia..

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Eh, dia mintak pandangan saya, saya nak jawab, dia mintak pandangan saya...

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Saya sebut bagi ruang untuk saya jawab sikit, cerita sikit, sebab dia tanya tu berkaitan dengan apa yang saya sebut....

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : ..tak nantilah dulu, dia mintak pandangan saya...

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : ..tak boleh..

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : .nanti saya bagilah laluan, saya tak bagi laluan, Tuan, saya taka bagi laluan. Tuan Speaker saya tak bagi laluan....sebab dia mintak pandangan kepada saya

TUAN SPEAKER : Sekarang ini Speaker cakap dua-dua berhentilah.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ok la, saya berhenti.

TUAN SPEAKER : Baik Sri Muda sila duduk sebab tidak ada laluan diberikan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Saya mintak izin Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Jangan mintak izin saya sebab Sri Muda dia yang cakap dia yang berhak ya. Cuma saya nak pastikan bila bangun kalau dia tak bagi kena duduk dulu la. Nanti mintak dulu, kalau dia bagi, bagi lah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker, boleh mintak laluan Seri Serdang? Permatang nak mintak laluan pula.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sekejap Tuan Speaker ya, terlampau banyak yang mintak, saya bagi kawan saya kat belakang sana. ADUN Permatang sila dulu.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Seri Serdang. Tadi Taman Templer kata Sri Muda ini memang aktiviti dia suka menghina orang. Kalau Taman Templer kata apa ni Sri Muda boleh hina Polis, saya tak hairan, Sultan pun, Duli Yang Maha Mulia Sultan pun dihina..

TUAN SPEAKER : Permatang...saya bagi amaran, saya bagi banyak ruang ya untuk minta laluan dan sebagainya tapi jangan salah gunakan. Tadi Sri Muda pun dah salah gunakan sekarang Permatang pun ikut pula nak tuduh orang, janganlah, saya bagi peluang jangan sampai saya tak bagi peluang pula ya.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker bagi peluang kat saya...

TUAN SPEAKER : Nanti la ketua Pembangkang. Tengok Speaker cakap pun nak cakap, peraturan tetap 42, bila Speaker cakap semua diam, ah kena tunjuk teladan, semua nak tunjuk taat pada Sultan tapi dengar cakap tak ada satu pun, Ah itu jangan sebut saya tak mahu dengar lagi, ah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kata ini ini nak gunakan itu untuk tegur orang, tegur diri sendiri dulu ya. Baik Seri Serdang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Terima kasih Tuan Speaker, Ini soalnya ialah soal orang kata ketelusan, berintegriti, bertanggungjawab. Jadi bila kita mahu berintegrasi bertanggungjawab, ketelusan apa yang nak takut, kalau berani kerana benar, takut kerana salah. Takkan nak suruh pergi hospital umpamanya pergi cek apa sakit tapi tak nak. Contoh begitu lah kan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Tuan Speaker mintak laluan daripada Seri Serdang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Wah dia pun nak minta laluan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya nak minta pandangan Seri Serdang, oleh kerana Sri Muda banyak sangat pasal Polis ni, menghina Polis, apa rupa Negara kita kalau satu hari je Polis mogok, satu hari je, apa jadi kat Negara kita ni.

TUAN SPEAKER : Ini macam soalan sekolah ni.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, ialah tadi yang saya sebutkan tadi dengan tajuk yang dikatakan berintegrasi, bertanggungjawab, berintegriti, bertanggungjawab, telus apa nak takut. Lapor je kat Polis apa nak buat apa kita berburuk sangka, kalau kita buruk sangka kat orang dah tentu lah orang akan buruk sangka dengan kita, kalau kita tak yakin dengan orang macam mana orang nak yakin dengan kita. Tadi kata nak

suruh rakyat yakin, nak suruh rakyat jadi kalau kita yang sekecil ini pun kita tak boleh nak yakin, macam mana kita nak meyakinkan rakyat. Umpamanya yang saya sebut tadi ialah Kerajaan Negeri...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sri Muda dia bangun lagi macam mana?

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Oh, tak nampak la Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sebab tu lah Speaker boleh tahu, itu tugas saya..tugas-tugas

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Boleh ke tak?

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tapi saya nampak Tuan Speaker je la..

TUAN SPEAKER : Tugas-tugas Yang Berhormat berucap....tunggu, tunggu, tugas ADUN berbahas, tugas Speaker tengok keliling kalau ada orang nak mintak jalan ke tidak, itu lah tugas saya. Sebab tu lah kamu tak nampak kalau kamu nampak apa buat duduk situ. Baik. Nanti dulu, Sri Muda nak buat apa?

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Ya, saya nak mintak izin, nak mencelah.

TUAN SPEAKER : Oh nak tanya, macam mana?

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, jangan marah, saya takut Tuan Speaker marah.

TUAN SPEAKER : Saya tak marah.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Petang-petang ni jangan marah, bertenang je Tuan Speaker.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Nak bagi ke tak nak.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Taka pa silakan lah. Kalau tidak balik tak lelap tidur dia ADUN Sri Muda tu, sila, sila.

TUAN SPEAKER : Jangan marahkan, jangan mengakibatkan Speaker marah.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak ada, tak ada itu sebab saya senyum dengan Sri Muda.

TUAN SPEAKER : Itu akan mendatangkan kerugian kepada kamu. Orait. Sila Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Baik, terima kasih Seri Serdang, Ketua Pembangkang yang baru ni memang banyak karenah dia. Kalau nak bagi bagi je lah kalau tak nak bagi pun taka pa. Cuma saya nak bertanya kepada Seri Serdang ni dan nak memperjelaskan tentang Permatang tentang yang saudara sahabat kita sebutkan tadi, saya tak kata saya hina Polis, yang saya sebut ialah kenapa kalau benar Polis itu bebas, adil, profesional, tegas, adil dan betul, setiap laporan Polis tu mestilah mempunyai standard yang sama. Jangan bila Pakatan Rakyat repot lembab nak ambil tindakan. Saya repot kepada Utusan Malaysia, total kepada keseluruhan kepada Utusan Malaysia kepada hasutan yang dibuat oleh Awang Selamat 32 laporan Polis, saya di repot 25 laporan Polis tapi sampai hari ini tidak ambil soal siasat Utusan dan Awang Selamat. Kenapa begitu? Sebab Utusan Malaysia

pengampu UMNO nombor satu. Dato' T sebagai contoh saya nak kaitkan ini dah dilaporkan disebut tapi siasatannya lembap. Sebab tu awalnya saya kata lebih lembap, lebih lambat daripada kura-kura. Jadi ini nak ringkaskan...

TUAN SPEAKER : Baik, baik sekarang ini, Yang Berhormat, Yang Berhormat saya cakap ni. Sekarang saya menggunakan kuasa saya..

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Jadi soalnya...

TUAN SPEAKER : Ei, saya cakap ni Sri Muda. Saya menggunakan kuasa saya di bawah peraturan 43, saya tidak mahu lagi dengar tentang Polis lagi kerana ini bukan Dewan Rakyat, kita tidak ada bidang kuasa. Dah cukup kita sebut Polis, setuju tak setuju, adil, tak adil dah cukup dan saya juga berharap Seri Serdang tak perlu jawab ya. Saya tak hendak dengar lagi, kalau dengar Polis aje saya akan arahkan yang sebut Polis-polis tu keluar. Baik silakan Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI : Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Speaker senyum sejuk hati saya. Cuma yang saya pertikaikan tadi Tuan Speaker ialah soal prosedur biasa. Contohnya bila ada kecurian, sudah tentu akan lapor kepada Polis. Jadi apa bezanya dalam soal-soal seperti ini. Umpamanya mengapa harus Y.A.B. Menteri Besar tengok, nak tengok rakaman dulu umpamanya, tengok dulu tengok, kalau ada yang agak tak bagus, ini edit, *delete*, contoh begitu, jadi mengapa tidak bila jumpa je seratus peratus rakam, jadi biarlah pihak berkuasa atau siapa yang ambil, mengapa pula umpamanya dia sendiri, eh nanti, buat laporan satu jawatankuasa, saya nak tengok dulu hebat kata begitu, ini yang dikatakan tidak ada ketelusan yang boleh menegaskan kepada integriti dan kredibiliti. Jadi rakyat kat sini ingin tahu apa dalam rakaman tersebut itu, walaupun dah diterangkan tadi, mengapa pula begitu lama sekali, dah berapa bulan dah berapa tahun seumpamanya. Adakah hal-hal peribadi ataupun hal-hal rasmi kerajaan. Jika beliau betul-betul telus, itu sebut telus tadi....dan bertanggungjawab maka Y.A.B. Menteri Besar hendaklah menyerahkan kes ini kepada polis kerana itulah badan penguatkuasa yang paling tinggi di dalam Negara kita. Pendirian Kerajaan Negeri mahu menangani kes ini secara politik, saya tahu kerana secara politik, kerana tidak menolak kemungkinan tujuan kamera itu ditempatkan dalam bilik Y.A.B. Menteri Besar adalah bermotifkan politik, yang hairannya Y.A.B. Menteri Besar menjadi mangsa. Kamera diletak di dalam bilik Y.A.B. Menteri Besar jadi Y.A.B. Menteri Besar pun tak tahu macam mana kamera itu boleh masuk. Adakah orang luar, ataupun orang dalam contoh begitu. Itulah yang paling menghairankan kita, dah tentu ini bermotifkan politik. Rakyat nak tahu apakah hasil siasatan Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

Sebagai Ketua Kerajaan Negeri walau apa pun alasan yang dibuat, sebagai Ketua Kerajaan Negeri, walau apa pun alasan yang dibuat sebenarnya rakyat nak mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. Keselamatan bilik Pejabat Y.A.B. Menteri Besar sangatlah penting dikawal rapi kerana sebarang kebocoran rahsia kerajaan dan perbincangan atau salah laku Y.A.B. Menteri Besar boleh menjejaskan bukan sahaja integriti Y.A.B. Menteri Besar tetapi juga integriti Kerajaan Negeri itu sendiri. Yang terlibat di sini adalah institusi Menteri Besar, yang terlibat adalah Institusi Menteri Besar Selangor bukan semata-mata peribadi Y.A.B. Menteri Besar sendiri. Itu kes kamera.

Sekarang kes pelantikan Y. Bhg. Dato' Muhammad Khusrin sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Walaupun Y.Bhg Dato' Muhammad Khusrin bin Haji Munawi telah mengangkat sumpah rahsia di hadapan Y.A.B. Menteri Besar dan dibenarkan menghadiri Mesyuarat EXCO

Negeri tetapi ada mesyuarat-mesyuarat yang beliau tidak boleh hadir. Ini menunjukkan ada perkara-perkara yang hendak disorokkan daripada pengetahuan beliau, mana ada ketelusan. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Selangor adalah Ketua Perkhidmatan Awam Negeri, beliau seorang pentadbir profesional dan telah membuat sumpah kerahsiaan di depan Y.A.B. Menteri Besar. Adakah Y.A.B. Menteri Besar tidak percaya dengan integriti dan kredibiliti beliau. Ini satu penghinaan kepada anggota perkhidmatan negeri. Perbincangan di dalam Jawatankuasa Mesyuarat Negeri adalah hal-hal kepentingan awam dan rakyat. Kalau hendak bincang hal politik Pakatan Pembangkang atau Pakatan di Negeri Selangor ini, janganlah dibawa di dalam Mesyuarat EXCO kerana takut YB Setiausaha Kerajaan bocor rahsia. Jadi jelaslah ketelusan yang digembar-gemburkan oleh Y.A.B. Menteri Besar adalah untuk kepentingan dirinya sahaja dan kedudukan parti bukan kepentingan rakyat dan Kerajaan Negeri.

Kes pengumuman Canselor UNISEL ataupun Universiti Industri Selangor, Y.A.B. Menteri Besar mendabik dada membuat kenyataan akhbar bahawa tindakan mengumumkan pelantikan Tan Sri Yang Mulia Raja Arshad bin Raja Tun Uda sebagai Canselor UNISEL sebelum majlis penyerahan watak pelantikan yang disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Ini merupakan satu bentuk ketelusan yang diamalkan Kerajaan Negeri, malah Y.A.B. Menteri Besar menganggap kes ini adalah amalan dan perkara biasa.

Ini menunjukkan bahawa seolah-olah kebongkakan Y.A.B. Menteri Besar. Ini bukan perkara biasa seperti yang didakwa seperti Y.A.B. Menteri Besar, ini adalah kuasa Sultan mengikut Perlembagaan UNISEL, sepatutnya Kerajaan Negeri tidak boleh mendahului Sultan, tidak beretika jika membuat pengumuman sebelum diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Ini juga satu bukti bahawa Kerajaan Negeri terutama Yang Amat Berhormat tidak menghormati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sudah terbukti bahawa mesyuarat tergepar DUN Selangor untuk meminda Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dahulu untuk mengembalikan kuasa sultan adalah satu sandiwara dan tindakan kepura-puraan dan hipokripsi Menteri Besar sendiri. Kalau benarlah beliau hormat dengan kuasa sultan janganlah perlekehkan kuasa sultan dalam pelantikan Naib Canselor UNISEL.

Tuan Speaker, Buku Jingga ataupun Jingga tadi, pada 5 Mac 2011 yang lalu, Kerajaan Negeri telah melancarkan Buku Jingga dengan matlamat kehadiran seramai 10,000 hingga 15,000 orang didapati kehadiran seramai 1,200 orang sahaja. Sebenarnya rakyat sudah muak dan jelik orang kata, dengan janji-janji kosong Pakatan ini. Rakyat tak peduli dengan Buku Jingga ke, lebih tepat ke Buku Jingga ke,,,,, bukan sahaja rakyat biasa tak peduli, ahli-ahli PAS, PKR, DAP yang jumpa dengan sayalah juga tak peduli, bukankah mereka mempunyai beratus-ratus ribu ahli di Selangor, mengapa hanya 1,200 sahaja yang datang. Kalau rakyat yakin bahawa 10 janji 100 hari dan 39 dasar bersama Pakatan ini boleh membuat perubahan besar kepada Negara, kalau rakyat yakin dengan integriti dan kebertanggungjawaban kepimpinan Pakatan ini terutama ketua mereka yang sedang berhadapan dengan masalah peribadi yang tak habis-habis masalah peribadi daripada satu, satu, nak jadi presiden ke nak jadi Perdana Menteri, takkan nak jadi Perdana Menteri Yang Berhormat Antarabangsa nak bagi. Kalau rakyat Selangor yakin dengan kepimpinan Pakatan yang terbukti gagal menunaikan janji-janji PKR Yang Ke-12, maka rakyat Selangor akan berduyun-duyun, berpuluh-puluh ribu membanjiri stadium melawati pada 5hb. Mac 2010 menyokong pelancaran Buku Jingga mereka. Sebenarnya rakyat Selangor sudah sedar sekarang, mereka tidak boleh diperbodoh-bodohkan, yang dikata tadi Barisan Nasional memperbodoh-bodohkan mereka, tidak sebenarnya yang memperbodoh-bodohkan asyik dengan retorik adalah Pakatan. Banyak sangat janji-janji Pakatan di Selangor belum ditunaikan sepenuhnya, ini orang kata yang saya sebutkan tadi

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : minta penjelasan Speaker.

TUAN Speaker: Ya, Silakan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Seri Serdang, minta penjelasan sikit.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sila.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Berhubung dengan malam yang disebut oleh Yang Berhormat Seri Serdang tadi, kehadiran 1,200 orang. Saya dimaklumkan bahawa tempahan makanan dibuat hampir ke 10,000 orang. Betulkah berlaku pembaziran makanan pada malam itu yang bertan-tan agaknya banyak yang boleh dimakan oleh rakyat miskin di Negeri Selangor ini.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : entahlah, kalaulah benar 10,000 bungkusan yang ditempah yang 1,200 orang sahaja datang, sudah barang tentu ini satu pembaziran yang sangat besar. Berapa persen sahaja yang datang, itulah apa nak buat, mungkin rakyat dah mula bosan dengan keadaan sekarang ini. Malaysia bankrap berdasarkan kajian yang terperinci yang telah dibuat oleh pakar-pakar sosial ekonomi jika semua 10 janji 100 hari yang dilaksanakan, Malaysia akan bankrap pada tahun kedua pemerintahan Pakatan. Malaysia akan mengalami defisit hingga 18.1 peratus iaitu lebih kurang RM139.3 bilion pada tahun kedua dan hutang Negara meningkat kepada 101.3 peratus iaitu RM783.5 bilion daripada keluaran dalam Negara kasar. Malaysia akan terus bankrap dan mengambil alih kedudukan pada tahun ketiga pemerintahan pakatan dengan defisit hingga 115.7 peratus iaitu RM139.6 bilion daripada KDNK. Inilah mungkin mala petaka untuk menjadi kerajaan popular hanya pandai berjanji dan berbelanja besar tapi tidak ada perancangan menambah pendapatan sebenar Negara. Justeru, kerana itu kita menolak Buku Jingga dengan istilah tambah 'y' Jingga Pakatan di Negeri Selangor ini ataupun di Malaysia nanti.

Tuan Speaker,

ARUS ataupun agenda untuk rakyat. Saya ingin menyentuh secara umum agenda Selangor Untuk Rakyat atau ARUS ini yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 23hb. Mac 2010, 2011 minta maaf. ARUS ialah janji-janji terakhir Kerajaan Pakatan sebelum Pilihanraya Umum Ke-13 akan datang. Program-program popular yang terpaksa dijalankan oleh Kerajaan Pakatan untuk memancing undi dalam Pilihanraya Ke-13. Saya tidak menafikan, saya tidak menafikan kesungguhan dan kemampuan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program tersebut. Hanya Kerajaan Negeri boleh menghabiskan semua rizab negeri dan dari apa yang di dalam Kumpulan wang Yang Disatukan. Yang kami Barisan Nasional begitu prihatin ialah kesan kepada kedudukan kewangan negeri Selangor yang kita cintai ini.

Tuan Speaker, Saya harap dengan penjelasan saya ini.....

TUAN SPEAKER : penjelasan....

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : dengan pembentangan atau perbahasan saya ini.....

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, minta penjelasan . Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Sila, sila.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya satu soalan sahaja kepada Yang Berhormat DUN Pembangkang. Apa salahnya kalau wang dan hasil semakin bertambah yang

dikutip oleh kerajaan dibelanjakan kepada rakyat. Adakah itu satu kesilapan ataupun Yang Berhormat Ketua Pembangkang menganggap bahawa Kerajaan Negeri perlu menjadi sebuah syarikat swasta perlu mendapat keuntungan dan menyimpan wang yang banyak di dalam bank. Apakah pendapat Ketua Pembangkang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, seperti yang saya huraikan pendapat Barisan Nasional adalah ini merupakan satu janji-janji kosong sahaja yang tidak mungkin dapat dilaksanakan, maka dengan itu kita takut bahawa kesan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri ini yang kita cintai, itu kesan. Macam orang janji segununglah, bukan main tinggi melangit janji, tetapi akhirnya haphah pun tidak, siapa yang rugi, kerajaan yang rugi, rakyat yang jadi mangsa kepada kerajaan.

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil peluang dalam perbahasan ini. Saya telah meneliti perbahasan-perbahasan yang telah dihujah oleh rakan-rakan saya termasuk dari pembangkang, tetapi saya ingin memberi komen sedikit tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya, tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah membangkitkan banyak isu tentang kekurangan dari segi dasar dan jуда janji-janji yang belum lagi direalisasikan oleh Pakatan Rakyat. Saya pula ingin bertanya dalam hati saya, bahawa selama ini, kalau nak dikatakan tentang cukai pintu, adakah Barisan Nasional pada masa yang lalu, pernah mengusahakan untuk menurunkan cukai pintu, adakah ini pernah berlaku pada masa dahulu. Kalau pada masa dahulu adakah Yang Berhormat atau Kerajaan Barisan Nasional pernah membangkitkan Pakej Rangsangan Ekonomi di negeri Selangor ini, pernahkah, kalau ini pernah berlaku, kalau dahulu kerajaan menswastakan industri air.....

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, minta laluan....

TUAN SPEAKER : Ya, bagaimana Kg. Tunku...

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ya, Sila.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya pun hairan ni... macam Tuan Speaker dahulu *confuselah*, siapa sebenarnya kerajaan, siapa sebenarnya pembangkang sekarang ini..

TUAN SPEAKER : Ya,sebab tadi Seri Serdang pun kata nak bagi penjelasan, macam mana ini ...

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : ha... itu sebabnya, itu sebabnya..... yang saya sebutkan soal keraguan, soal itu.. dan sekarang ini yang kita pertikaikan ialah manifesto pilihanraya, jadi jawab cara yang itulah....kenapa nak berbalik-balik, ni sekarang siapa pembangkang siapa kerajaan....

TUAN SPEAKER: Ya, .. antara Seri Serdang dengan Kg. Tunku ini setengah kati setengah tahillah.....

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : lebih kuranglah tu....

TUAN SPEAKER : Ya, sila..sila...

YB TUAN LAU WENG SAN : mengapa Tuan Speaker, saya apa yang saya bandingkanlah ialah Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang dengan Kerajaan Barisan Nasional dahulu, jadi perbandingan saya ialah antara kerajaan dengan kerajaan. Saya tidak membandingkan kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Apa yang saya bandingkan ialah Kerajaan Selangor yang bezanya ialah dahulu dan sekarang. Jadi inilah apa yang saya sampaikan. Dahulu kita tidak ada air percuma, malahan Kerajaan Barisan Nasional menswastakan air, aset yang begitu bernilai ini kepada syarikat swasta dan sekarang ini kita

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, nak minta laluan,. panjang sangat ini huraian.

YB TUAN LAU WENG SAN : belum lagi, sikit lagi

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : nak minta laluan....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya bagi cukup-cukup 40 minit

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya bagi cukup-cukup empat puluh minit kepada Yang Berhormat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta laluan..minta laluan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Cakaplah minta laluan. Jangan komen-komen yang lain. Nanti dulu. Bagi tak.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya izinkan tetapi saya minta pembangkang ringkaskan.

TUAN SPEAKER : Sila.

YB DATO' MOHAMAD SATIM B. DIMAN : Tak yang saya cerita tadi manifesto pilihan raya dulu kita tak ada manifesto. Soal janji. Jawab soal manifesto itu bukan dulu kata Barisan Nasional kita tidak pernah buat manifesto macam itu, ini soal manifesto pilihanraya yang kedua belas. Agaknya dia nak menjadi Menteri Besar.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jangan bimbang sebab Menteri Besar akan menjawab. Jadi manifesto Pakatan Rakyat tetapi sebenarnya sebelum ini belum ada Pakatan Rakyat tetapi konsepnya ialah Negara atau pun negeri berkebajikan dan Kerajaan Negeri Selangor tengah asaskan konsep itu mengeluarkan idea merakyatkan ekonomi Selangor MES. Saya juga ingin bertanya kepada rakan-rakan di Barisan Nasional apa yang pernah dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu apa yang telah dibawa ada. Sebenarnya ada iaitu MESS Kerajaan Negeri Selangor di bawah Barisan Nasional MESS . Itulah MESS Barisan Nasional Jadi perbezaan antara Barisan Nasional adalah sangat ketara. Kalau di dalam Pakatan Rakyat kita menghadapi masalah kita kan manusia, kita tidak sempurna, kita bukan *perfect*, kalau kita menghadapi masalah kita bincang betul tak. Kita bermuafakat, kita mencari satu jalan penyelesaian di mana-mana sahaja kita membuat macam itu di Selangor di Sarawak dan sebagainya. Tetapi di dalam Barisan Nasional apabila MCA menghadapi masalah tadi dengan masalah isu loteri dan juga saya nampak UMNO semua duduk diam-diam. Saya ingin pula bertanya sebenarnya dalam ucapan saya, biar saya habiskan soalan saya dahulu. Saya pula ingin bertanya sebenarnya

TUAN SPEAKER : Nanti dululah, tunggu dulu bukan tak bagi, tunggu tak boleh ke. Sabarlah. Orang dah cakap tunggu dulu sekejap tidak boleh nak cakap juga. Ikut peraturan bukan kita tidak bagi berdiri tidak boleh ke. Berat ke badan janganlah bagi tertiblah kita bagi semua orang tunggu. Dah bagi signal dah.

YB TUAN WONG KOON MUN : Maaf Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sila Kampung Tuanku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin juga bertanya adakah Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baharu dan rakan-rakan saya dari Barisan Nasional juga sedar bahawa Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Kelantan yang berasal dari UMNO pernah mengatakan bahawa Kerajaan Kelantan tidak jujur, tidak ikhlas dengan dasar mereka. Malahan mereka kata kalau nak ben kalau nak haram, haramkan semua, jadi adakah ini dasar yang akan disokong oleh MCA dan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain. Jadi inilah begitu bercelaru fikiran mereka. Tetapi Tuan Speaker saya ingin berkata kita tidak harus menggunakan forum ini untuk mempolitikkan isu-isu yang tidak berkaitan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Yang penting ialah Barisan Nasional hanya tolong rakyat apabila sampai PIU atau pun Pilihanraya Umum atau pilihanraya kecil tetapi kalau di Pakatan Rakyat dasar yang kita laksana bermula dari hari pertama menjadi Kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat. Cuba tunjukkan mana satu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini bukan berdasarkan rakyat, bukan berasaskan rakyat. Jadi itu sebablah saya Tanya tadi persoalan dia. Apakah salahnya kalau kerajaan mendapat untung mendapat hasil malahan semangkin meningkat dari tahun ke tahun kita melancarkannya kepada rakyat. Ini adalah perbezaan antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Jadi Tuan Speaker sebenar Ketua Pembangkang tidak perlu ambil kredit, Ketua Pembangkang membangkitkan isu-isu, dan permasalahan yang berlaku di Kerajaan Negeri Selangor, di syarikat-syarikat berkenaan dengan Kerajaan Negeri Selangor, di OCG dan sebagainya. Saya ingin berkata dan saya ingin bertanya kenapa isu-isu ini memberi maklumat itu tidak memberi maklumat kepada Barisan Nasional. Kenapa orang yang memberi maklumat itu mereka lebih mempercayai ADUN-ADUN dari Pakatan Rakyat.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sila duduk sebentar.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan mesyuarat ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung sehingga jam enam petang bagi meneruskan urusan dewan. Saya dengan ini mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan sebelas dan peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan ini pada hari ini sehingga enam petang.

YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Tuan Speaker saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Dipersilakan Kampung Tuanku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Jadi untuk persoalan saya mengapa contohnya permasalahan yang berlaku di PKNS ianya tidak dipunggahkan oleh Barisan Nasional. Malahan oleh Ketua Pembangkang sendiri bukan mantan Menteri Besar yang lalu tetapi oleh Yang Berhormat Hulu Kelang ADUN Pakatan Rakyat. Mengapa perkara ini boleh berlaku kerana kepercayaan mereka terhadap Barisan Nasional sudah tidak ada dan mereka percaya kita sebagai ADUN sebagai *Back Bancher* di Dewan yang mulia ini mampu melakukan sesuatu kerana apabila isu dan masalah yang kita bawa ke Dewan yang mulia ini kita bawa kepada EXCO dan kita akan pastikan masalah ini diselesaikan. Ini adalah perbezaan antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga mengatakan bahawa banyak janji manifesto yang belum diselesaikan, dikotakan dan saya akan menjawab soalan ini. Yang pertama jawapan ini pernah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali sudah. Janji yang dibawa oleh Pakatan Rakyat hanya boleh dilaksanakan apabila Pakatan Rakyat memegang Kerajaan Pusat. Itu yang pertama, yang kedua kenapa Yang Berhormat Seri Serdang dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dari Barisan Nasional.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku benarkan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya. Silakan.

TUAN SPEAKER : Ok benarkan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS : Saya ingin bertanya boleh bagi faktanya dalam masa kempen pilihan raya kata kalau Kerajaan di peringkat persekutuan diambil alih oleh Pakatan Rakyat baru nak dilaksanakan ini sebab sepanjang ingatan saya dalam kempen-kempen pilihanraya 2008 tak pernah pun disebutkan sedemikian.

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat Sungai Burong sebenarnya Pakatan Rakyat tidak ujud untuk tahun 2008, jadi kalaulah Yang Berhormat ingin tahu sangat apa yang kita lakukan manifesto kita saya mengajak Yang Berhormat Sungai Burong untuk meneliti Buku Jingga tetapi malangnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak mengiktirafnya tetapi apa pun sekali Buku Jingga ini bukan untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional kerana kalau saya jelaskan dari perkataan yang pertama sampai terakhir pun tidak akan faham. Yang Berhormat apa yang saya ingin bangkitkanlah banyak perkara yang telah kita lakukan walaupun kita tidak janji dalam manifesto dahulu kenapa pula Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak membangkitkannya. Adakah ini secara selektif. Ya silakan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS : Saya Tanya tadi tidak jawab pun soalan saya. Itu masalahnya kalau dulu ada janji nyatakan tetapi tidak ada beri jawapan itu kalau ada, kalau tidak ada jawab tidaklah. Itu sahaja.

YB TUAN LAU WENG SAN : Bukan saya tidak bagi jawapan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS : Jadi nampaklah janganlah kita bohong di sini.

YB TUAN LAU WENG SAN : Itu terlalu banyak di sini apa yang kita janji. Ini apa yang kita janji saya tidak perlu mengulanginya kerana ianya terlampau banyak. Itu sebab saya kata kalau Yang Berhormat berminat saya mengajak Yang Berhormat untuk meneliti apa yang ada di sini. Jadi saya minta saya jawab soalan itu. Tak apa tak apa dah jawab kalau kita bahas di luar dewan. Ataupun saudara boleh mengambil. Ada soalan. Silakan.

YB TUAN YAP EE WAH : Ya terima kasih Kampung Tuanku Saya hairan dengar apa yang Kampung Tunku cerita pasal kena masuk ke Putrajaya baru kita boleh lakukan segala janji atau manifesto yang diterakan dalam pilihan raya Umum yang ke dua belas. Tak ada orang paksa Kerajaan Pakatan Rakyat semasa menghadapi pilihan raya Umum yang kedua belas tetapi yang di cakap itu apa yang di janji itu selepas pilihan raya kena dilaksanakan sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan bukan di sini cakap kita boleh dilaksanakan dengan berjayanya kalau kita berjaya menjadi Kerajaan Persekutuan. Satu lagi janji nak tipu rakyat. Bagi saya ini tak wajar, bagi sayalah. Jadi tidak ada orang paksa kepada Kampung Tunku. Kita tak ada janji, kita buat seberapa banyak yang kita boleh jadi kita lakukan. Sama juga yang dikatakan oleh Kampung Tunku manusia semua. Soalan saya kita tak ada janji, jadi soalan saya tidak ada janji. Yang Pakatan Rakyat janji manifestokan perlu dilakukan betul tak.

YB TUAN LAU WENG SAN : Soalannya.

YB TUAN YAP EE WAH : Soalan saya semasa Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor ini patut dilakukan itu janji.

YB TUAN LAU WENG SAN : Itu kenyataan kamu, itu bukan soalan. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat untuk bertanya. Saya bertanya apakah soalan Yang Berhormat. *What is your question?*

YB TUAN YAP EE WAH : Saya punya soalan manifesto yang dijanjikan itu perlu dilakukan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Kampung Tunku minta soalan tetapi Sungai Pelek tidak bagi soalan, dia Tanya soalan, jangan buat kenyataan, soalan, Silakan Kampung Tuanku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya sudah bersedia dengan jawapannya tetapi apa yang ditanya tidak spesifik kerana dia tidak merujuk kepada apa janjinya, apakah bentuk janji yang dijanjikan. Saya rasa soalan ini saya akan jawab lepas saya rasa perlu kembali kepada isi kandungan utama ucapan saya. Saya tidak mahu memberi laluan lagi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, dia tak bagi laluan, duduklah.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jangan bimbang saya akan masuk juga tadi Yang Berhormat Sungai Pelek menanyakan soalan, dia Tanya janji, tetapi janji apa saya tidak tahu. Walau macam mana pun saya akan letakkan KIV soalan ini dulu bila Yang Berhormat Sungai Pelek sudah fikir apakah bentuk janji saya akan beritahu. Tetapi ucapan saya panjang tidak ingin membazirkan masa saya yang begitu berharga untuk berbahas dalam perkara-perkara yang saya perlu sampaikan terlebih dahulu. Saya janji kalau Yang Berhormat ada, saya akan beri jawapan. Ya Terima kasih yang pertama sekali Tuan Speaker ialah saya ingin berbincang tentang isu tanah dan cukai tanah Kerajaan Negeri kalau mengikut ucapan Titah Ucapan oleh Tuanku semalam telah mencatat peningkatan hasil cukai dan urus niaga tanah yang meningkat iaitu daripada kadar tujuh puluh lima peratus kepada lapan puluh peratus daripada keseluruhan hasil negeri dan apa yang saya ingin sarankan di sini kita menggunakan wang itu untuk pembangunan dan pembaikan penduduk-penduduk di luar Bandar sama ada Kampung Tradisi, Kampung Baru dan Kampung Bagan ataupun Estet dan ini adalah satu amat penting kerana saya telah menjadi, saya telah melihat keadaan-keadaan di luar Bandar saya mendapati keseluruhannya infrastruktur dan kemudahan yang berada di luar Bandar masih perlu dipertingkatkan antara satu perkara yang perlu dipertingkatkan diberi tumpuan khusus adalah perkhidmatan WiFi dan juga Internet. Yang ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan tadi dan saya menyokong cadangan daripada Sekinchan bahawa kawasan-

kawasan luar Bandar ini kita perlu memasang kalau boleh memasang WiFi percuma kepada anak-anak yang memerlukannya dalam pelajaran mereka. Dan ini juga sangat penting saya masih ingat dan saya ingin bertanya apakah yang telah berlaku kepada projek Hiwin yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan ataupun telah dimulakan oleh kerajaan beberapa tahun yang lalu kerana sehingga sekarang ini belum nampak apa-apa kesan atau pun impak projek ini dan saya berharap amat berharap supaya projek ini boleh diperluaskan di kawasan luar Bandar supaya anak-anak kita, anak-anak kepada Nelayan, anak-anak kepada Petani boleh manfaat Kerajaan perlu memperkuatkan *message* kerajaan kepada rakyat termasuk mengedarkan DVD percuma kepada penduduk di luar Bandar supaya mereka faham dan tau program merakyatkan ekonomi Selangor. Bukan MES Barisan Nasional ya. MES Kerajaan Selangor perlu diberi fahaman kepada penduduk luar Bandar. Dan saya ingin meminta kerajaan dalam apa juga peruntukan khususnya peruntukan pendidikan seperti peruntukan tetap sebanyak 14 juta ringgit setahun kepada SJKC, SJKT dan SAR di seluruh Selangor ini ia harus diberi kepada sekolah yang memerlukan. Khususnya sekolah di kawasan luar bandar kerana mengikut pengetahuan saya kalau sekolah-sekolah ini ingin meminta derma kepada orang ramai biasanya sekolah di luar bandar lebih mudah untuk mendapat derma. Kalau dibandingkan dengan sekolah luar bandar dia susah sikit jadi oleh itu saya minta supaya kerajaan memberi fokus lebih kepada kawasan-kawasan luar bandar khususnya Sekinchan, Sungai Air Tawar, Hulu Selangor, Hulu Langat dan sebagainya. Saya juga ingin meminta kerajaan supaya peruntukan ini sebanyak 14juta setahun kalau boleh memandangkan kutipan cukai dan hasil kita bertambah kita gunakan sebaik-baiknya. Kita pertingkatkan kalau boleh. Kalau sekarang 16juta setiap tahun kalau boleh tahun depan 2012 kita naikkan ia kepada 17juta atau 18juta. Apa salahnya. Ini adalah wang kerajaan. Kita tidak perlu simpan wang yang banyak dalam bank. Tapi ira perlu dibelanjakan untuk kepentingan rakyat. Dan apabila kerajaan dapat berbelanja dengan berhemah dan orang ramai nampak kerajaan menggunakan cukai dan hasil wang yang dikutip ini untuk kebaikan rakyat mereka akan segan meminta potongan cukai. Saya ada seorang kawan di Pulau Pinang yang mengatakan kalau saya kena saman, saya kena bayar cukai pintu, cukai tanah dan sebagainya saya segan nak minta potongan kepada kerajaan kerana kerajaan belanja wang ini untuk rakyat. Tak macam kerajaan dahulu. Kerajaan dahulu belanja wang ini untuk poket sendiri. Tapi kalau rakyat tahu wang ini untuk rakyat mereka akan kata potongan ini tidak diperlukan. Dan ia akan dibayar. Malah saman pun mereka akan bayar dengan cepat supaya wang ini boleh digunakan oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat. Jadi itulah yang saya nak sampaikan untuk hasil cukai.

Berkenaan dengan bank tata tanah, Tuanku semalam juga ada menyebut perkara ini dalam ucapannya. Saya berpendapat bahawa kita tidak perlu dan tidak boleh berangan-angan bahawa masalah tanah di Selangor dapat diselesaikan hanya dengan penubuhan bank tata tanah sahaja. Malah banyak perkara yang perlu dilakukan. Yang pertama sekali saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya satu mesyuarat atau jawatankuasa yang mirip kepada Jawatankuasa Pusat Seheni atau OSC di PBT di wujudkan diperingkat Pejabat Tanah dan Daerah kerana ini perlu khususnya untuk menguruskan urusan tanah yang dibangkitkan oleh wakil rakyat. Dan buat waktu sekarang apa yang berlaku ialah Mesyuarat Tindakan Daerah yang diadakan sebulan sekali ini adalah sesuatu mesyuarat yang panjang. Saya lihat ia terlalu panjang dan melibatkan banyak agensi-agensi kerajaan. Jadi cadangan saya adalah jawatankuasa ini diwujudkan. Satu jawatankuasa yang khusus diwujudkan untuk menguruskan komplek atau hal ehwal tanah. Ini akan membolehkan wakil rakyat mengikuti isu-isu tanah yang berlaku di kawasannya. Yang kedua, menangani masalah-masalah premium yang dihadapi oleh rakyat di kawasannya. Yang ketiga, menangani permohonan pertukaran status guna tanah atau isu pemutihan kilang-kilang haram di kawasannya. Malahan banyak perkara dan peranan yang boleh dimainkan oleh wakil rakyat dalam jawatankuasa ini. Saya faham terdapat mereka yang khuatir bahawa mungkin terdapat wakil rakyat Pakatan Rakyat yang akan

menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan tanah untuk beliau atau ahli keluarganya tapi kita juga tidak boleh harus bahawa kerajaan Pakatan Rakyat sejak dari awal lagi telah menetapkan bahawa wakil rakyat Pakatan Rakyat bersama-sama dengan ahli keluarganya tidak boleh mendapat walau sebidang tanah pun daripada kerajaan. Jadi kita pesan kepada pedoman ini sebarang wakil rakyat kalau menyalah gunakan kuasanya untuk mendapat tanah daripada kerajaan kita mengambil tindakan daripada mereka. Jadi kita pegang kepada pedoman ini jawatankuasa yang menguruskan hal ehwal tanah ini perlu diwujudkan supaya peranan wakil rakyat boleh dimainkan dengan bagus. Saya juga ingin membangkitkan isu pembaharuan bandar dan ia perlu disemarakkannya lagi dan salah satu isu yang saya ingin bangkitkan ialah cadangan PJ Elevated City di kawasan Petaling Jaya. Saya difahamkan bahawa PJ Elevated City ini akan melibatkan pembinaan asrama yang besar untuk pekerja-pekerja asing di sekitar kawasan industri bebas Sungai Way atau pun Sungai Way Free Industry Zone. Saya mengalu-alukan cadangan ini tetapi sehingga sekarang butiran-butiran terhadap projek ini masih belum disampaikan kepada semua orang khususnya ADUN dan saya sebagai ADUN dari kawasan Kampung Tunku saya prihatin terhadap projek ini kerana ia bersangkut paut dengan masalah-masalah sosial dan pembangunan yang dihadapi oleh Kampung Baru Sungai Way. Apa pun Kampung Baru Seri Setia yang menempatkan kira-kira 14ribu pekerja asing dan 200 buah rumah yang telah ditukar syarat guna bangunan kepada asrama dan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung baru semakin runcing kerana kebanyakan pekerja-pekerja kilang yang bekerja di kawasan industri bebas Sungai Way ini menetap di kawasan kampung baru. Ini mendatangkan banyak masalah sosial dan masalah pembangunan yang terpaksa dihadapi setiap hari oleh penduduk kampung khususnya masalah sampah. Jadi saya berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana mengambil inisiatif untuk menangani masalah ini tetapi pada masa yang sama saya minta kerajaan juga mengumumkan seberapa banyak yang boleh butiran-butirannya supaya rakyat tahu tentang perkara ini. Seterusnya saya juga mengalu-alukan keputusan atau dasar terbaru kerajaan yang akan memperuntukkan 2juta ringgit dan ini mungkin pembangkang akan mempersoalkan kenapa kita bayar 2juta ringgit ini kita alami defisit. Ini 2juta ringgit ini adalah untuk membantu membiayai kos penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah di seluruh Selangor dan cara pembayarannya ialah 50% akan ditanggung oleh kerajaan sementara yang selebihnya akan dibiayai oleh penduduk sendiri melalui kutipan kos penyelenggaraan yang dibayar setiap bulan kepada MC atau JMB. Saya berpendapat ini adalah satu inisiatif yang bagus di mana sebelum ini Barisan Nasional tidak pernah fikir macam mana nak membantu penduduk rumah pangsa kos rendah untuk menyelesaikan masalah mereka. Saya ingin mencadangkan satu perkara di mana pemerhatian saya ialah harga jualan rumah ini perlu di selaras dari semasa ke semasa mengikut peningkatan kualiti maknanya kualiti perlu dipertingkatkan dan ia perlu diselaras mengikut harganya. Bagi tujuan penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah ini saya mencadangkan supaya pembeli rumah dikenakan satu caj tambahan mengikut keluasan unit rumah dibeli bagi tujuan penyelenggaraan bangunan. Dan apabila caj tambahan ini dijadikan sebahagian daripada harga jualan yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli setelah wang ini diterima oleh pemaju wang ini perlu disimpan dalam satu tabung yang diuruskan oleh kerajaan negeri. Dengan itu penduduk rumah kos rendah tidak perlu membayar kos *maintenance* atau pun *sinking fund* setiap bulan. Dengan adanya caj tambahan ini mereka tidak perlu bayar setiap bulan *maintenance* dan juga *sinking fund*. Ini adalah kerana masalah yang kita lihat sekarang ini adalah kebanyakan penduduk rumah kos rendah ini tidak membayar secara tetap kedua-dua perbelanjaan ini contohnya kalau ikut apa yang saya kira ialah hanya lebih kurang 20% sahaja daripada penduduk rumah kos rendah yang membayar dua-dua caj penyelenggaraan dan *sinking fund* ini dan ini merupakan sebab utama keadaan rumah pangsa kos rendah tidak dapat di selenggara dengan baik. Ini merupakan mengapa pada permulaannya kerana tidak ada satu penyelenggaraan yang begitu baik menyebabkan masalah ini bertambah rumit dan runcing sehingga tidak dapat diselesaikan. Kerajaan negeri dalam kes ini banyak mengeluarkan wang untuk membantu penduduk kos

rendah. Tetapi ini hanya akan menyelesaikan masalah dalam jangka waktu pendek tapi kalau hendak menyelesaikan masalah ini untuk jangka waktu panjang kita perlu melakukan sesuatu dan inilah cadangan daripada saya dan saya minta supaya kerajaan negeri boleh mempertimbangkan cadangan ini. Contohnya kalau seorang pembeli rumah kos rendah dia perlu bayar RM80 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan *sinking fund* maka jumlah yang perlu dibayar adalah RM960 setahun. Kalau ia dibina atas tanah pajakan sementara 99 tahun atau *lease hold* maka jumlah yang perlu dibayar dalam masa 99 tahun ini adalah sebanyak RM95,000. Andaikan *maintenance* RM80 itu tidak berubah. Jadi kalau caj tambahan ini dikira dengan mengikut satu *sign accurate* yang begitu jitu supaya ia tidak menjadi satu beban tambahan kepada penduduk. Ia perlu dikira betul-betul dan ditambah dalam perjanjian jual beli supaya ia boleh diurus oleh kerajaan negeri atau agensi kerajaan negeri dan tabung ini akan digunakan oleh kerajaan negeri untuk menyelenggara semua rumah kos rendah di seluruh negeri Selangor dan oleh sebab penyelenggaraan ini dilakukan oleh negeri Selangor maka kita akan ada *economic of scale* dan *house maintenance* juga pelantikan kontraktor itu boleh dilakukan dengan kos yang jauh begitu rendah. Dan ini adalah konsep secara awal apa yang saya ingin cadangkan kepada EXCO saya berharap ia boleh dikaji dengan teliti sebagai satu permulaan untuk menjaga kebajikan penduduk-penduduk rumah kos rendah. Ini adalah sebagai satu tambahan kepada kupon air yang telah dijalankan sebelum ini oleh kerajaan negeri. Saya juga ingin menyebut sedikit tentang kerajaan tempatan dan baru-baru ini MPSJ telah memulakan satu inisiatif yang baik dengan membenarkan penggunaan kaki lima untuk meletakkan kerusi dan meja untuk restoran pada masa-masa tertentu. Kaki lima ini adalah satu ciri-ciri yang terdapat di negara-negara jajahan British di Asia Tenggara khususnya di Malaysia dan Singapura. Di Malaysia ia dimulakan oleh Sir Frank Swettenham semasa menjadi *Resident General British* di Selangor. Bila dia mendapati keadaan kedai yang dibina di Kuala Lumpur pada masa itu berselerak dan kotor sehingga menyebabkan penyakit. Justeru itu konsep kaki lima telah dimulakan di mana tempat selebar 5 kaki perlu disediakan semasa membina rumah kedai dan ia perlu bebas dari sebarang bentuk halangan untuk kemudahan pejalan-pejalan kaki. Oleh itu saya rasa ini adalah satu dasar yang dimulakan oleh British lebih 100 tahun dahulu dan adalah wajar peraturan lama ini dinilai semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Jadi apa yang dizahirkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya ini perlulah dijadikan sebagai satu contoh yang baik kepada PBT yang lain sebagaimana kita boleh mengambil inisiatif dari segi dasar untuk membantu peniaga kecil dan sederhana. Tapi kekurangannya ialah kadang kala dasar seperti ini tidak dapat dilaksanakan di seluruh negeri Selangor dan hanya beberapa PBT sahaja yang dapat melaksanakannya. Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya setiap dasar-dasar baik setiap PBT ini dikongsi dan dilaksanakan di setiap PBT. Bagi memastikan kebaikan dasar ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Selangor contohnya pelaksanaan *e-submission* untuk semua plan dan dokumen kepada OSC dilaksanakan oleh MPSJ pada permulaannya. Pelaksanaan tempat letak kereta bertingkat oleh MPPJ dan sebagainya. Ada banyak cara atau dasar baik yang dilakukan PBT ini tetapi ia tidak diperluaskan. Dan adalah amat jelas bahawa PBT di Selangor ini setiap satu mempunyai kelebihan dan ciri-ciri yang tersendiri. Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mengadakan satu forum PBT yang melibatkan semua aspek PBT supaya mereka dapat menukar fikiran, bertukar-tukar idea dan berfikir *outside the box* dengan izin. Kerajaan juga boleh menjemput wakil PBT di luar Selangor malahan di luar Malaysia untuk menghadiri forum ini. Dan semua pegawai tinggi dalam PBT, semua ahli majlis malahan ADUN sendiri boleh mempunyai peluang untuk mengetahui apa yang berlaku di dunia luar. Kebaikannya adalah kita boleh menjimatkan wang, melawat sambil belajar ke luar negara dan belajar dari mereka yang lebih maju dari kita dalam hanya satu forum sahaja. Dalam satu pentas kita boleh kenal walaupun PBT juga perlu diberi kebebasan untuk mengadakan lawatan mereka jikalau ia betul-betul memerlukan dan kewangan PBT mengizinkan tapi saya rasa kalau

kita ada forum ini maka banyak idea atau perkara yang boleh kita lakukan untuk melonjak PBT Selangor ke persada dunia.

Tuan Speaker saya juga bersyukur kerana lawan Ahli Majlis di Selangor telah diselaraskan sekali lagi mengikut kawasan kerana ini sudah pasti akan meringankan beban Ahli Majlis dan mengurangkan kejadian rasuah. Walaupun begitu pilihan raya Ahli Majlis tidak boleh dilalaikan sama sekali. Saya sekali lagi menyeru kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk sama-sama duduk dan berbincang bagaimana pilihan raya kerajaan tempatan boleh dilaksanakan dalam masa terdekat dan jangan kita biarkan cogan kata 'Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan' sebagai kata-kata kosong sahaja. Kalau hak asasi rakyat untuk memilih Ahli Majlis untuk memilih wakil mereka dalam kerajaan tempatan pun tidak dihormati oleh mereka yang menetapkan undang-undang di Parlimen maka saya rasa ini adalah cogan kata kosong sahaja. Kerajaan Persekutuan perlu mengadakan satu pendirian dan mereka perlu memberitahu rakyat adakah mereka betul-betul mendahulukan rakyat. Adakah mereka bersedia untuk melonggarkan undang-undang yang sedia ada dan membenarkan pilihan raya kerajaan tempatan. Adakah kerajaan persekutuan berhasrat untuk memulihkan akta pilihan raya kerajaan tempatan tahun 1960. Di manakah keikhlasan daripada kerajaan persekutuan. Ini adalah persoalan yang perlu kita ambil oleh kerajaan Pakatan Rakyat

Negeri Selangor . Sekarang sudah sampai masanya untuk kita berjuang untuk rakyat dan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya bersetuju untuk mengadakan pilihan raya Kerajaan Tempatan ini. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak boleh duduk diam-diam lagi dalam hal ini sehingga menganggap , sehingga rakyat menganggap kerajaan negeri tidak mengusahakan pemulihan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Tuan Speaker saya juga ingin menyebut tentang Rang Undang-Undang Enakmen Kebebasan Maklumat yang telah dibawa ke dewan yang mulia ini pada tahun 2010 dan sebuah jawatankuasa pilihan telah ditubuhkan pada tahun lalu untuk meneliti isi kandungan yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini. Saya berpendapat Rang Undang-Undang ini perlu disokong dan cadangan daripada pilihan, jawatankuasa pilihan itu juga perlu disokong kerana ia adalah berbentuk, ia adalah untuk membantu supaya Rang Undang-Undang atau Enakmen Kebebasan Maklumat ini apabila diluluskan menjadi satu enakmen yang lengkap dan sejajar, seiring dengan semangat , aa...'*freedom of information*' yang *dipraktise* di negara-negara yang lain di dunia ini. Tuan Speaker saya juga ingin membangkit sedikit sebanyak tentang sebuah syarikat GLC iaitu PKNS . Saya telah menerima maklumat bahawa terdapat salah seorang pegawai kanan dalam salah sebuah, dalam PKNS yang juga merupakan pemilik kepada sebuah syarikat swasta yang bernama SJ Pest Control Consodium. Pada masa sekarang syarikat ini masih berkhidmat dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya ataupun MPSJ. Apa yang saya dapati daripada laman web MPSJ ialah , ia telah memaparkan bahawa pemilik ataupun orang yang terlibat dalam syarikat ini masih merupakan seorang pegawai tinggi dalam PKNS. Nama saya rasa tidak perlu disebut tetapi syarikat yang dinyatakan ialah SJ Pest Control Consodium. Saya kurang pasti dan saya minta kerajaan untuk semak dan siasat sama ada kod etika pegawai kanan PKNS membenarkan perkara ini berlaku kerana ia nya sedikit sebanyak telah menimbulkan kesangsian terhadap integriti pegawai berkenaan apabila mengapa, apabila persoalan tertumpu bagaimana beliau memegang kepentingan komersial di luar sedangkan beliau merupakan pegawai kanan di dalam PKNS. Dan saya pernah membangkitkan isu pembelian kontrak kawalan makhluk perosak kepada sebuah syarikat baru yang bernama SJ Consodium oleh MPSJ pada tahun 2006 di mana pada masa itu syarikat ini telah dibeli kontrak monopoli iaitu semua pembaharuan, semua syarikat ataupun kedai yang perlu membaharui lesen mereka dengan MPSJ mereka perlu menjalankan , menjalankan kontrak ataupun kawalan makhluk perosak dengan syarikat ini. Arahan MPSJ pada masa ini, walaupun telah menetapkan supaya kontrak ataupun kerja kawalan makhluk perosak ini dibuka pada semua tetapi apa yang saya rasa ia nya tidak harus berlaku apabila

syarikat yang masih terlibat dengan kontrak MPSJ iaitu SJ Pest Control Consodium ini bosnya ataupun orang yang di belakang syarikat ini merupakan seorang pegawai kanan kerajaan negeri . Saya perlu, walaupun ini merupakan cerita lama tetapi saya rasa, ini perlu diteliti. Salah satu fenomena yang saya perhatikan semasa menjadi Ahli Jawatankuasa ABBAS ialah saya mendapati dalam PKNS pegawai kerajaan ataupun pegawai tinggi PKNS mengambil terlalu banyak jawatan dalam GLC. Contohnya dalam PKNS pengurus besarnya ialah A, encik A, tetapi pengurus besar ini juga menyandang jawatan dalam anak-anak syarikat yang dipegang oleh PKNS. Saya berpendapat sistem ini perlu disemak kerana ini telah menyebabkan kekurangan 'check and balance' di mana seseorang itu sebenarnya tidak boleh, menyemak prestasi dan urus tadbir anak syarikat jika dia sendiri yang memegang jawatan tinggi di dalam GLC dan pada masa yang sama dia sendiri juga merupakan pengarah pada anak syarikat ini. Kalau macam itu bagaimana kah anak syarikat itu boleh mereport ataupun melaporkan prestasi anak syarikat itu kepada ibu syarikat itu. Jadi ini adalah satu perkara yang perlu disiasat oleh kerajaan negeri. Yang kedua juga mengenai dengan PKNS, saya ingin, saya mendapat informasi ini dan saya meminta kerajaan negeri untuk menyiasat sama ada ini benar atau tidak iaitu pada 28 Julai 2010 PKNS telah melalui mesyuarat pengurusan PKNS yang ke 19 pada tahun berkenaan melantik Tetuan People Source Sdn Bhd untuk mengurus *telemarketing* PKNS dengan harga 1.3juta ringgit bagi tempoh satu tahun tetapi dalam mesyuarat sebut harga pada 17 Ogos 2010, PKNS pula melantik tiga (3) syarikat yang lain untuk menjalankan *telemarketing* dengan harga kali ini bertambah iaitu 2.6 juta ringgit bagi tahun, 2 tahun dan ini telah menimbulkan kesangsian di mana mengapakah pelantikan asal bagi satu tahun ini dipanjangkan kepada 2 tahun dan mengapakah jumlah yang melibatkan, jumlah yang terlibat ini melonjak daripada 1.3juta ringgit kepada 2.7 juta ringgit. Jadi bagi mengelakkan perkara ini dibangkitkan ke Tender Committee, job tersebut telah dipecah kecilkan kepada 3. Setiap satu telah dikurangkan sehingga kurang daripada 500ribu ringgit tapi untuk memastikan bahawa mereka mendapat kerja yang lebih daripada 500ribu ringgit mereka , ini telah disengajakan supaya kontrak itu dipanjangkan daripada 1 tahun ke 2 tahun. Jadi ini perlu disiasat , adakah ini benar ataupun tidak. Adakah kontrak yang dikurniakan kepada Tetuan People Source sebanyak 1.3juta ringgit bagi tempoh satu tahun diberi kepada 3 buah syarikat yang saling berkaitan dan kontraknya dipanjangkan ke-2 tahun dan nilainya pun dipanjangkan sesekali ganda lagi. Saya juga ingin meminta kerajaan negeri memberi perhatian terhadap beberapa perkara yang berlaku di DUN Kuala Kubu Baru kerana saya merupakan ADUN angkat kepada kawasan ini. Pertama sekali ialah apa , ialah sesuatu yang sering kali dibangkitkan oleh Ahli Majlis Hulu Selangor iaitu peruntukan untuk penyelenggaraan jalan iaitu Majlis. Setiap tahun Majlis Daerah Hulu Selangor hanya diberi 5juta ringgit untuk menyelenggarakan segala jalan, longkang dan juga lampu jalan di kawasan pentadbiran MDHS. Tapi saya difahamkan ini tidak mencukupi dan sejajar dengan apa yang saya sampaikan tadi, iaitu kerajaan negeri harus memberi perhatian kepada kawasan luar bandar dan saya meminta supaya pada tahun yang akan datang, peruntukan ini boleh dinaikkan sekurang-kurangnya 7.5juta ringgit. Saya juga meminta bahawa kerajaan negeri supaya mempercepatkan permohonan program rumah prihatin rakyat yang telah dikemukakan kepada kerajaan negeri daripada DUN Kuala Kubu Baharu supaya ia nya dapat dipercepatkan dan saya juga menyeru supaya EXCO yang bertanggungjawab terhadap kampung tradisi supaya turun ke padang dengan lebih cepat. Saya telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan JKKK kampung tradisi di Kawasan DUN Kuala Kubu Baru dan saya mendapati terdapat banyak perkara ataupun masalah-masalah infrastruktur yang lebih, yang sangat kritikal dan perlu dilaksanakan dan saya meminta perhatian daripada EXCO berkenaan , berkenaan dengan infrastruktur di DUN Kuala Kubu Baru , saya berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana di bawah EXCO berkenaan, jalan dari Lembah Beringin ke Pekan Kerling telah dinaiktaraf dan ini dilakukan oleh JKR Selangor di bawah peruntukan kerajaan negeri Selangor kalau saya tak silap . Dan ini adalah sesuatu yang disambut dengan baik oleh penduduk-penduduk kampung

tapi apa yang penting ialah isu ini atau pun berita ini perlu disampaikan kepada penduduk kampung kerana saya difahamkan oleh kerana ada terdapat manipulasi-manipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, berita ini tidak disampaikan keluar, malahan ada *blog*, ada orang yang cuba menghalang berita ini daripada diterbitkan di surat khabar. Saya berharap isu ini tidak berlaku lagi dan saya berharap supaya EXCO yang berkenaan supaya mempergiatkan usaha-usaha untuk meningkatkan infrastruktur jalan, longkang, dan lampu di kawasan DUN Kuala Kubu Baru. Jadi itulah apa yang saya ingin sampaikan di sini. Saya mengundang rakan saya tadi, Sungai Pelek sudah hilang. Tadi saya minta dia.. kalau macam itu, itulah ucapan saya . Saya mengucapkan terima kasih pada Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Kuala Kubu Baru

YBTUAN WONG KOON MUN : Ya. Terima kasih. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera , salam satu Malaysia. Terima kasih kerana memberi peluang kepada Kuala Kubu Baru untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah , Sultan Negeri Selangor yang telah merasmikan pembukaan mesyuarat penggal ke empat hari ini. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Bukit Tunku selaku wakil rakyat angkat kepada DUN Kuala Kubu

YBTUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker. Minta penjelasan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Kampung Tunku. *Sorry*.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku bukan Bukit Tunku. Bukit Tunku di Kuala Lumpur ya.

YB TUAN WONG KOON MUN : Kerana telah bersama-sama memohon peruntukan walaupun daripada kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri untuk sama-sama membangunkan kawasan Kuala Kubu. Tuan Speaker, salah satu organisasi yang sangat penting dan kerap kali mendapat perhatian dan titah nasihat daripada Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan ialah pihak berkuasa tempatan (PBT), ataupun Kerajaan Tempatan seperti mana Baginda Tuanku . Kami ADUN BN amat prihatin , dengan perkembangan tadbir urus dan peringkat Pihak Berkuasa Tempatan PBT ini kerana hampir 90% daripada rakyat dan negeri Selangor terletak dalam kawasan bandar dan di tadbir urus oleh PBT. Justeru peranan dan tindakan PBT mestilah menjalankan dengan lancar dan baik demi memastikan kualiti hidup rakyat , rakyat di kawasan PBT tersebut terpelihara. Kita seharusnya faham bahawa fungsi utama PBT iaitu menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan bagi kesejahteraan, kebajikan dan kualiti hidup rakyat yang baik di kawasan pentadbiran mereka dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Perkara-perkara ini penting untuk perbahasan , perbahasan agar fungsi PBT sentiasa dimantapkan dari masa ke semasa. Tuan Speaker, pertama saya hendak sentuh berkenaan soal pelantikan Yang Dipertua, ataupun Datuk Bandar baru bagi menggantikan yang sudah bersara ataupun ditukarkan . Nampaknya saya lihat kerajaan negeri amat tidak cekap dalam urusan pelantikan ke jawatan-jawatan utama di pelbagai peringkat dalam jentera pentadbiran negeri Selangor. Pada bulan Disember dahulu kita berhadapan dengan kemelut yang sengaja diadakan apabila pelantikan Dato' Setiausaha Kerajaan yang baru, tidak direstui oleh Kerajaan Negeri khasnya Dato' Menteri Besar walaupun telah di perkenan oleh Baginda Duli Yang Amat Mulia Sultan Selangor, dilantik menurut aturan yang betul dan sah bersandarkan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Tubuh Negeri dan prosedur-prosedur lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Sehingga membawa cubaan untuk memindah undang-undang Tubuh Negeri dengan masuk kononnya untuk mengembalikan kuasa lantikan kepada DYMM Sultan Selangor tetapi sebenarnya tidak dan kuasa sebenarnya terletak pada Dato' Menteri Besar. Kuasa politik dilibatkan secara

langsung dalam hal pelantikan jawatan dalam kerajaan negeri yang seharusnya bebas dan profesional. Kini saya lihat perkara yang sama seolah-olah berulang dengan tertanggunya pelantikan beberapa Yang Dipertua Majlis Perbandaran, telah menamatkan perkhidmatannya pada tahun 2010 sehingga kini jawatan tersebut baru dilantik seperti jawapan telah diberikan di sesi pertanyaan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Saya difahamkan beberapa orang Yang Dipertua termasuk Datuk Bandar juga akan menamatkan perkhidmatan mereka dalam masa terdekat. Persoalannya mengapa proses pelantikan yang baru dilambatkan. Sepatutnya jawatan yang penting seperti Yang Dipertua diisi terus setelah orang lama berhenti, kita ada Bahagian Sumber Manusia dan Perjawatan di SUK dan sebahagian yang memantau tempoh perkhidmatan seseorang penjawat awam tersebut dalam kes seperti MPS, tempoh tamat YDP dahulu pada bulan November daripada Dato' SUK iaitu pada bulan Disember 2010 dan jawatan SUK terus diisi oleh Dato' Khusrin. Ini pentadbiran yang cekap daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Kerajaan Tempatan adalah organisasi penting di peringkat bandar, maka itu ia perlu diisi segera untuk mengelakkan ketempatan, ketempangan pentadbiran urusan perkhidmatan perbandaran yang semakin hari semakin banyak, kompleks, sukar dan mencabar. Kita ada masalah kebersihan dan sampah, keselamatan pembangunan, rumah urut dan sebagainya yang perlu ditangani secara konsisten dan tegas. Ataupun sebenarnya Kerajaan Negeri berura-ura hendak menggantikan Yang Dipertua atau Datuk Bandar yang bersara dengan Ahli Politik. Ini cakapan saya memang berasas kerana ada bukti surat daripada Tuanku kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kata ...

“Beta berkenan mencadangkan supaya jawatan Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis Perbandaran serta Majlis Daerah di Negeri Selangor dilantik daripada kalangan pegawai kerajaan yang kanan dan pentadbir yang berpengalaman supaya dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan dan berjaya. Sebagai pegawai kerajaan yang dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan yang dinyatakan mereka akan melaksanakan tugas-tugas mereka dengan penuh tanggungjawab, memudahkan perhubungan dengan agensi-agensi yang lain bagi melancarkan tugas-tugas pentadbiran majlis dan menjadi moderator, pemudah cara kepada Ahli-ahli Majlis yang banyaknya dilantik di kalangan ahli politik, profesional dan NGO. Ia juga menyentuh bahawa sekiranya jawatan-jawatan ini diisi oleh orang politik, mereka tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada tugas mentadbir Pihak Berkuasa Tempatan kerana mereka juga terpaksa menjaga keperluan penyokong dan pengundi-pengundi mereka. Begitu juga jawatan-jawatan ini diisi oleh golongan profesional, mereka mungkin kurang mahir mengenai peraturan dan prosedur yang ditetapkan dan akan mengganggu kejayaan profesional mereka. Di samping itu Beta khawatir situasi tersebut akan menimbulkan masalah kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat boleh membawa kepada ketidakadilan dalam pemberian kontrak dan sebagainya”.

Itu adalah titah daripada Tuanku. Kita sedia maklum, setelah cubaan untuk mengadakan pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan masih gagal. Apa yang dijanjikan di manifesto di PRU 12, dan setengah Ahli-ahli Majlis dari kalangan mereka yang Pro Pakatan Rakyat Pembangkang, masih tidak berpuas hati dengan suasana di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, maka strategik mengatakan Yang Dipertua ataupun Datuk Bandar yang selaras dengan aspirasi Pakatan Pembangkang. Jika ini benar, maka saya mewakili rakan-rakan Barisan Nasional yang lain menentang dan tidak bersetuju dengan cara tersebut. Ia benar suatunya Barisan Nasional dahulu ada tiga orang bekas YDP ataupun Datuk Bandar Bandaraya Shah Alam dari kalangan orang politik yang pernah dilantik ke jawatan tersebut. Namun berdasarkan maklumat balas keadaan tersebut telah diperbetulkan dan penjawat awam yang profesional telah dilantik. Walaupun begitu, mereka ketika yang dipilih juga bukanlah asing dan calang-calang calon dalam selok-belok pentadbir awam. Kesemua bekas-bekas penjawat awam sebelum masuk ke arena politik dengan pengalaman lebih 25 hingga 30 tahun dalam pentadbiran di sektor

kerajaan dan korporat. Mereka yang dipilih sewajarnya bebas daripada pengaruh politik, berpengalaman luas dalam pentadbiran awam dan profesional untuk memberi hala tadbir urus PBT dengan baik, efektif dan cekap.

Yang Dipertua ataupun Datuk Bandar yang bebas ini juga dapat mengimbangi peranan Majlis yang terdiri dari mereka yang Pro Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Majlis ini sibuk menjaga keperluan pengundi dan penyokong mereka dan ada di kalangan tidak memahami dan tidak mempedulikan prosedur dan aturan tadbir urus baik di PBT. Kita tidak mahu episod duka Yayasan Selangor berulang kerana melantik mereka yang tidak layak berdasarkan kecenderungan politik untuk mentadbir sebuah institusi yang penting. Lihat hari ini, Yayasan Selangor telah, Yayasan Selangor di audit rugi sehingga lebih RM7 juta. Apa akan jadi akan Kerajaan Tempatan, jika kita turut dipimpin oleh mereka yang tidak layak. Sekarang ini pun ada PBT yang tidak cukup kewangan dan akhirnya tidak mustahil boleh bankrap.

Upaya kewangan kedua, Tuan Speaker, saya nak sentuh berkenaan soal keupayaan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam konteks Selangor. Kita ada 12 PBT yang berbeza kekuatan mereka dari sudut kewangan, kakitangan dan sebagainya. Kita ada 2 PBT bertaraf bandar raya, iaitu Majlis Bandar raya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ), 6 yang bertaraf Perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Kelang (MPK), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp). Manakala 4 lagi berdaftar Majlis Daerah iaitu Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Misalnya kriteria kewangan Majlis Bandar raya di tetapkan hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta setahun, Majlis Perbandaran tidak kurang RM20 juta dan Majlis Daerah di bawah RM20 juta. Persoalannya kita ingin tahu bagaimana prestasi kewangan PBT dapat selarasnya dengan tuntutan untuk memastikan fungsi PBT bagi menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan kemudahan dapat dipenuhi dengan baik berdasarkan status dan keupayaan PBT yang berbeza-beza. Persoalan kriteria kewangan yang saya bangkitkan ini amat berkait rapat dengan isu cukai dan keupayaan menyediakan perkhidmatan sesebuah PBT. Kerana dalam pelaksanaan fungsi PBT memerlukan sumber kewangan yang kukuh ternyata kewangan dan pendapatan PBT adalah elemen penting di dalam pentadbir sebuah PBT. Tanpa sumber ini bagaimana mungkin PBT mahu bergerak menyediakan dan menyelenggara pelbagai kemudahan dan perkhidmatan perbandaran. Satu contoh yang jelas ialah bagaimana kerajaan negeri terpaksa meluluskan bajet RM1 juta pembekalan tambahan bagi membiayai kutipan sampah yang diuruskan oleh Alam Flora Sendirian Berhad di kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) pada Sidang DUN bulan Julai lalu. Pada bulan November juga diluluskan peruntukan yang sama berjumlah RM 870 ribu bagi menyelesaikan perkhidmatan kepada Alam Flora Sendirian Berhad bagi Majlis Daerah Sabak Bernam dan sekali lagi RM1 juta untuk Majlis Daerah Kuala Selangor, ini menandakan kewangan PBT terutamanya di peringkat Majlis Daerah tidak kukuh, malah untuk membiayai kos yang perlu pun tidak mampu. Pada masa yang sama kerajaan persekutuan masih bersikap adil dan saksama dalam membantu PBT di Selangor. Mengikut data dari Kementerian Kewangan Kerajaan Persekutuan, menyalurkan 2 jenis peruntukan.

1. Pemberian kepada PBT geran tahunan dasar kaedah keseimbangan berjumlah RM46,907,240.00 dan jumlah yang sama bagi 2010 sehingga bulan September.
2. Pemberian bayaran bil lampu jalan dan lampu isyarat berjumlah RM11,780,351.00 pada tahun 2009 dan meningkatkan RM16,600,701.00 sehingga September 2010.

Malangnya, oleh kerana tidak cukup kewangan untuk membayar bil elektrik khasnya untuk lampu jalan seperti berlaku di Hulu Selangor. Lebih kurang RM86,000.00 bil tunggakan tidak dibayar untuk Majlis dan untuk pemaju yang bawah Talam Corporation hingga RM374,000.00 yang tidak bayar. Maka kita nampak bahawa kebanyakan lampu jalan bergelap di masa malam bukan kerana ada kerosakan, oleh sebab tiada bekalan elektrik dari TNB, kerana bil tunggakan tidak dibayar. Ini adalah peruntukan kewangan kepada PBT di Selangor dalam membentuk terima bukan hasil yang banyak di konsisten. Persoalannya bagaimana inisiatif kerajaan Negeri dan PBT sendiri untuk menambah pendapatan dan mengawal perbelanjaan. Kita mahu atau kekukuhan kedudukan kewangan setiap PBT. PBT yang manakah yang boleh berdikari dan PBT manakah yang dibantu dan diberikan perhatian.

Seterusnya saya difahamkan baru-baru ini, elaun Ahli Majlis dinaikkan daripada RM500.00 hingga RM750.00 dan elaun untuk setiap mesyuarat adalah antara RM100.00 hingga RM150.00. Kita mahu tahu implikasi kewangan bagi setiap PBT atas kenaikan tersebut dan apakah pula impak positif terhadap rakyat serta cukai bilamana ahli majlis mendapat kenaikan elaun, apakah ini satu bentuk perbelanjaan yang berhemah.

Tuan Speaker, akhirnya saya juga ingin menyentuh isu melihat pelantikan ahli majlis PBT yang selubungi kontroversi kekecohan sehingga boleh mengabaikan perkhidmatan mereka kepada rakyat. Saya melihat isu ini akibat kegelojohan dan sikap tidak cermat Pakatan Pembangkang dalam menentukan calon-calon ahli majlis seperti amalan biasa. Pelantikan baru ahli majlis bagi pihak Berkuasa Tempatan akan menentukan dan dikuasai oleh parti yang memerintah, namun akibat kegelojohan umpamanya ada ahli majlis Ampang Jaya yang dilantik tetapi mempunyai rekod jenayah saman dan juga kongsi gelap. Terakhir isu penggunaan kepala surat dan cap rasmi Yang Berhormat EXCO Pandamaran, oleh seorang ahli majlis untuk sokong mendapatkan kerja kontrak Majlis Perbandaran Kelang, Dato' Menteri Besar tiada istilah pen ajaib atau sokongan mendapatkan kontrak dalam Pakatan Rakyat Pembangkang ternyata yang terjadi adalah sebaliknya. Walaupun parti ambil tindakan memecat yang berkenaan dan negeri melucutkan beliau sebagai ahli majlis, dia tidak tepat kerana isu duit PBT duit rakyat, dengan izin '*its a public fund*'. Bukan duit atau kerja kontrak parti. Ia tidak boleh diselesaikan hanya cara pentadbir tetapi mesti diselesaikan dengan cara perundangan. Akhirnya Yang Berhormat EXCO terbabit dapat pula melepaskan diri secara profesional, beliau wajar mengundur diri kerana gagal mengawal penggunaan kepala surat beliau dan membuktikan beliau tidak tahu perkara tersebut. Nampaknya slogan kebertanggungjawabannya terbukti hanyalah retorik kosong. Persoalan saya, adakah kerajaan negeri cukup serius dan bertanggungjawab untuk menangani masalah penyelewengan di PBT ini. Keduanya, mengapakah kes ini hanya di selesai dalam peringkat parti, sedangkan masalah melibatkan wang rakyat. Ketiga, adakah kes ini dilaporkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Jika ia, apa statusnya. Jika tidak, mengapa. Sedang ia melibatkan wang rakyat , '*public fund*'. Dengan kata-kata ni, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana beri peluang saya untuk berbahas titah ucapan DYMM Sultan. Sekian, terima kasih.

YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi turut sama untuk membahaskan usul menjunjung kasih titah DYMM Sultan Selangor. Bangi meneliti dan membuat rumusan tak kurang daripada 25 persoalan penting yang telah dikemukakan oleh Tuanku bagi perhatian Ahli-ahli Dewan. Ini mencangkup persoalan berhubung dengan

ekonomi, industri membawalah kepada penawaran mikro kredit kebajikan dan sebagainya. Bangi akan menyentuh sebahagian daripadanya. Tuanku menyebut bahawa dewan ini adalah merupakan tempat yang sebaiknya bagi kita membincangkan persoalan-persoalan yang membawa kepentingan kepada rakyat. Tetapi baginda meminta kepada kita supaya membahaskannya secara mendalam, teliti, intelektual dan demokratik. Saya fikir kita di Dewan Negeri Selangor ini adalah dewan yang terbaik yang terdiri daripada wakil-wakil yang mempunyai visi dan pandangan yang mendalam dan kita sebagai contoh mampu membahaskan hubungan kita dengan pihak *Federal* umpamanya kita telah menimbulkan soalan yang berhubung penghakisan kuasa Sultan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pegawai-pegawai atasan mengadakan sidang khas pada 24 Januari 2011. Saya fikir walaupun kita tidak dapat memenangi dari segi usul ini sokongan majoriti tetapi ini sebagai suatu percubaan yang bagus yang dapat menjadi contoh kepada Dewan-dewan Negeri lain. Sebenarnya memang kita mempersoalkan berhubung dengan perkara-perkara yang berhubung kait dengan federalisma seperti persoalan yang berhubung dengan hasil negeri yang kita memberi sumbangan 21% kepada pihak Kerajaan Persekutuan, soal tanah juga Kerajaan Federal yang kadang-kadang n campur tangan. Soal air walaupun hak negeri tetapi Kerajaan Persekutuan juga campur tangan, soal Kerajaan Tempatan, soal tenaga Alam Flora dan sebagainya. Saya fikir kita perlu meneroka banyak lagi aspek-aspek yang barangkali pihak federal mencoroboh atau melampaui hak-hak kuasa negeri supaya faedah-faedah bagi negeri-negeri kita dapat capai dengan cara maksimum bahkan barangkali ada perkara-perkara yang patut kita persoalkan walaupun telah ditetapkan dalam Peraturan Perlembagaan yang kemungkinan boleh memberi faedah kepada negeri kita boleh persoalkan bahkan kalau boleh kita Dewan-dewan di bawah Pakatan Rakyat atau keseluruhan dewan-dewan mendesak apa-apa perkara yang boleh memberi faedah bagi negeri ataupun kepentingan dua pihak kita berbincang supaya faedahnya dapat bersama baik antara Kerajaan Federal dan juga Kerajaan Negeri. Tuanku juga di dalam ucapan baginda menyentuh tentang soal ekonomi yang Selangor walaupun berada di bawah tekanan terutama dari Kerajaan Pusat tetapi mampu mencapai prestasi ekonomi yang lebih baik iaitu 7.2% mengatasi sedikit daripada prestasi yang dicapai oleh Kerajaan Persekutuan, jadi ini menunjukkan bahawa Selangor mampu maju dan berdikari walaupun dia sebagai sebuah negeri yang disifatkan sebagai pembangkang oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Sebab itu Bangi fikir ini menjadikan sebagai sesuatu yang menjadi iri hati kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang terus menerus menekan Kerajaan Negeri yang sepatutnya sebagai pemimpin atau Kerajaan Federal mereka membimbing kita tetapi penekanan terus dilakukan seperti yang berlaku umpamanya yang berlaku pada peringkat awal tekanan-tekanan kepada Ahli-ahli Dewan tertentu dengan mengadakan berbagai-bagai selidikan dan sebagainya, contoh sebagaimana yang berlaku kepada kes Teo Beng Hong yang sehingga sekarang masih belum selesai yang pada asalnya mungkin bertujuan untuk menekan seseorang ADUN, Ahli Dewan Negeri tetapi membawa kepada kes mahkamah yang tidak berterusan. Bertolak dari kes ini kita melihat ertinya tekanan dari aspek ini nampaknya berkurangan kerana implikasi yang dialami ertinya lebih besar daripada tujuan yang mereka ingin dapatkan. Walau macam mana pun kita melihat soal fitnah berterusan berlaku. Fitnah ini telah digunakan sebagai satu cara jatuhkan untuk menjatuhkan maruah kepimpinan di dalam Pakatan Rakyat kita dan kita lihat suatu masa yang panjang ertinya isu fitnah ini berlaku sejak daripada tahun 1990-an sehingga kini ertinya sudah lebih daripada 20 tahun soalan fitnah hanya dimainkan oleh Pihak Kerajaan. Saya fikir tidak adil dalam suatu negeri di dunia ini yang menggunakan isu fitnah secara berterusan dan ini sebenarnya menjatuhkan maruah Negara kita apalagi apa yang menjadi isu fitnah itu sesuatu yang ertinya perkara yang keji yang sepatutnya kita elak daripada menggunakannya sebagai bahan untuk menjatuhkan pembangkang dari segi kedudukan politik mereka. Sebab itu kita seharusnya bersikap di dalam menggunakan isu-isu melibatkan intelektual dan munasabah dan tidak sebagai sesuatu yang boleh kita sifatkan sebagai fitnah dan sebagainya. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi

keefisienan dalam pengendalian ekonomi memang ertinya Negeri Selangor lebih jauh ke depan. Kita mendapat maklumat umpamanya daripada Harakah yang terbaru. Bagaimana Kerajaan Pusat telah menghilangkan sebanyak 52 bilion saham bumiputera yang saham ini telah merosot tinggal sebanyak 2 bilion sahaja daripada 52 bilion merosot sehingga tinggal 2 bilion. Saya fikir ini suatu perkara yang besar seharusnya menjadi isu yang perlu kita gali dan pastikan ke mana sebenarnya telah hilang modal bumiputera yang diwar-warkan untuk membela ekonomi bumiputera tetapi modal ini telah hilang dan tinggal hanya 2 bilion sahaja. Ini menunjukkan kegagalan pihak dasar bantu bumiputera yang diwar-warkan oleh Kerajaan Pusat. Ini sebenarnya disebabkan oleh dicemari oleh kronisme, protisme dan rasuah yang terus berlaku pemerintahan Kerajaan Pusat itu sendiri. Kita melihat juga dari segi kemajuan Kerajaan Selangor dalam mana kita telah menjanakan pendapatan pada tahun 2010 dengan sebanyak 10.64 bilion kemudian projek industri kepada 325 projek berbanding dengan tahun 2009 projek industri sebanyak 278 projek. So bagaimana boleh dikatakan Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mampu di dalam mengendalikan ekonomi padahal dari segi statistik menunjukkan kita adalah negeri yang berkemampuan di dalam bidang ekonomi. Kita bersyukur sebenarnya kita dan negeri kita tidak mengalami bencana alam ataupun kebangkitan revolusi sebagaimana yang dialami oleh Negeri-negeri di Asia Barat seperti di Tunisia, Mesir, Syria dan Yaman. Kita sebagaimana seperti yang diminta oleh Tuanku mesti membangun dengan sumber manusia bukan sahaja mengurus dan memandu bahkan berdaya maju. Saya fikir kita di Selangor memang ertinya mempunyai modal-modal insan yang terpilih yang datang ke Selangor atau memang penduduk tempatan yang mempunyai tenaga modal insan terbaik di Negeri ini yang daripada usaha-usaha bersama yang kita telah berjaya meningkatkan prestasi ekonomi Negeri Selangor kepada taraf yang begitu baik dan cemerlang. Dan Bangi berpendapat kita bukan sahaja memberi tumpuan kepada modal-modal insan yang istimewa tetapi juga kepada kalangan mereka yang kurang baik dari segi bidang ekonominya umpamanya kita telah menawarkan kepada mereka kurang berkemampuan dari segi pinjaman yang kita kenali sebagai mikro kredit dan juga mimbar. Tetapi Bangi ingin mempersoalkan dari segi mikro kredit yang kita peruntukkan 50 juta dan juga mimbar 20 juta itu mengapakah dia dikendalikan secara berasingan? Satu umpamanya di bawah Pejabat Daerah dan satu lagi Majlis Perbandaran. Tidakkah dengan mengasingkan dua entiti dengan pentadbir-pentadbir dan pekerja-pekerja yang berlainan tempat ini merugikan tenaga manusia dan juga merugikan dari segi prestasi itu sendiri. Padahal umpamanya kalau kita di Selangor ini kita sudah ertinya batas dari Bandar dan Luar Bandar sudah begitu nipis ertinya bercampur antara Bandar dan Luar Bandar bahkan yang lebih Bandar lebih ketara dari Luar Bandar. So kalau mikro kredit ini kita asingkan antara Luar Bandar 50 juta dalam Bandar 20 juta padahal diakui bahawa mereka yang miskin lebih besar di Bandar mengapa umpamanya 20 juta diperuntukkan kalau di Bandar yang lebih besar yang miskin yang sedang di luar 50 juta yang mana Luar Bandar ertinya lebih kecil di Selangor ini. Dari satu segi Bangi berpendapat kiranya ini disatukan sahaja tidak diasingkan dari segi pentadbiran dan tidak diletakkan di bawah EXCO yang berlainan ini mungkin ertinya boleh menyelamatkan dari segi pentadbiran, dari segi penggunaan kewangan dan juga efisien dari segi pentadbiran itu sendiri. Jadi kita mengharapkan ertinya ini difikirkan balik supaya tak banyak tempat, tak banyak tenaga, kerja bertindih dan sebagainya. Bangi berpendapat ertinya kita dari segi ini kita hendak memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil, petani-petani kecil dan sebagainya. Setakat ini kita hanya menawarkan melalui borang mereka yang berminat dan kita beri pinjaman dan kita buat pantauan. Tapi Bangi berpendapat kita mesti mengenal pasti mereka yang seharusnya diberi pinjaman dan layak dan mempunyai minat yang dalam dari segi perniagaan. Sebab itu kita jangan kita kira sangat dari segi kerugian dari segi peruntukan. Bahkan sebenarnya ini sebagai satu menanam modal. Ertinya kita perlu mengadakan kursus-kursus dalam berbagai bidang yang berkaitan dengan perusahaan, pertanian dan sebagainya. Bila kita mengadakan kursus kita menawarkan melalui pasti melalui ketua kampung ke, Ahli MPKj ke dan sebagainya ataupun penawaran secara terbuka kita pilih

interview bagi kursus pendek dan kita boleh mengecam mereka yang layak, berkemampuan kita pilih dan beri pinjaman dan bimbing terus daripada terus kita beri pinjaman ertinya kita tidak tahu latar belakang mereka, kemampuan mereka, kelayakan mereka dan sebagainya. Jadi walau macam mana ertinya pinjaman-pinjaman ini memang sesuatu pinjaman yang baik dan kita berharap dia menjadi sebagai suatu contoh dan identiti bagi Pakatan Rakyat kita dalam membela rakyat dari segi memberi pinjaman ataupun kredit, *small credit* kepada pengusaha-pengusaha kecil sendiri. Kursus-kursus yang barangkali boleh diberi bimbingan ataupun pengenalan pasti umpamanya hari Ahad baru ini di Bangi kita anjurkan kursus-kursus menternak kambing. Kita mendapat sambutan di luar dugaan. Pada asal kita jangka 20 orang sahaja. Bila kita iklan datangnya 100 orang peminat dari segi dia nak memelihara kambing. Jadi kalau melalui kursus ini bila sudah bagi kursus dan kita kenal pasti bagi sedikit lagi kursus kita kenal pasti dia kita pilih mana yang benar-benar layak mana yang benar-benar hanya nak tahu sahaja bidang pelihara kambing dan sebagainya itu kita lebih ertinya mendapat mereka yang memang berkelayakan. Begitu juga kursus ke usahawan kecil, kursus *franchise* dari segi keluaran-keluaran yang mempunyai potensi dari segi perkembangan kursus umpamanya kontraktor kecil. Kita banyak pengalaman di pejabat kita ramai yang nak jadi kontraktor. Hantar borang, tanya dia pernah jadi kontraktor, ada tak pernah, tak ada pengalaman dan sebagainya. So kalau kita bagi pinjaman kepada orang yang sedemikian barangkali tak mendapat keuntungan yang memuaskan. Kalau diberi kursus dan sebagainya mungkin mereka ini menjadi orang berpotensi dari segi kontraktor. Begitu juga kursus mengenai pengeluaran makanan, begitu juga peluang-peluang kerja di rumah umpamanya. Sekarang orang dok cakap tentang berpeluang kita bekerja dari rumah melalui Internet dan sebagainya. Kita dengar sahaja, saya sendiri tak berapa mengetahui macam mana boleh bekerja dari rumah, boleh mendapat pendapatan lumayan tapi kalau ada orang pakar dalam bidang ini bagi kursus pada mereka yang berkenaan dan beri modal boleh membentuk suatu kelompok atau golongan masyarakat yang boleh bekerja dari rumah dengan tidak perlu pergi ke pejabat dan boleh mereka menjaga keluarga dengan lebih baik dan sebagainya.

Begitu juga kursus bertani secara saintifik. Macam kambing tadilah. Sekarang kalau tak ada tanah luas pun, ada setengah ekar pun boleh pelihara kambing dengan kaedah-kaedah saintifik. Tak perlu ada berekar-ekar nak lepas kambing ye. Kalau kita tak kursus, pelihara sahaja dah kambing, saya ingat dua (2), tiga (3) hari dah mati dah. Tak tahu kaedah. Begitu juga apa ni dan sebagainya dan berbagai-bagai bidang yang lain lagi. Saya fikir, Bangi berpendapat bahawa kita di negeri Selangor ni memang sudah banyak membuat berbagai-bagai kemajuan bagi pihak rakyat tetapi pembangkang memanglah menafikan. Tetapi barangkali maklumat-maklumat yang kita lakukan ini tidak banyak sampai kepada rakyat. Misalnya soal apa ni, Usia Emas. Banyak kita turun ke tengah masyarakat, mereka tidak tahu yang Usia Emas ini yang telah kita beri khidmat sejak dah tiga (3) tahun setengahnya tak dapat maklumat. Maklumat-maklumat ini oleh kerana kita memang disekat oleh pihak yang berkuasa dari segi menguasai media sama ada media elektronik, media cetak dan sebagainya. Bahkan bukan setakat itu sahaja, dia sekat kita. Kita keluar Selangor Kini, dia keluar Selangor Terkini. Jadi itu konspirasi dia. Konspirasi yang apa ni, kita ada lesen. Dia tak ada lesen. Dia buat ciplak dan dia secara senyap-senyap, secara gelap. Tidak tahu siapa Penerbitnya. Itu contoh dari segi penerbitan secara bercetak. Secara elektronik memang hebatlah, macam apa ni, semua saluran TV itu adalah milik BN. Seolah-olah, bukan barangkali, macam itulah.

Jadi ertinya kita tidak mendapat ruang dari segi publisiti dan sebagainya. Tetapi akibat daripada sini kita sebenarnya tercorok dari segi kebebasan media itu sendiri. Kalau kita lihat dari segi maklumat kedudukan '*press freedom*'. Kita sebenarnya berkedudukan jauh ketinggalan di belakang daripada Filipina yang berkedudukan pada nombor yang ke 97 di dunia. Indonesia, 109. Thailand, 124. Kemboja. Kita lebih kemudian daripada Kemboja yang

lebih tercorot. Kemboja, 134. Malaysia, 14. Itu akibat sekat-sekatlah tu. Ertinya kita di dunia, ertinya berada pada tahap yang corot, tak boleh kata tercorot, corot. Kita rasa kita dah maju dari segi media. Tapi kerana sekat, sebenarnya kita berada di kedudukan corot dari segi perkembangan media.

Kita juga 'ranking' dari segi 'free media'. Kalau kita tengok Amerika berada pada peringkat ke 18, UK 19, Malaysia 64. Depan sikit daripada Burma 95. Jadi itu kedudukan kita di Malaysia. Bahkan dalam 'Reporters Result Borders' yang dikeluarkan pada 12 Mac 2011, sepuluh (10) negara musuh Internet dan 15 negara di dalam pengawasan. Ini termasuk Malaysia, 15 itu kita adalah Negara yang di dalam pengawasan mata dunia tentang ketidak-telusan kita dari segi media. Jadi, itu ertinya akibat daripada tekanan-tekanan dari segi publisiti yang kita disekat oleh Kerajaan Pusat. Sebab itu, seharusnya ertinya mestilah diberi ruang juga kepada kita dari segi publisiti yang sepatutnya. Ini adalah milik rakyat dan seharusnya rakyat juga mendapat ruang dari segi kebebasan media ini.

Satu perkara yang telah dikemukakan oleh Tuanku dalam titah Baginda ialah tentang memantapkan keluarga. Dari segi kemandapan keluarga ini memang ertinya kalau kita lihat keadaan sekarang keluarga kita makin goyah daripada kalau kita lihat banyaknya peristiwa-peristiwa dalam mana pembuangan anak, penderhakaan, perpisahan antara keluarga dan sebagainya. Begitu juga kalau kita lihat dalam pembinaan keluarga Islam pun juga nampaknya semakin goyah. Kalau kita lihat dari segi statistik keluarga yang berkahwin dan bercerai. Ini keluarga Islam ye. Kalau kita lihat pada tahun 2008, perkahwinan berlaku 16,021 orang, sedangkan perceraian adalah 4000 orang. Pada tahun 2009, perkahwinan 17,200 orang, yang bercerai ialah 4600 orang. 2010 belum ada statistik tapi kita jangka meningkat kepada 18,000. Bererti lebih kurang 5000 yang bercerai. Ertinya tiap-tiap tahun berkahwin, 1 per 3 daripadanya bercerai. Jadi ini barangkali kita boleh memperbaiki dari segi pembinaan keluarga dengan mengadakan berbagai-bagai umpamanya kursus. Kita tertarik dengan apa yang dianjurkan oleh berbagai-bagai pihak termasuk JAIS sendiri mengadakan Keluarga Sakinah dan program Keluarga Sakinah ni nampaknya bukan lagi pihak JAIS dan sebagainya. Sehingga kepada Badan-badan tertentu juga, Persatuan bahkan pejabat-pejabat Dewan Negeri, kawasan pun juga menganjurkan Keluarga-keluarga Sakinah. Saya fikir ini patut diperluaskan bagi membina masyarakat kita supaya mereka lebih bersatu, mengurangkan perceraian, merapatkan hubungan kekeluargaan.

Selain daripada itu, bagi membina Keluarga Sakinah dan juga sebenarnya membina masyarakat umat Islam dan bangsa kita perlu ditekankan dari segi asas didikan keagamaan dan juga pengajian. Pendidikan keagamaan ini samada formal di sekolah-sekolah agama, sekolah biasa dan sebagainya perlu kepada pengajian berterusan. Kita bersukacita melihat ertinya pengajian-pengajian sedang bersemarak berlaku di masjid, surau di negeri Selangor ini dengan agak hebat. Ertinya sambutan-sambutan di beri oleh pihak masyarakat begitu hebat. Bahkan kita melihat masjid, surau bukan lagi hanya tempat sembahyang, ibadat tetapi juga dia adalah menjadi pusat bagi kegiatan kemasyarakatan. Bahkan memang ini berlaku. Kalau kita tengok dalam masa cuti sekolah berbagai-bagai kegiatan dilakukan di masjid, surau. Dari segi tuisyennya, pembinaan masyarakat bahagiannya, Keluarga Sakinahnya dan sebagainya. Kita harap kursus-kursus ataupun kegiatan sedemikian, kita galakkan supaya dia dapat membina masyarakat Sakinah khususnya dalam masyarakat umat Islam di negeri Selangor ini.

Selain daripada itu, kita juga mengharapkan usaha-usaha yang lebih luas, peruntukan-peruntukan dapat ditambah dari segi pendidikan-pendidikan keislaman, kursus-kursus dan berbagai-bagai kegiatan-kegiatan ataupun didikan keagamaan di tengah masyarakat. Selain daripada itu, kita juga memberi perhatian bagi membina masyarakat kepada masyarakat yang kurang bernasib baik. Saya fikir kita telah menjalankan tindakan yang baik dengan

mengadakan berbagai-bagai kebajikan seperti Warisan Anak Selangor, air percuma, masuk universiti diberi peruntukan kepada pelajar, Mesra Usia, hasil batuan dan pendidikan pekerja lading yang semuanya ertinya melibatkan RM100 juta setiap tahun. Ini adalah satu penanaman modal yang dapat menyeimbangkan walaupun tidak dapat menyamakan dengan kedudukan taraf mereka yang hidup selesa. Sekurang-kurangnya kita dapat memperbaiki kedudukan masyarakat yang agak ketinggalan di tengah masyarakat ini.

Selain daripada itu, dalam titah Tuanku, Baginda menyentuh juga tentang perlunya dipertahankan warisan negeri Selangor. Saya diberi kesempatan oleh pihak Muzium sebagai mewakili EXCO dalam bidang ini pergi melawat ke Jugra pada 15 Mac 2011 baru-baru ini untuk melawat tempat-tempat sejarah di sana. Saya dapati memang di sana banyak tempat warisan sejarah dan setengahnya tidak diberi perhatian oleh apa ni. Barangkali belum tiba masanya oleh pihak Muzium untuk menghidupkan atau menjaga warisan yang telah ditinggalkan khususnya dari segi kesan-kesan sejarah pemerintahan negeri Selangor peringkat awal yang berlaku di Kuala Langat, di Jugra. Saya dapati di situ memang banyak bahan-bahan sejarah yang tidak diberi perhatian sebelum daripada ini. Umpamanya tempat ini adalah tempat awal pemerintahan di raja Selangor di negeri Selangor ini. Banyak tempat-tempat persejarahan ini terbiar misalnya Pejabat Daerah yang terawal, kubu-kubu yang mempertahankan perniagaan bijih timah di situ terbiar dan pusat ataupun Pejabat Polis terawal di situ juga terbiar. Tetapi ada kesedaran peringkat awal tentang kepentingan-kepentingan tempat sejarah di situ. Kita berharap, ertinya tempat ini terutama yang dipertanggungjawabkan iaitu PADAT supaya warisan tradisional yang ada di Kuala Langat ini diberi perhatian sebelum ia dihapuskan. Cuma sayangnya saya dapati tempat-tempat ini telah diceroboh dan bertukar, maaflah saya sebut, menjadi tempat tanah perkuburan. Sebahagian daripada elemen-elemen sejarah itu ertinya tergugat. Oleh kerana tidak disedari dari segi kepentingan sejarah yang ada di tempat itu. Umpamanya kubu-kubu mempertahankan Kuala Langat itu daripada serangan-serangan musuh, tempat-tempat perniagaan bijih, rumah-rumah pengawalan, rumah-rumah Pejabat Daerah peringkat awal di atas bukit dan sebagainya tidak diberi perhatian. Begitu juga warisan dari satu segi juga ertinya warisan-warisan tradisi dari segi seni bina Istana dan sebagainya di situ memang banyak masih kedapatan yang perlu dipelihara. Selain daripada itu, kita dapati di situ umpamanya istana-istana dan tempat-tempat pertahanan, alat-alat perlombongan yang terdapat di situ yang perlu dipertahankan dan saya fikir kita tidak boleh membiarkannya sehingga ia hilang tanpa kita memeliharakan ia.

Selain daripada itu, kita perlu memberi imej yang baik terhadap warisan-warisan sejarah yang kita telah warisi daripada masyarakat kita yang sebelum ini supaya ertinya elemen-elemen sejarah ini tidak akan hilang daripada kita warisi. Begitu juga.....

TUAN SPEAKER : YB, boleh sambung esok? Masa sudah sampai.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Insya-Allahlah. Jadi, ertinya kita perlu mempertahankan tempat ini sebagai bukti warisan yang berharga terutama kepada negeri Selangor ini. Insya-Allahlah. Terima kasih, sambung esok. (Dewan ketawa).

TUAN SPEAKER : Sambung esok.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh fikir lagi malam ni, tambah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli YB sekalian, jam sudah menunjukkan pukul 6.00 petang. Maka, dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 30 Mac 2011, bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)